

**KAJIAN RINTIS PEMBELAJARAN TATABAHASA BAHASA ARAB BAGI
TUJUAN IBADAH DALAM KALANGAN PELAJAR DEWASA
DI UMCCeD, UNIVERSITI MALAYA**

***A PILOT STUDY ON THE LEARNING OF ARABIC GRAMMAR FOR THE PURPOSE
OF WORSHIP AMONG ADULT LEARNERS AT UMCCeD, UNIVERSITY OF
MALAYA***

Muhammad Sabri Sahrir¹, [Nurulhuda Osman](#)², [Ilyani Syiham Muhammad](#)³

ABSTRAK

Bahasa Arab adalah satu bahasa yang istimewa dalam Islam dan penganutnya. Justeru, bahasa ini dipelajari oleh umat Islam secara khususnya dalam pelbagai usia dan kelompok masyarakat, sama ada secara formal ataupun tidak. Sebagai contoh, pelbagai kursus bahasa Arab untuk masyarakat awam yang bertujuan menyebarkan pengetahuan bahasa ini dengan lebih luas bagi tujuan memahami Al- Quran, Hadis dan ibadah seharian dianjurkan dengan menggunakan pelbagai modul dan objektif pengajaran. Kajian ini dijalankan bagi menilai sebuah kursus bahasa Arab berkaitan pembelajaran tatabahasa (nahu) bahasa Arab yang telah dijalankan oleh Pusat Pendidikan Berterusan (UMCCed), Universiti Malaya, Kuala Lumpur secara dalam talian antara Oktober 2021 hingga Februari 2022. Para responden dipilih secara purposif daripada 35 pelajar kursus ini yang diminta untuk menjawab instrumen bercampur di antara soal selidik kuantitatif dan kualitatif bagi mendapatkan dapatan yang mendalam. Hasil kajian menunjukkan majoriti pelajar awam kursus ini berpuas hati dengan kualiti kandungan dan kaedah pengajaran yang telah dilaksanakan. Para pelajar juga mencadangkan beberapa elemen yang perlu diintegrasikan dalam modul kandungan kursus tatabahasa Arab untuk masyarakat awam. Selain itu, beberapa cadangan penambahbaikan turut diberikan bagi memantapkan lagi kursus bahasa Arab ini pada masa hadapan. Dapatan kajian ini dapat dimanfaatkan bagi menjadi penanda aras terhadap pelbagai kursus bahasa Arab untuk masyarakat awam yang dianjurkan oleh pelbagai institusi pada masakini.

Kata kunci: Nahu Bahasa Arab, Pembelajaran Bahasa Bagi Ibadah, Masyarakat Awam, Pembinaan Modul

ABSTRACT

Arabic is a language that has a special position in Islam. Thus, this language is learned by Muslims in particular in various ages and groups of society, whether formally or otherwise. For example, various Arabic language courses for the general public aimed at disseminating knowledge of this language more widely for the purpose of understanding the Al-Quran, Hadith and daily worship are organised using various modules and teaching objectives. This study was conducted to evaluate an Arabic language course

¹ Muhammad Sabri Sahrir, (PhD), Professor, Department of Language and Literacy, Kulliyah of Education, IIUM. Email: muhdsabri@iium.edu.my

² Nurulhuda Osman, (PhD), Lecturer, Quranic Language Division, CELPAD, IIUM. Email: nhuda@iium.edu.my

³ Ilyani Syiham Muhammad, (M.ED), Lecturer, Quranic Language Division, CELPAD, IIUM. Email: ilyani@iium.edu.my

related to the learning of Arabic grammar (Nahu) that was conducted by the Center for Continuing Education (UMCCed), University of Malaya, Kuala Lumpur online from October 2021 to February 2022. Respondents purposively selected from 20 students of this course were asked to answer a mixed instrument between quantitative and qualitative questionnaires to obtain in-depth findings. The results show that the majority of public students of this course are satisfied with the quality of content and teaching methods that have been implemented. The students also suggested some elements that need to be integrated in the content module of the Arabic grammar course for the general public. Apart from that, some suggestions for improvement are also given to further strengthen this Arabic language course in the future. The findings of this study can be used as a benchmark for various Arabic language courses for the general public organised by various institutions today.

Keywords: *Arabic Grammar, Language Learning For Ibadah, Civil Society, Module Development*

Pendahuluan

Bahasa adalah salah satu elemen penting dalam kehidupan manusia oleh pelbagai bangsa Ianya digunakan dalam pelbagai tujuan seperti berkomunikasi, yang merupakan salah satu platform yang dapat menjamin keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat. Buktinya, Allah SWT menjelaskan kepentingan bahasa berdasarkan firmanNya yang bermaksud: "Dan Dia telah mengajarkan nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Dia berfirman: Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya, jika kamu golongan yang benar." (Surah al-Baqarah, 2: 31). Ayat ini secara jelas membuktikan bahawa nabi Adam merupakan manusia pertama yang diciptakan dan diberikan ilmu bahasa oleh Allah SWT dalam bentuk pengenalan tentang nama sekalian kejadian ciptaanNya.

Jika ditelusuri sejarah bermulanya perkembangan bahasa Arab di Malaysia, ia telah berada di Tanah Melayu sejak kurun pertama Hijrah iaitu selaras dengan penerimaan masyarakat Melayu terhadap agama Islam (Fatimi, 1963; Abdullah Jusuh, 1989). Berselari dengan tersebarnya agama Islam di rantau ini, banyak perubahan telah berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu ketika itu meliputi aspek kepercayaan, politik, pendidikan, kebudayaan dan kemasyarakatan. Perubahan sosial ini turut melibatkan proses pembelajaran bahasa Arab di mana ianya telah berkembang secara aktif sebagai 'bahasa rasmi' kepada agama Islam, disebabkan keperluan mempelajarinya bagi memahami dan mendalami agama Islam serta untuk menunaikan ibadah (Rosni, 2009). Tambahan lagi, bahasa Arab turut berperanan memartabatkan bahasa Melayu sehingga mencapai status bahasa ilmu (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2012). Proses peminjaman kosa kata Arab yang dipakai dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu merupakan contoh paling jelas bagi membuktikan pengaruh besar bahasa Arab dalam bahasa nusantara ini.

Dalam konteks bahasa Arab di Malaysia, Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang penting selain bahasa Inggeris dan lain-lainnya, khasnya dalam kalangan penganut Islam (Wan Azura, Lubna, Arnida dan Zainur Rijal, 2009) kerana bahasa ini mempunyai peranan yang penting terutama dalam memahami bacaan solat, doa harian, ibadat haji dan umrah, serta bacaan al-Quran. Selain itu, pengajaran bahasa Arab di Malaysia semakin hari semakin berkembang. Malah pengajaran bahasa Arab telah bermula di Malaysia sejak dari kedatangan Islam secara tidak rasmi dengan tujuan untuk memahamkan ajaran Islam dan pelaksanaan

ibadahnya yang berkembang daripada pengajian Islam di institusi pondok serta diperluas oleh sistem pendidikan tidak formal seperti 'pondok' dan madrasah, kemudian terus berkembang kepada pelbagai cabang subjeknya hinggalah ke hari ini (Rosni, 2009). Di peringkat institusi pengajian tinggi, bahasa Arab ditawarkan dalam pelbagai variasi struktur program akademik yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Agency - MQA) sama ada di peringkat sarjana muda Bahasa Arab (Muhammad Sabri, Nurkhamimi dan Mohd Shahrizal, 2016) ataupun sarjana muda Bahasa Arab dengan bidang pendidikan (Muhammad Sabri dan Ilyani Syiham, 2019).

Proses pengajaran bahasa Arab ini telah berkembang pesat bermula dari peringkat rendah dengan pelaksanaan program j-QAF (Jawi, Quran, Arab dan Fardu Ain) di sekolah rendah. Bagi peringkat tinggi pula, banyak institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menawarkan program pengajian bahasa Arab secara akademik seperti di Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) turut bersama dalam membuka ruang pengajian bahasa Arab di Malaysia kepada pelajar masing-masing. Hal ini dapat dilihat apabila beberapa buah institusi pengajian tinggi swasta yang berorientasikan agama menawarkan pengajian bahasa Arab khususnya kepada para pelajar diploma dan ijazah pertama. Antara institusi-institusi tersebut ialah Al-Madinah International University (MEDIU), Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UNISHAMS), Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UIPSAS), Universiti Islam Selangor (UIS), Universiti Islam Sultan Azlan Shah (UISAS), Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Kolej Islam Antarabangsa (IIC), dan lain- lain (Mohd Shahrizal, Muhammad Sabri dan Mohd Firdaus, 2015).

Selain itu, prospek dan kegunaan bahasa Arab juga turut dimanfaatkan bagi pelbagai tujuan seperti komunikasi antarabangsa dan pelancongan Islam seperti melatih pemandu pelancong yang mahir berkomunikasi dalam bahasa Arab (Muhammad Sabri, 2013). Justeru, dapatlah difahami bahawa bahasa Arab satu sudah tidak asing dalam kehidupan masyarakat muslim khususnya di Malaysia. Mentaliti negatif yang menyatakan bahawa bahasa Arab itu rumit dan sukar untuk dipelajari perlu diperbetulkan, sebaliknya ia merupakan satu bahasa yang mudah untuk dipelajari dan penggunaannya telah sehati dalam kehidupan seharian umat Islam sejak sekian lama.

Perkembangan Kursus Bahasa Arab Untuk Orang Awam Di Malaysia

Pelbagai kajian telah dijalankan bagi memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di pelbagai peringkat pendidikan di Malaysia. Kajian ini dilihat sebagai satu usaha positif bagi memastikan kemapanan proses pemeraksanaan penagajaran bahasa Arab di Malaysia. Namun begitu, proses pembelajaran bahasa Arab tidak sewajarnya tertumpu dalam kelompok di institusi pendidikan semata-mata, bahkan turut patut melibatkan masyarakat awam khususnya bagi tujuan ibadah. Realiti ini disokong oleh Hassan Basri dan Mohd Azhar (2005) yang menyatakan bahawa pengajaran bahasa Arab perlu diperluaskan kepada umum seperti pengajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus.

Menurut Kamarul Shukri et al. (2012), kedudukan bahasa Arab sebagai 'bahasa ibadah' turut mempengaruhi proses pembelajaran bahasa Arab oleh masyarakat Muslim

melalui persekitaran amalan beragama berkaitan agama Islam yang dipraktikkan. Faktor utamanya adalah ini disebabkan mereka sentiasa menggunakan bahasa tersebut dalam pelaksanaan amal ibadah secara harian seperti melaksanakan amal ibadah seperti solat, azan, tilawah al-Quran, zikir, khutbah, selawat, doa dan sebagainya. Situasi ini membuktikan secara jelas bahawa bahasa Arab digunakan oleh setiap individu muslim dalam kehidupan seharian sebagai hamba Allah SWT yang taat di atas segala titah perintah-Nya. Justeru, konsep bahasa Arab sebagai 'bahasa agama' telah menjadi agenda perbincangan dan perdebatan banyak pihak termasuk ahli linguistik, ahli teologi dan ahli falsafah (Komaruddin, 1996). Dengan sebab itu, bahasa Arab tidak boleh dipisahkan daripada pelaksanaan amal ibadah oleh umat Islam dan keperluan untuk mempelajari bahasa Arab tidak hanya tertumpu kepada golongan tertentu dan tujuan akademik sahaja, bahkan ia turut menjadi satu keperluan penting bagi masyarakat awam yang beragama Islam.

Keperluan mempelajari bahasa Arab untuk memahami al-Quran dan tujuan ibadah turut disokong oleh kajian Naimah, Norhayuza, Zuraini, Aini, Juridah dan Midiyana (2006), Zamri, Mohd Yusri dan Mohammad Kamil (2012) dan Suhaila, Salamiah, Ummu Hani, Kahzri, Zainuddin dan Hakim (2012). Kajian berkaitan pengajaran bahasa Arab yang berkait dengan tujuan agama seperti yang dijalankan di bawah program j-QAF turut disarankan oleh Ismail, Wan Maizatul Akmar dan Azman (2013) supaya diberi penambahbaikan secara berterusan bagi memastikan ia dapat menjadi satu inovasi dalam sistem pendidikan negara. Menurut Che Radiah & Raja Masittah (2011), golongan warga emas adalah di antara golongan majoriti yang mengikuti kelas-kelas pengajian bahasa Arab ini sama ada secara formal mahupun tidak formal di masjid, surau, institusi pendidikan bahasa Arab awam mahupun swasta dan sebagainya. Pelajar warga emas telah memilih bahasa Arab sebagai bahasa yang ingin dipelajari bagi memenuhi keperluan utama mereka untuk mendalami agama, melalui kefahaman jitu terhadap kandungan al-Quran dan Hadis serta sebagai suatu usaha ke arah pemantapan kualiti ibadah harian mereka. Pelbagai kursus bahasa Arab bagi masyarakat awam telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak dan institusi, menggunakan pelbagai rujukan dan modul serta mempunyai objektif kursus yang tersendiri. Semasa era pandemik COVID-19, kursus-kursus ini turut dilaksanakan secara dalam talian yang menunjukkan bahawa sambutan masyarakat terhadap program pembelajaran bahasa Arab sentiasa kekal dan subur.

Selain itu, usaha pemerksaan sumber dan strategi bahasa Arab untuk tujuan ibadah atau tujuan agama juga giat dilaksanakan. Sebagai contoh, Strategi Metafizik sebagai salah satu Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) digunakan untuk mengukuhkan hubungan antara pembelajaran bahasa Arab dengan ibadah. Menurut Kamarul Shukri, Mohamed Amin, Nik Mohd Rahimi dan Zamri (2009), pengaruh agama dan ibadah ke atas pembelajaran bahasa secara umumnya dan penggunaan SPB secara khususnya menjadi lebih kukuh apabila bahasa tersebut merupakan bahasa agama dan ibadah. Kemunculan buku dan rujukan pembelajaran bahasa Arab yang memberi fokus kepada tujuan ibadah turut menyerlahkan usaha berterusan ke arah pemerksaan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Tujuan ibadah di sini merangkumi aspek ayat-ayat al-Quran, hadis Rasulullah SAW, bacaan dalam ibadah seperti solat dan haji serta bacaan zikir dan doa harian. Antara buku atau modul pembelajaran bahasa Arab tersebut ialah *Panduan Belajar Bahasa Arab untuk Jemaah Haji dan Umrah* oleh Muhammad Sabri Sahrir (2009), *Pengajaran Bahasa Arab Menerusi al-Quran* oleh Sohair Abdel Moneim Sery (2010), *Bahasa Arab untuk Ibadah* oleh Mohd Puzhi Usop dan Mohammad Seman (2010), *Asas Bahasa Arab Melalui al-Quran* oleh Zainuddin Ismail, Ibrahim Yaacob dan Salamiah Ab. Ghani (2010), *Fahami*

Bacaan dalam Solatmu (2011) oleh Ibrahim Hashim, Isahak Haron et al. (2011) dan banyak lagi

Meskipun kemunculan sumber pembelajaran atau modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab adalah didapati amat menggalakkan dan semakin banyak dalam realiti semasa, namun berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Suhaila et al. (2012), kesemua modul ini masih belum memenuhi kehendak khalayak pembaca atau pelajar bahasa Arab daripada kalangan masyarakat awam. Penggunaan modul yang sesuai adalah penting kerana kajian Hasanah et. al. (2019) menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan positif yang signifikan di antara modul pembelajaran bahasa Arab dengan peningkatan kecekapan bahasa Arab dalam kalangan pelajar dewasa yang dijalankan di pusat-pusat bahasa Arab. Selain itu, kajian Nurulhuda dan Muhammad Sabri (2020) juga mencadangkan beberapa aspek penambahbaikan yang boleh dilakukan terhadap modul kosa kata kursus Bahasa Arab untuk golongan dewasa yang dijalankan di UIAM.

Yang pastinya, masih terdapat ruang dan potensi yang boleh diisi dan digilap bagi tujuan penambahbaikan dari semasa ke semasa. Dari sudut yang lain pula, usaha mencari kaedah atau modul pembelajaran bahasa Arab yang lebih efektif perlu terus dijalankan agar dapat memberi nilai tambah yang terbaik dalam usaha meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah khususnya yang melibatkan masyarakat awam. Bertolak daripada permasalahan ini, kajian ini dijalankan bagi menilai dengan lebih spesifik dan khusus terhadap sebuah kursus bahasa Arab berkaitan pembelajaran tatabahasa (nahu) bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang telah dijalankan oleh Pusat Pendidikan Berterusan (UMCCed), Universiti Malaya, Kuala Lumpur secara dalam talian antara Oktober 2021 hingga Februari 2022.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti latarbelakang dan keperluan pelajar yang mengikuti kursus bahasa Arab berkaitan pembelajaran tatabahasa (nahu) bahasa Arab.
2. Menilai keberkesanan kursus bahasa Arab berkaitan pembelajaran tatabahasa (nahu) bahasa Arab bagi masyarakat awam.
3. Meninjau cadangan lanjut bagi penambahbaikan kualiti kursus modul Qawa'id (nahu) bahasa Arab ini pada masa mendatang.

Metodologi Kajian

Kajian rintis ini menggunakan metode bercampur di antara kuantitatif deskriptif dan kualitatif soalan terbuka yang melibatkan borang soal selidik (*survey*) secara dalam talian (online) melalui Google Form pada bulan Februari 2022. Para responden dipilih secara purposif daripada 35 pelajar kursus secara dalam talian semasa era pandemik COVID-19 yang diminta untuk menjawab instrumen bercampur di antara soal selidik kuantitatif dan kualitatif bagi mendapatkan dapatan yang mendalam, namun hanya 20 orang yang menjawabnya. Bilangan ini adalah diterima berdasarkan bilangan minima bagi kajian rintis dalaman (Birkett and Day, 1994). Tambahan lagi, respons kualitatif juga menunjukkan dapatan tepu (data saturation) yang boleh diterima. Item-item dalam kaji selidik ini ditanya dalam bahasa Melayu kerana responden adalah dalam kalangan masyarakat pelajar Muslim awam yang masih belajar bahasa Arab di

peringkat asas. Para peserta Kursus Bahasa Arab (KBA) ini telah mengikuti 16 sesi pembelajaran secara dalam talian berjumlah 32 jam dan 8 sesi pembelajaran aktiviti bebas sebanyak 16 jam secara waktu fleksibel bersama pensyarah.

Kajian ini telah mengadaptasi sebuah instrumen daripada Mohd Shahrizal, Muhammad Sabri dan Mohd Firdaus (2015) yang terdiri daripada empat bahagian iaitu Bahagian A; latar belakang responden sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual 2, 3 dan 4. Manakala dalam bahagian B dan D, skala Likert 5 digunakan bagi menilai persepsi responden terhadap pembelajaran bahasa Arab dan pandangan mereka tentang ciri-ciri umum pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah (1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Setuju, dan 5 = Sangat Setuju). Bahagian C pula mengandungi soalan aras terbuka berkaitan cadangan responden bagi penambahbaikan kualiti kursus modul Qawa'id (nahu) bahasa Arab pada masa hadapan. Berikut ialah 4 bahagian borang soal selidik kajian yang dinyatakan dalam Jadual 1:

Jadual 1: Kandungan item set soal selidik

Bahagian	Item
A	Latar belakang (background) responden
B	Respons terhadap keberkesanan kursus bahasa Arab berkaitan pembelajaran tatabahasa (nahu) bahasa Arab bagi masyarakat awam.
C	Cadangan lanjut responden bagi penambahbaikan kualiti kursus modul Qawa'id (nahu) bahasa Arab ini pada masa akan datang.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini diambil daripada 20 orang responden yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dalam kajian ini. Berikut dinyatakan maklumat berkaitan mereka.

Bahagian A: Latarbelakang Responden

Jadual 2 menunjukkan maklumat responden jantina masing-masing di mana bilangan di antara pelajar dewasa lelaki dan wanita agak seimbang di antara 55% bagi lelaki dan 45% bagi wanita.

Jadual 2: Jantina responden

Item	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Lelaki	11	55
Perempuan	9	45
Jumlah	20	100.0

Jadual 3 di bawah menunjukkan maklumat berkaitan umur responden. Majoriti responden terdiri daripada kategori yang berumur di antara 41- 50 tahun (50%), diikuti oleh responden yang berumur di antara 31 – 40 tahun (25%) dan 51 – 60 tahun (20%). Hanya seorang responden yang berumur di antara 20 – 30 tahun dalam kajian ini.

Jadual 3: Umur Responden

Kategori	Kekerapan (N)	Peratus (%)
20 – 30 tahun	1	5
31 – 40 tahun	5	25
41 – 50 tahun	10	50
51 – 60 tahun	4	20

60 tahun ke atas	0	0
Jumlah	20	100.0

Jadual 4 di bawah menunjukkan maklumat berkaitan kelayakan akademik responden. Majoriti responden didapati mempunyai Ijazah Sarjana Muda dengan 32%, diikuti oleh Diploma dan SPM (20%), PhD (15%) dan Sarjana (10%).

Jadual 4: Kelayakan akademik responden

Kelayakan akademik	Kekerapan (N)	Peratus (%)
SPM/STPM	4	20
Diploma	4	20
Ijazah	8	32
Sarjana	2	10
PhD	3	15
Jumlah	20	100.0

Oleh kerana kursus ini telah dijalankan secara dalam talian (online) sepanjang tempoh pandemik COVID-19, maka didapati para pelajar yang mendaftar terdiri daripada pelbagai negeri di Malaysia. Jadual 5 menunjukkan bahawa majoriti pelajar bermastautin di negeri Selangor (35%), diikuti oleh Johor dan Kedah (15%), serta Kuala Lumpur dan Sabah (10%). Pelajar-pelajar lain pula datang daripada negeri Pulau Pinang, Perak dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (5%).

Jadual 5: Negeri tempat bermastautin

Negeri di Malaysia	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Johor	3	15
Kedah	3	15
Pulau Pinang	1	5
Kuala Lumpur	2	10
Perak	1	5
Selangor	7	35
Sabah	2	10
Wilayah Persekutuan Putrajaya	1	5
Jumlah	20	100.0

Daripada segi asas bahasa Arab yang dimiliki sebelum menyertai kursus UMCCeD, jadual 6 menunjukkan bahawa majoriti pelajar tidak mempunyai asas bahasa Arab dengan 65%, manakala bakinya pernah belajar asas bahasa Arab di mana-mana sebelum itu.

Jadual 6: Mempunyai Asas Bahasa Arab Sebelum Menyertai Kursus UMCCeD

Item	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Ya	7	35
Tidak	13	65
Jumlah	20	100.0

Para pelajar juga telah ditanya tentang kerjaya dan bidang pekerjaan mereka dalam kajian ini. Didapati bahawa para responden terbahagi kepada yang bekerja dan tidak bekerja. Bagi yang bekerja, mereka terdiri daripada pensyarah, guru, felo kanan, guru al-Quran,

akauntan, penyelia, pelukis pelan, pembantu tadbir dan pembantu am. Bagi yang bekerja sendiri, mereka terdiri daripada kontraktor elektrik, tukang rumah, peniaga dan jururekabentuk grafik. Adapun yang tidak bekerja terdiri daripada pesara dan surirumah. Dapatan ini menunjukkan bahawa kursus bahasa Arab seperti ini mendapat sambutan daripada pelbagai lapisan masyarakat awam di Malaysia, sama ada bidang profesional dan bukan profesional, kerana mereka belajar bahasa Arab bagi tujuan memahami agama dan ibadah.

Selain itu, kajian ini turut meninjau tujuan para pelajar dewasa menyertai kursus bahasa Arab UMCCeD ini walaupun dengan bayaran yuran yang agak tinggi bagi sesetengah orang. Berikut adalah dapatan yang dirumuskan daripada senarai respons:

- Dapat menambahkan ilmu pengetahuan.
- Untuk mendapatkan asas belajar bahasa Arab.
- Untuk membaca dan bertutur dalam bahasa Arab.
- Untuk mempelajari dan mempertingkatkan Bahasa Arab secara lebih mendalam.
- Untuk faham bahasa Al-Quran dan mempertingkatkan kefahaman al-Quran.
- Faktor peribadi.
- Untuk belajar dan membantu memahami bahasa al-Quran.
- Untuk mendalami ilmu Usul al-Fiqh.
- Untuk menambah kemahiran berkomunikasi di luar negara dalam bahasa Arab.
- Memenuhi tuntutan agama dengan mempelajari ilmu berkaitan al-Quran.

Dapatan ini menunjukkan bahawa motivasi instrinsik merupakan faktor utama yang menyebabkan para pelajar dewasa menyertai kursus bahasa Arab secara dalam talian ini, walaupun dengan bayaran yuran yang agak tinggi, tempoh yang lama lebih kurang 3-4 bulan, dan waktu kelas pada hari Sabtu yang kadang-kadang bertembung dengan komitmen keluarga dan kerjaya di hujung minggu.

Bahagian B: Dapatan Soal Selidik Terhadap Pembelajaran Nahu Bahasa Arab

Jadual 7 di bawah menunjukkan dapatan berkaitan keberkesanan kursus bahasa Arab berkaitan pembelajaran tatabahasa (nahu) bahasa Arab bagi masyarakat awam di UMCCeD seperti berikut:

Jadual 7: Keberkesanan Kursus Bahasa Arab Berkaitan Pembelajaran Tatabahasa (Nahu) Bahasa Arab Bagi Masyarakat Awam Di Umcced

Item soal-selidik	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
a) Saya berminat untuk mempelajari Qawa'id (nahu) bahasa Arab.	0	0	0	0	20 (100%)
b) Saya merasakan bahawa mempelajari Qawa'id (nahu) bahasa Arab merupakan satu keperluan.	0	0	0	2 (10%)	18 (90%)
c) Saya mudah untuk mendapatkan bahan pembelajaran Qawa'id (nahu) bahasa Arab yang sesuai dengan keperluan saya.	0	0	1 (5%)	10 (50%)	9 (45%)
d) Sebagai muslim, saya berpendapat bahawa mempelajari	0	0	0	0	20 (100%)

Qawa'id (nahu) bahasa Arab adalah sesuatu yang penting					
e) Dengan mempelajari Qawa'id (nahu) bahasa Arab, ia dapat membantu saya memahami bacaan dalam ibadah harian saya.	0	0	0	0	20 (100%)
f) Sekiranya saya diberi peluang untuk belajar Qawa'id (nahu) bahasa Arab, saya tidak akan melepaskan peluang tersebut.	0	0	0	0	20 (100%)
g) Saya berpendapat perlu ada modul khusus untuk mempelajari Qawa'id (nahu) bahasa Arab.	0	0	0	3 (15%)	17 (85%)
h) Saya berpendapat modul tersebut mestilah menepati tujuan pembelajaran bahasa Arab.	0	0	0	2 (10%)	18 (90%)
i) Saya berpendapat modul tersebut mestilah meraikan latar belakang penuntut bahasa Arab.	0	1 (5%)	2 (10%)	4 (20%)	12 (60%)
j) Saya berpendapat kaedah terjemahan dapat membantu saya memahami bahasa Arab.	0	1 (5%)	1 (5%)	4 (20%)	14 (70%)
k) Saya berpendapat Qawa'id (nahu) bahasa Arab tidak perlu diutamakan bagi pembelajaran bahasa Arab di peringkat permulaan.	9 (45%)	7 (35%)	1 (5)	0	3 (15%)
l) Saya berpendapat dengan mempelajari bahasa Arab, ia dapat menambah kekhusyukan dalam solat.	0	0	0	3 (15%)	17 (85%)
m) Saya berpendapat perlu diperbanyakkan contoh-contoh ayat yang dipetik daripada bacaan dalam ibadah.	0	0	0	4 (20%)	16 (80%)
n) Saya berpendapat untuk menguasai bahasa Arab memerlukan latihan yang komprehensif.	0	0	0	2 (10%)	18 (95%)
o) Saya berpendapat kemahiran mendengar perlu diutamakan dalam modul Qawa'id (nahu) bahasa Arab.	0	0	1 (5%)	7 (35%)	12 (60%)
p) Saya berpendapat kemahiran bertutur perlu diutamakan dalam modul Qawa'id (nahu) bahasa Arab.	0	0	2 (10%)	7 (35%)	11 (55%)
q) Saya berpendapat kemahiran membaca perlu diutamakan dalam modul Qawa'id (nahu) bahasa Arab.	0	0	0	7 (35%)	13 (65%)
r) Saya berpendapat kemahiran menulis perlu diutamakan dalam modul Qawa'id (nahu) bahasa Arab.	0	0	0	7 (35%)	13 (65%)
s) Saya berpuas hati belajar modul Qawa'id (nahu) bahasa Arab secara online (dalam talian).	0	0	0	7 (35%)	13 (65%)

t) Saya lebih suka belajar modul Qawa'id (nahu) bahasa Arab secara bersemuka dalam kelas daripada secara online (dalam talian).	0	3 (15%)	3 (15%)	5 (25%)	9 (45%)
u) Secara keseluruhannya, saya berpuas hati belajar modul Qawa'id (nahu) bahasa Arab dalam kursus ini.	0	0	0	7 (35%)	13 (65%)

Daripada jadual 7 di atas, dapatan menunjukkan bahawa para pelajar dewasa ini amat berminat untuk mempelajari Qawa'id (nahu) bahasa Arab dan merasakan bahawa mempelajarinya adalah satu keperluan (item a, b d, d dan l). Selain itu, mereka bersependapat bahawa sebagai muslim, mempelajari Qawa'id (nahu) bahasa Arab adalah sesuatu yang penting dalam memahami ibadah seharian (item d dan e). Justeru, kepentingan menggunakan modul yang sesuai sangatlah penting termasuklah topik-topik tatabahasa dan kemahiran bahasa yang diajarkan (item f, g, h, o, p, q dan r).

Tambahan lagi, para pelajar turut bersetuju dengan beberapa item penambahbaikan modul tatabahasa Arab bagi pelajar dewasa seperti memperbanyakkan contoh-contoh ayat yang dipetik daripada bacaan dalam ibadah, penguasaan latihan yang komprehensif dan empat kemahiran bahasa mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Walaupun secara umumnya para pelajar berpuas hati belajar modul Qawa'id (nahu) bahasa Arab secara online (dalam talian), namun dapatan tentang lebih suka belajar modul Qawa'id (nahu) bahasa Arab secara bersemuka dalam kelas daripada secara online (dalam talian) menunjukkan keputusan yang sebaliknya dengan 70% daripada responden lebih suka kepada pembelajaran secara bersemuka.

Bahagian C: Cadangan Lanjut Bagi Penambahbaikan Kualiti Kursus Dan Modul Qawa'id (Nahu) Bahasa Arab Ini Pada Masa Akan Datang

Dalam bahagian ini, para peserta kursus telah ditanya mengenai cadangan penambahbaikan kualiti kursus modul Qawa'id (nahu) bahasa Arab ini pada masa akan datang. Berikut adalah tema respons yang dapat dirumuskan.

Jadual 8: Penambahbaikan Kualiti Kursus Dan Modul Qawa'id (Nahu) Bahasa Arab

Tema Penambahbaikan	Cadangan Lanjut
Pengurusan Kursus	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu kepada semester yang lebih panjang agar pelajar tidak terkejar untuk memahami setiap topik yg diajarkan. • Kursus secara bersemuka lebih berkesan daripada kursus secara 'online'. • Buat secara bersemuka dan recoding supaya pelajar yang kurang jelas dalam kelas dapat menonton ulangan. Saya secara peribadi akan menonton 2 kali, baru faham dan betul2 jelas.
Aspek Pengajaran	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu kepada interaksi lebih sedikit bersama peserta kursus

	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu kepada nota dan latihan yang lebih lagi untuk rujukan dengan penerangan yang lebih jelas dan padat. • Kekalkan pensyarah ini untuk terus mengajar di UMCCeD kerana cara beliau mengajar amat sesuai untuk pelajar berumur. Beliau mengajar satu persatu slow and steady. Beliau ada skill pedagogy (skill mengajar).
Aplikasi 'online'	<ul style="list-style-type: none"> • Pembelajaran melalui talian bagi saya sangat sesuai untuk saya yang bekerja di mana saya boleh membuat ulangan pembelajaran melalui rakaman dan nota2 ulangan rakaman pada satu-satu topik yang dijelaskan oleh pensyarah, saya boleh letakkan nota kaki masa pada video tersebut dan saya cuma hanya perlu klik pada masa berkenaan dan mendengar ulasan pensyarah. • Jika dibuat didalam kelas sy rasa ..saya akan menghadapi kesusahan kerana masa dan apabila tertinggal kelas menjadi sukar untuk 'catchup'..satu cadangan dari saya adalah alat tulis daripada pensyarah dinaiktaraf kepada pena yg bercaligrapy..kerana ia adalah bentuk penulisan yang selalu dilihat didalam mana2 penulisan arab dan kami mudah mengenalinya dan jelas dari segi huruf terutamanya titik.
Sumber pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> • Bahan modul kepada peserta kursus mungkin boleh ditambah baik untuk rujukan peserta.
Testimonial	<ul style="list-style-type: none"> • Saya puas hati dengan kursus modul qawa'id ni. • Jika boleh kalau didalam kelas fizikal juga jika dapat diadakan rakaman, memang terbaik..saya selalu 'mengupload' rakaman pensyarah dan 'mengupload' ke channel privasi saya supaya saya dapat membuat notakaki masa di dalam komen..sangat-sangat berterima kasih atas idea pensyarah yang telah 'mengupload' ke youtube..dimana ia memberi saya idea bagaimana utk memanfaatkan aplikasi Youtube. • Secara keseluruhan sangat berpuas hati dengan program dan tenaga pengajar yang bagus

Dapatan soal-selidik terbuka dalam jadual 8 dapat dirumuskan kepada 4 tema utama penambahbaikan kualiti kursus dan modul Qawa'id (nahu) bahasa Arab seperti pengurusan kursus, aspek aplikasi 'online', sumber pembelajaran dan testimonial pelajar.

Perbincangan Dapatan

Dalam kajian ini, dapatan menunjukkan bahawa pembelajaran tatabahasa atau dikenali juga sebagai Nahu atau Qawa'id turut menjadi keperluan dan diminati oleh para pelajar kursus bahasa Arab peringkat dewasa, meliputi pelbagai peringkat usia dan kerjaya. Motivasi terbesar mereka adalah mempelajari bahasa Arab untuk memahami al-Quran dan

bacaan-bacaan dalam ibadah seharian. Justeru, kajian ini telah cuba untuk merintis tahap penguasaan tatabahasa bahasa Arab secara lebih khusus yang menjadi teras pengajaran modul kursus bahasa Arab ini.

Tidak dinafikan bahawa sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian di rumah mempunyai kekangan dan cabaran semasa era pandemik COVID 19. Namun dapatan yang ditonjolkan daripada kajian ini dapat digunakan untuk menambahbaik pengurusan kursus-kursus bahasa Arab bagi golongan dewasa yang dilaksanakan semula secara bersemuka dalam era endemik masakini. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang lebih kreatif dapat menarik minat pelajar untuk mempelajarinya serta mudah untuk memahaminya walaupun melibatkan topik tatabahasa yang agak kompleks. Gabungjalin modul tatabahasa dengan contoh-contoh ayat yang dipetik daripada bacaan dalam Quran dan ibadah serta pelaksanaan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran melibatkan empat kemahiran bahasa mendengar, bertutur, membaca dan menulis dapat memantapkan lagi penguasaan pelajar dewasa dalam kursus-kursus bahasa Arab seperti ini.

Hasil daripada komentar dan cadangan oleh para responden daripada kajian ini, pelbagai input boleh digabung jalin bagi menghasilkan sebuah modul pembelajaran yang meraikan latar belakang dan keperluan pelajar. Fasa endemik yang dilalui pada masakini boleh digunakan dengan memanfaatkan kemudahan teknologi masa kini dalam dunia teknologi pengajaran walaupun kebanyakan sesi pengajaran telah mula beralih kepada sesi bersemuka. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa modul pembelajaran tatabahasa bahasa Arab bagi tujuan ibadah di UMCCeD ini masih boleh ditambah baik pada masa hadapan.

Kesimpulan

Berdasarkan hasil dapatan kajian dan perbincangan mengenainya, dapat disimpulkan bahawa majoriti responden memberi respons yang positif terhadap pembelajaran tatabahasa bahasa Arab untuk tujuan ibadah yang dijalankan oleh pihak UMCCeD. Dapatan kajian ini dapat merintis kepada kajian-kajian lain yang lebih mendalam seperti aspek kandungan modul tatabahasa untuk pelajar awam dan dewasa, aspek penguasaan kemahiran bahasa, aktiviti-aktiviti pengajaran secara bersemuka dan dalam talian, keperluan golongan telah berusia untuk mempelajari bahasa Arab bagi tujuan khas, dan lain-lain lagi.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abdullah J. (1989). *Pengenalan tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Birkett, M.A. and Day, S.J. 1994. 'Internal pilot studies for estimating sample size'. *Statistics in Medicine*. Vol 13. Pages 2455-2463.

Che Radiah, M. & Raja Masittah, R.A. *Pengajaran Bahasa Arab Warga Emas U3a Serdang: Satu Kajian Penerokaan* (2011) Prosiding International Conference and Exhibition on Research in Islamic and Arabic Language Education 2011 (Iceriale 2011), Enhancing Islamic And Arabic Language Education Through Quality Research.

Fatimi S. Q. (1963). *Islam comes to Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Limited.

Hasanah, H.I., Hairun Najuwah, J., Mohd Shafie, Z. & Ahmad, I. (2019). Modul Pembelajaran Bahasa Arab di Pusat Bahasa Arab di Malaysia Arabic Learning Module in Arabic Language Centre Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (Special Issue 2019)*, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

Hassan Basri, A.M.D, & Mohd. Azhar, Z. (2005). Pengajaran bahasa Arab untuk tujuan- khusus: Satu pandangan awal. *Masalah Pendidikan*, 20, 233– 244.

Ibrahim, H., Isahak, H., et al. (2011). *Fahami bacaan dalam solatmu*. Batu Caves: PTS Darul Furqan Sdn. Bhd.

Ismail, M., Wan Maizatul Akmar, W.A., & Azman, C.M. (2013). Sikap dan realiti penguasaan kemahiran bahasa Arab pelajar program j-QAF. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 13(2), 81–97.

Kamarul Shukri, M.T., Mohamed Amin, E., Nik Mohd Rahimi, N.Y., & Zamri, M. (2009). Strategi Metafizik: Kesenambungan penerokaan domain strategi utama pembelajaran bahasa. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 9(2), 1–13.

Kamarul Shukri, M.T., Norasyikin. O., & Siti Salwa, M.N. (2012). Eksplorasi penggunaan strategi metafizik ke arah penjajaran tipologi SPB. In Kamarul Shukri Mat Teh, Zulazhan Ab. Halim, Mohd Shahrizal Nasir, & Nurazan Mohamad Rouyan (Eds.), *Dinamika pendidikan bahasa Arab: Menelusuri inovasi profesionalisme keguruan* (pp. 115–127). Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.

Komaruddin, H. (1996). *Memahami bahasa agama*. Jakarta: Penerbit Paramadina.
Krashen, S. D. (2004). *The power of reading: Insights from the research* (2nd ed.). Portsmouth: Heinemann.

Mohd Puzhi, U., & Mohammad, S. (2010). *Bahasa Arab untuk ibadah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

- Mohd Shahrizal, N, & Kamarul Shukri, M.T. (2012). *Pemanfaatan kosa kata Arab dalam bahasa Melayu: Satu analisis perbandingan dari sudut semantik*. International Conference on Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, 12–13 December.
- Mohd Shahrizal, N, Muhammad Sabri, S. & Mohd Firdaus, Y. (2015). Tinjauan Persepsi Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Muslim Awam Di Malaysia (A Perception Survey On Arabic Language Learning For Worship Purpose As A Requirement For Public Muslim Society In Malaysia). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 30, 51–72.
- Muhammad Sabri, S. (2009). *Panduan belajar bahasa Arab untuk jemaah haji dan umrah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Muhammad Sabri, S. (2013). *Manfaat belajar bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Berita Harian, 4 September. Berita Harian.
- Muhammad Sabri, S., Nurkhamimi, Z. & Mohd Shahrizal, N. (2016). Program Akademik Bahasa Arab Ijazah Sarjana Muda Di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM): Analisis Awal Terhadap Respons Pelajar. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Vol., 3 Bil. 2, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).
- Muhammad Sabri, S. dan Ilyani Syiham, M. (2019). Tinjauan Respons Pelajar Terhadap Program Akademik Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Vol 6 Bil 1, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).
- Naimah, A., Norhayuza, M., Zuraini, R., Aini, A, Juridah, A., & Midiyana, M. (2006). *Tinjauan terhadap keperluan pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama (BATA) di kalangan masyarakat Islam Malaysia*. Technical Report. Institute of Research, Development and Commercialization, Universiti Teknologi MARA.
- Nurulhuda, O. dan Muhammad Sabri, S. (2020). Taqwim Muqarrar Ta'lim al-Mufradar al-Arabiyyah bi Wasfiya Lughah Thaniyah li al-Darisin al-Kibar fi Maliziya. *Majma' al-Lughah al-Arabiyyah al-Urduniyy*, Vol 101, Amman, Jordan.
- Rosni, S. (2009). *Isu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sohair Abdel Moneim, S. (2010). *Pengajaran bahasa Arab menerusi al-Quran*. Batu Caves: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd.
- Suhaila, Z@H.A, Salamiah, A.G, Ummu Hani, H, Kahzri, O, Zainuddin, I, & Hakim, Z. (2012). *Modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menerusi al-Quran*. Paper presented at Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Wan Azura, W. A., Lubna, A. R, Arnida, A. B. & Zainur Rijal, A. R. (2009). *Kepentingan bahasa arab dalam penghuraian isu makanan: kajian dalam al-Quran*. Melaka: Penerbit Kolej Universiti Islam Malaysia, Melaka.
- Zainuddin, I, Ibrahim, Y. & Salamiah, A.G. (2010). *Asas bahasa Arab melalui al-Quran*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri, R, Mohd Yusri, M. & Mohammad Kamil, J. (2012). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berbantuan gaya syahid al-Quran (GSQ). *Jurnal Penyelidikan, Institut Pendidikan Guru (IPG), Kampus Pendidikan Islam*.

Penelitian Hati Budi Melayu Sebagai Simbol Peradaban Masyarakat: Analisis Kata Fokus “Didikan” Berdasarkan Teori Medan Semantik

Research on The Malay Psyche as A Symbol of Civilization of A Society: A Study Based on The Focus Word “Education” Using The Semantic Field Theory

Rozita Che Rodi¹

ABSTRAK

Kertas kerja ini akan menghuraikan secara jelas pemaknaan akal budi dan hati budi sebagai simbol budaya dan peradaban masyarakat, dan definisi kedua-duanya. Akan diberikan juga definisi orang Melayu, falsafah pembangunan orang Melayu, dan pandangan alam sarwajagat atau worldview orang Melayu sebagai latar tentang masyarakat Melayu. Juga akan dibincangkan komponen hati budi Melayu sebagai sifat teras keperibadian sosial Melayu secara arus perdana, dan kata fokus dan kata kunci yang menjadi tunjang hati budi Melayu, dengan tumpuan kepada kata fokus “didikan” sebagai contoh. Akhir sekali akan dihuraikan secara ringkas konsep hati budi Melayu dengan kepentingannya dalam aspek didikan dan tunjuk ajar. Kaedah kajian berdasarkan kajian teks terhadap pepatah, peribahasa dan ungkapan Melayu terutamanya Tenas Effendy (2004) Ethos Kerja (2006) Tunjuk Ajar Melayu, Abbas Mohd Shariff (2004) Adab Orang Melayu, Ismail Hamid (1991) Masyarakat dan Budaya Melayu, dan Za’ba (1982) Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri, untuk menelusuri kata fokus dan kata kunci tentang hati budi Melayu. Teori keperibadian sosial (social character) oleh Erich Fromm (1942) digunakan untuk menganalisis sifat keperibadian Melayu, dan teori medan semantik (semantic field) oleh T. Izutsu (1964) God and Man in the Koran, dan S. M. Naquib al-Attas (1970) The Mysticism of Hamzah Fansuri, digunakan untuk membentuk medan semantik bagi hati budi Melayu. Teras hati budi Melayu ini merupakan pemusatan utama struktur keperibadian sosial kebanyakan orang Melayu secara arus perdana. Ia terbentuk akibat daripada pengalaman asasi dan cara hidup yang dikongsi bersama dan menjadi simbol budaya dan pemikiran dalam peradaban masyarakat secara umum dan orang Melayu secara khususnya.

Kata kunci: Medan Semantik, Akal Budi, Hati Budi, Kata Fokus, Kata Kunci

ABSTRACT

This paper will describe fully the meanings of the Malay mind and the Malay psyche as cultural and civilisational symbols of a society as well as the definitions of both of the terms. Definitions of the Malays, their concept of development and their worldview will also be described, as basis of the

¹ ROZITA CHE RODI (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), mengkhusus dalam bidang Semantik: Semantik Budaya, Semantik Leksikal, Medan Semantik, Pemikiran dan Peradaban Melayu. Beliau pernah mengikuti kursus Pasca Doktorat di School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London, United Kingdom dengan tumpuan kajian terhadap “Penelitian Kandungan Bustan Al-Salatin Berkaitan Nasihat Syeikh Nur al-Din al-Raniri Kepada Sultan Aceh” dari tahun 2015-2017. Beliau boleh dihubungi melalui e-mel: ita_cherodi@upm.edu.my / tel: +6013-7751606.

formation of their society. The components of their psyche forming the basis of their main stream social characteristics will also be discussed as well as their key and focus words, with specific focus on the term “education”, as an example of the discussion. Finally, a brief discussion on the importance of the Malay psyche and its impact on the processes of educating and upbringing of members of the Malay society is given. The research methodology is based on the textual studies of the Malay proverbs and axiology especially in the collections of Tenas Effendy: Ethos Kerja (2004) and Tunjuk Ajar Melayu (2006), also Adab Orang Melayu by Abbas Mohd Shariff (2004), Masyarakat dan Budaya Melayu by Ismail Hamid (1991), and Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri by Za’ba (1982). The method is to trace and describe key terms and focus words found in those texts. The theory of social character as formulated by Erich Fromm (1942) is used to analyse the social characteristics of the Malays, and the theory of semantic fields as formulated by T. Izutsu (1964) God and Man in the Koran, and S. M. Naquib al-Attas (1970) The Mysticism of Hamzah Fansuri, are used to formulate the basic semantic field of the Malay psyche. The semantic field of the Malay psyche becomes the main concentration of the formation of the social characteristics of the Malays. They are formed based on their shared experience throughout their history and become their cultural symbol and civilisation, generally, and specifically to the Malays.

Keywords: *Semantic Field, The Mind, Psyche, Focus Word, Key Word*

Pengenalan

“Hati budi” iaitu sebagai suatu istilah yang merujuk hakikat keperibadian sosial orang Melayu yang hakikinya, iaitu sifat akal pemikirannya dan juga sifat hati dalam kalbunya, manakala “akal budi” merujuk akal pemikiran yang terletak di dalam akal atau budinya sahaja tanpa mengambil kira hati kalbunya. Oleh itu, istilah “hati budi” adalah lebih mendalam dan lebih sesuai daripada “akal budi”. Ini diperkukuh oleh pantun Melayu yang menegaskan keperibadian orang Melayu itu dilambang oleh “hati budinya”:

Limau manis dimakan manis,
Manis sekali rasa isinya;
Dilihat manis dipandang manis,
Manis sekali hati budinya.

Namun, permasalahan yang sering dialami oleh pengkaji tentang sifat dan keperibadian orang Melayu ialah kesalahan tafsiran dan pemahaman tentang dua konsep yang amat berbeza ini, iaitu “akal budi” dan “hati budi”.

Berdasarkan permasalahan itu, maka artikel ini secara umum bertujuan untuk menjelaskan tentang “akal budi” dan “hati budi”. Objektif khususnya adalah untuk menghuraikan secara jelas perbezaan antara akal budi dan hati budi Melayu, pentakrifan orang Melayu, falsafah pembangunan orang Melayu, pandangan alam sarwajagat atau *worldview* orang Melayu, komponen hati budi Melayu (HBM) sebagai sifat teras keperibadian sosial Melayu secara arus perdana, dan kata fokus dan kata kunci yang menjadi tunjang HBM.

Definisi Akal Budi dan Hati Budi

Istilah “akal” dan “budi” kedua-duanya daripada satu segi merujuk makna yang hampir sama, iaitu “akal” daripada bahasa Arab dan “budi” daripada bahasa Sanskrit, kedua-dua mendukung makna pemikiran, pemahaman, pengertian, iaitu dalam bahasa Inggeris merujuk istilah “*mind*” dan “*intellect*”. “Budi” juga mendukung makna sumbang bakti, tindakan, percakapan dan buah fikiran, tetapi semuanya pada peringkat luaran (Hashim Hj Musa, 2008:27-28).

Namun, satu komponen lagi yang mesti juga diberi tumpuan terhadap orang Melayu dalam aspek didikan dan tunjuk ajar ialah hati atau kalbunya, kerana hati atau kalbu mempunyai makna yang lebih mendalam daripada istilah akal budi, seperti yang akan diterangkan nanti. Oleh itu, apabila mengkaji orang Melayu dari aspek didikan dan tunjuk ajar, maka mesti juga mengkaji “hati budinya” bukan setakat “akal budinya”, iaitu “hati budi” mencakupi sifat luaran dan dalamannya secara keseluruhan, seperti yang terkandung dalam istilah *psyche*.

Manakala, “hati budi” boleh disamakan dengan konsep “*psyche*” dalam kajian psikologi Gestalt², iaitu melihat hakikat sesuatu perkara secara keseluruhan yang berpadu. Hati budi mencakupi tiga perkara yang utama, iaitu yang pertama “hati” atau kalbu atau “*the heart*” yang bermaksud tempat perasaan, kesedaran, keyakinan, dorongan (*drive*), juga tempat penerima hidayat Ilahi, iaitu ‘hati nurani’. Keduanya “budi”, iaitu akal yang meliputi daya fikir untuk memahami sesuatu perkara, kebolehan untuk berdalil, menaakul dan menyimpul secara rasional. Budi juga merupakan kebajikan, kebaktian dan kebijaksanaan yang mampu melahirkan seorang yang berbudi atau “budiman”. Akhir sekali, “hati” dan “budi”, iaitu yang bertindak secara berintegrasi dalam diri sebagai satu kesatuan sehingga terjelma dalam tindak tanduk, budi pekerti, budi bahasa, nilai, norma, kepercayaan, pemikiran dan ilmunya.

Oleh itu, apabila kita mengkaji keperibadian orang Melayu dalam aspek didikan dan tunjuk ajarnya, kita seharusnya tidak mengabaikan hatinya; iaitu mengkaji keseluruhan HBM, yang merupakan hakikat diri orang Melayu secara keseluruhannya. Sebelum diteliti HBM, harus diteliti dahulu pengertian siapa itu orang Melayu?

Pentakrifan Orang Melayu

Secara umumnya, ada tiga definisi atau pentakrifan orang Melayu yang sebelum ini sering dibahaskan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Definisi atau pentakrifan yang pertama ialah Melayu-Polinesia, iaitu keluarga bahasa yang terbesar di dunia yang tersebar dari Pulau Malagasy di Barat hingga ke Pulau Easter Laut Pasifik di Timur dan ke Pulau Taiwan di Utara. Orang Maori di New Zealand mempunyai kira-kira 50 perkataan masih berkognat (berhubungan) dengan bahasa Melayu. Kedua, Melayu sebagai rumpun Melayu yang mendiami wilayah alam Melayu yang rata-rata boleh berbahasa

² Gestalt psychology is a type of psychology based on the study of a subject's responses to integrated wholes, rather than to separate experiences. Gestalt (a German word meaning “form”) also refers to any structure or pattern in which the whole has properties different from those of its parts; for example, the beauty of a musical melody does not depend on individual notes as such, but rather on the whole continuous tune.

(<http://dictionary.reference.com/browse/gestalt+psychology?s=t>) (akses pada 19 April, 2022)

Melayu, iaitu dari Aceh sebelah Barat hingga ke Pulau Meluku dan Timor sebelah Timur. Contohnya, di Meluku, senarai kata Melayu-Itali Pigafetta 1521 menyenaraikan 426 perkataan bahasa Melayu di Meluku, iaitu kamus tertua bahasa Melayu-Eropah. Sementara itu, di Ternate, surat Sultan Abu Hayat Ternate di Kepulauan Meluku kepada Raja Portugal pada tahun 1521 dan 1522 ialah dokumen tertua yang tercatat dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi. Manakala, di Terengganu, Batu Bersurat Terengganu 1303 merupakan inskripsi prasasti pertama dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi. Di Aceh, terjemahan Aqaid Al-Nasafi anggaran pada tahun 1590 kitab pertama tertulis dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi. Akhir sekali, di Aceh, surat Sultan Alauddin Shah Aceh kepada Kapten Harry Middleton pada tahun 1601 merupakan dokumen kebenaran berniaga pertama dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi. Dengan demikian istilah Melayu mencakupi Melayu Meluku, Melayu Bugis, Melayu Banjar, Melayu Betawi, Melayu Aceh, Melayu Minang, Melayu Mendaling, Melayu Brunei, Melayu Sarawak, Melayu Mindanao, Melayu Patani, Melayu Campa, Melayu Melanau, Melayu Riau, Melayu Johor, Melayu Kedah, Melayu Kelantan, dan berbagai-bagai Melayu lagi. Definisi atau pentakrifan yang terakhir ialah Melayu sebagai entiti budaya (*cultural entity*), iaitu kelompok manusia yang mempunyai tiga ciri budaya: berbahasa Melayu, berbudaya Melayu dan beragama Islam. Maka, muncullah Melayu India, Melayu Arab, Melayu Cina, Melayu Siam, Melayu Eropah. Sekarang bermula pula Melayu Afrika, Melayu Rohingya, Melayu Bangla, yang semuanya dicirikan oleh agama Islam, bahasa Melayu dan budaya Melayu.

Oleh itu, istilah Melayu sebagai entiti budaya ialah suatu istilah yang bersifat inklusif; boleh menyerap sesiapa sahaja sama ada berkulit coklat, putih, kuning, atau hitam asalkan mempunyai tiga ciri budaya, iaitu boleh berbahasa Melayu, beragama Islam dan berbudaya Melayu dan menganggap dirinya Melayu. Dengan demikian muncullah istilah “masuk Melayu”.

Falsafah Pembangunan Orang Melayu

Dalam madah pujangga Melayu ada tersebut pembangunan dan pertumbuhan Melayu, iaitu:

Tumbuh ke punca,
Punca penuh rahsia,
Tumbuh tidak memijak kawan,
Tumbuh tidak memaut lawan,
Tumbuh melingkar penuh mesra.

Falsafah pertumbuhan dan pembangunan orang Melayu ialah ke arah puncanya bukan ke puncak. Puncanya ialah hakikat diri kejadian manusia itu, iaitu manusia ialah ciptaan Allah SWT dalam sebaik-baik bentuk dan yang termulia dalam kalangan makhluk, seperti yang termaktub dalam al-Qur'an:

“*khalaqal insānafti ahsanitaqwīm* (Diciptakan Allah manusia itu sebaik-baik bentuk)”
(Surah Attin: ayat 4).

“*Walaqad karramnā banī ādam* (Dan sesungguhnya kami telah memuliakan bani Adam)” (Surah al-Isra': ayat 70).

Justeru, untuk tumbuh dan membangun tidak perlu memijak kawan, bahkan kita bekerja bersama-sama, bantu-membantu, membangun dan berjaya bersama-sama. Bukan juga mencari musuh dan seteru, dengan menikam dan menjatuhkan orang lain supaya mereka gagal dan kecewa. Seribu kawan masih sedikit, namun seorang musuh sudah terlalu banyak. Oleh itu, seorang Melayu itu akan tumbuh dan membangun dengan penuh mesra dalam persekitarannya dengan membantu dan memanfaatkan semua orang.

Pandangan Alam Sarwajagat atau *Worldview* Orang Melayu

Pandangan alam sarwajagat atau *worldview* sesuatu masyarakat boleh disimpulkan sebagai mengandungi sekurang-kurangnya empat unsur yang asasi, iaitu pertama bagaimana masyarakat itu melihat dan menghuraikan kejadian alam jagat raya ini, sama ada terjadi sendiri atau ada Pencipta yang menguruskannya?, Kedua di manakah letak dan apakah fungsi manusia itu dalam alam jagat raya ini?, Ketiga apakah destini dan matlamat terakhir manusia itu dalam penghidupan di alam jagat raya ini?, Dan yang keempat bagaimana cara mendapatkan kejayaan yang hakiki dalam kelangsungan hidup?

Berdasarkan empat unsur pandangan alam itu, maka pandangan alam sarwajagat orang Melayu boleh ditubuhkan dalam beberapa konsep atau pengertian. Pertama, alam ini dilihat sebagai hasil ciptaan dan tadbiran Allah SWT; alam ini mencakupi alam arwah/primordial, alam dunia dan alam akhirat; alam akhirat ialah destini dan natijah mu`tamad daripada kehidupan di alam dunia. Kedua, pencapaian kejayaan hakiki di dunia dan juga destini terakhir di akhirat bergantung kepada kepatuhannya kepada agama Islam, iaitu peraturan dari Allah SWT sebagai Tuhan Penciptanya yang mengatur segala aktiviti kehidupan di dunia untuk individu dan juga masyarakat. Oleh itu, peraturan ini wajib dipelajari dan dilaksanakan oleh semua manusia demi kejayaan hakiki mereka. Ketiga, Allah SWT sebagai Tuhan Pencipta semesta alam mesti diyakini sepenuhnya; kepercayaan kepada pembalasan-Nya yang baik bagi amalan yang baik dan percaya kepada pembalasan yang buruk bagi amalan yang jahat di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat; balasan baik di dunia ialah keberkatan kehidupan dalam mentaati Allah SWT; balasan baik di akhirat kemasukan ke dalam syurga; kesusahan di dunia bagi orang Islam berlaku sama ada sebagai kifarrah dosanya ataupun untuk meningkatkan darjatnya. Keempat, nilai tertinggi ialah segala perkara yang membantu pembentukan insan yang beriman, beramal soleh dan berakhlak mulia, iaitu orang yang paling banyak memanfaatkan dirinya dan manusia yang lain. Maruah sesama insan dihormati kerana setiap mereka berpotensi untuk memperoleh kesempurnaan demikian; sikap ini akan mengelak kezaliman dan diskriminasi berdasarkan warna kulit, keturunan, bangsa dan seumpamanya. Kelima dan juga yang terakhir ialah kehidupan dunia yang pertengahan dan seimbang antara jasmani, akali dan rohani.

Komponen Hati Budi Melayu Sebagai Sifat Teras Keperibadian Sosial Melayu Secara Arus Perdana

Istilah hati budi mencantumkan kedua-dua elemen itu, iaitu “akal budi” dan “hati kalbu” yang akan bertindak secara berintegrasi dalam diri seseorang sehingga terjelmalah ke dalam tingkah lakunya, budi bahasanya, nilai dan normanya, pemikiran dan pengetahuannya, kepercayaan dan amalannya, yang dengan demikian akan melahirkan sifat dan keperibadiannya secara individu ataupun masyarakatnya secara kolektif. Erich Fromm (1942: Appendix, 1-2), mentakrifkan keperibadian sosial atau *social character* seperti berikut:

“The social character comprises only a selection of traits, the essential nucleus of the character structure of most members of a group which has developed as the result of the basic experiences and mode of life common to that group... Character in the dynamic sense of analytic psychology is the specific form in which human energy is shaped by the dynamic adaptation of human needs to the particular mode of existence of a given society. Character in its turn determines the thinking, feeling, and acting of individuals.”

Berdasarkan analisis ke atas teks yang mengandungi pepatah, simpulan bahasa dan pantun Melayu dan juga beberapa hasil tulisan tentang adab, tunjuk ajar, akhlak dan budaya Melayu, terutamanya oleh Tenas Effendy (2004, *Ethos Kerja* dan 2006, *Tunjuk Ajar Melayu*), dan juga Abbas Mohd Shariff (2004, *Adab Orang Melayu*), Ismail Hamid (1991, *Masyarakat dan Budaya Melayu*), Syed Hussein al-Attas (1977, *The Myth of the Lazy Native*), Za`ba (1982, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*) dan lain-lain, maka Hashim Hj. Musa (2008:7) telah menubuhkan beberapa keperibadian teras milik sepunya orang Melayu secara arus perdana, iaitu sebanyak 26 komponen yang membentuk hati budinya, setiap satunya didukung oleh kata kunci atau ungkapan kunci tertentu seperti berikut:


Jadual 1: Padanan 26 Komponen Hati Budi Melayu dengan Kata Kunci atau Ungkapan Kunci yang Mendukungnya

Komponen Hati Budi Melayu	Kata Kunci atau Ungkapan Kunci
Komponen 1: Hidup berteraskan agama Islam	Berteraskan Islam
Komponen 2: Pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwa dan beramal	Pendidikan dalam masyarakat Melayu
Komponen 3: Nilai kerja yang mengutamakan kesungguhan, kecekapan, kerajinan dan kerukunan bagi manfaat dunia dan akhirat sehingga ke anak cucu	Nilai kerja
Komponen 4: Taat dan berkhidmat kepada ibu bapa serta memuliakan mereka	Taat kepada ibu bapa
Komponen 5: Setia kepada ketua yang adil, terpuji dan benar	Setia kepada ketua
Komponen 6: Halus budi bahasa dan budi pekerti	Halus budi bahasa dan pekerti
Komponen 7: Sentiasa bermuafakat, bertenggang rasa, tolong-menolong dan mengutamakan kebajikan umum dan hidup bermasyarakat	Muafakat dalam masyarakat
Komponen 8: Hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu	Hormat tetamu dan pergaulan

Komponen 9: Sederhana bukan ekstremis dalam tutur kata dan tingkah laku, hemat dan cermat, tidak kasar, keras, militan dan ganas	Sederhana dan tidak ekstrem
Komponen 10: Sangat prihatin tentang harga diri dan maruah yang terjelma dalam istilah ‘menjaga air muka’ dan ‘rasa malu yang mendalam’	Menjaga maruah diri
Komponen 11: Tahu tempat dan letak sesuatu dan diri setiap orang dan bertindak sewajarnya	Penyesuaian diri dalam pergaulan
Komponen 12 : Membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan	Membela kebenaran dan keadilan
Komponen 13: Menanam budi dan membalas budi	Menanam dan membalas budi
Komponen 14: Sifat pemaaf dan pemurah	Pemaaf dan pemurah
Komponen 15: Sifat kasih sayang	Pengasih dan penyayang
Komponen 16: Hidup sederhana	Kehidupan sederhana
Komponen 17: Ikhlas dan rela berkorban	Ikhlas dan pengorbanan
Komponen 18: Sikap berdikari	Berdikari
Komponen 19: Menghormati hak dan milik	Hormat hak dan milik
Komponen 20: Kejujuran dan keikhlasan	Kejujuran peribadi
Komponen 21: Berbaik sangka terhadap sesama makhluk	Berbaik sangka
Komponen 22: Sifat keterbukaan, tidak menyimpan rasa dan curang	Keterbukaan pemikiran
Komponen 23: Sifat amanah	Amanah
Komponen 24: Memanfaatkan waktu, tidak membuang masa	Memanfaatkan waktu
Komponen 25: Memandang masa depan	Berpandangan jauh
Komponen 26: Mensyukuri nikmat Allah	Mensyukuri nikmat

Komponen hati budi ini berserta dengan kata kunci atau ungkapan kunci yang mendukungnya boleh digambarkan dalam bentuk medan semantik, iaitu merupakan satu lingkungan yang di dalamnya mengandungi sejumlah kata kunci yang mengelilingi satu kata fokus sebagai paksi penumpuan maknanya. Berikut diperturunkan rajah medan semantik bagi 26 komponen hati budi Melayu:

Rajah 1: Medan Semantik Hati Budi Melayu dengan 26 Komponen



Kata Fokus dan Kata Kunci Yang Menjadi Tunjang Hati Budi Melayu

Kesemua 26 komponen hati budi itu boleh dikelompokkan ke dalam empat kata fokus utamanya, iaitu “agama”, “didikan”, “ilmu” dan “nilai”. Kata fokus merujuk kata yang menjadi inti utama dalam pembentukan satu medan semantik yang dikelilingi oleh sejumlah kata kunci yang berhubungan dari segi maknanya. Pengenalpastian satu kata fokus itu ditentukan berdasarkan kehadirannya yang paling kuat dalam pembentukan struktur pengkonsepsian bagi sesebuah masyarakat ataupun bagi sebuah teks atau wacana, tentang realiti, iaitu tentang alam semestanya (konsep kosmologi) dan tentang kejadian dan kewujudan diri manusia, termasuk juga hakikat wujud itu sendiri (konsep ontologi), dan tentang nilai (konsep aksiologi) (Hashim Hj Musa, 1995:27-28).

Dengan kata lain, kata fokus ialah satu pusat penumpuan makna yang mampu menjelaskan konsep yang paling kuat mempengaruhi pembentukan fikiran konsepsi masyarakat ataupun teks atau wacana itu, tentang realiti, iaitu kewujudan alam, kehidupan, dan tentang nilai. Oleh demikian, kata fokus merujuk sesuatu konsep yang menjadi paksi penumpuan makna bagi keseluruhan 26 komponen HBM, setiap satunya mempunyai kata kunci atau ungkapan kuncinya yang tersendiri.

Oleh itu, kata fokus “agama” akan dikelilingi oleh kata kunci atau ungkapan kunci yang berkaitan agama, kata fokus “didikan” akan dikelilingi oleh kata kunci atau ungkapan kunci yang berkaitan dengan didikan, kata fokus “ilmu” akan dikelilingi oleh kata kunci atau ungkapan kunci yang berkaitan dengan ilmu, manakala kata fokus “nilai” akan dikelilingi oleh kata kunci atau ungkapan kunci yang berkaitan dengan nilai. Empat kata fokus yang dikelilingi oleh kata kunci atau ungkapan kunci itu akan membentuk empat medan semantik bagi HBM.

Berdasarkan pernyataan tersebut bolehlah dibuat kesimpulan secara komprehensif padanan empat kata fokus dengan kata kunci atau ungkapan kunci bagi 26 komponen HBM, iaitu kata fokus “agama” merangkumi dua ungkapan kuncinya, iaitu hidup berteraskan agama Islam (K1) dan mensyukuri nikmat Allah (K26).


Seterusnya bagi kata fokus “didikan” merangkumi lima ungkapan kuncinya, iaitu pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwa dan beramal (K2), taat dan berkhidmat kepada ibu bapa serta memuliakan mereka (K4), setia kepada ketua yang adil, terpuji dan benar (K5), halus budi bahasa dan budi pekerti (K6), dan hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu (K8).

Manakala bagi kata fokus “ilmu” pula merangkumi lima ungkapan kuncinya, iaitu tahu tempat dan letak sesuatu dan diri setiap orang dan bertindak sewajarnya (K11), membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan (K12), sikap berdikari (K18), memanfaatkan waktu, tidak membuang masa (K24), dan memandang masa depan (K25).

Akhir sekali, kata fokus “nilai” merangkumi 14 ungkapan kuncinya, iaitu nilai kerja yang mengutamakan kesungguhan, kecekapan, kerajinan dan kerukunan bagi manfaat dunia dan akhirat sehingga ke anak cucu (K3), sentiasa bermuafakat, bertenggang rasa, tolong-menolong dan mengutamakan kebajikan umum dan hidup bermasyarakat (K7), sederhana bukan ekstremis dalam tutur kata dan tingkah laku, hemat dan cermat, tidak kasar, keras, militan dan ganas (K9), sangat prihatin tentang harga diri dan maruah yang terjelma dalam istilah ‘menjaga air muka’ dan ‘rasa malu yang mendalam’ (K10), menanam budi dan membalas budi (K13), sifat pemaaf dan pemurah (K14), sifat kasih sayang (K15), hidup sederhana (K16), ikhlas dan rela berkorban (K17), menghormati hak dan milik (K19), kejujuran dan keikhlasan (K20), berbaik sangka terhadap sesama makhluk (K21), sifat keterbukaan, tidak menyimpan rasa dan curang (K22), dan sifat amanah (K23).

Empat medan semantik berdasarkan empat kata fokus dengan dikelilingi kata kunci diperturunkan seperti dalam rajah di bawah:


Rajah 2: Medan Semantik bagi Kata Fokus “Agama”



Rajah 2 di atas merupakan medan semantik bagi paksi penumpuan makna “agama” yang dikelilingi oleh 16 kata kunci. Kesemua kata kunci itu merupakan kata kunci yang menjelaskan kata fokus “agama” dalam pembentukan 26 komponen HBM.


Seterusnya, Rajah 3 di bawah ini merupakan medan semantik bagi kata fokus “didikan”. Rajah tersebut menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 18 kata kunci yang hadir dan mengelilingi kata fokus “didikan” berdasarkan 26 komponen HBM. Penubuhannya menjelaskan penumpuan makna berkaitan dengan soal “didikan” yang diperoleh dan diamalkan dalam kehidupan masyarakat Melayu:

Rajah 3: Medan Semantik bagi Kata Fokus “Didikan”



Seterusnya, diperturunkan rajah medan semantik bagi kata fokus “ilmu”:


Rajah 4: Medan Semantik bagi Kata Fokus “Ilmu”



Rajah 4 di atas merupakan medan semantik bagi kata fokus “ilmu” yang dikelilingi oleh 16 kata kunci. Semuanya merupakan kata kunci yang menjelaskan kata fokus “ilmu” dalam pembentukan 26 komponen HBM.

Rajah 5 di bawah ini merupakan medan semantik bagi kata fokus “nilai”. Rajah tersebut menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 18 kata kunci yang dikenal pasti mengelilingi kata fokus “nilai” berdasarkan 26 komponen HBM. Kesemua kata kunci yang mengelilingi kata fokus “nilai” itu merupakan kata kunci yang dikenal pasti menjelaskan taraf atau keadaan budi bicara, budi pekerti dan akal budi daripada segi kebenaran, kebaikan, kepatutan, dan keindahan dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Rajah 5: Medan Semantik bagi Kata Fokus “Nilai”



Untuk menghuraikan kaedah penubuhan medan semantik berdasarkan empat kata fokus dan kata kunci atau ungkapan kunci yang mengelilinginya, maka medan semantik bagi kata fokus “didikan” dipilih sebagai contoh dalam penghuraian makalah ini. Setiap kata kunci yang diinterpretasi dan dijelaskan pemaknaannya akan dikaitkan dalam pembentukan 26 komponen HBM. Hal ini bertujuan merincikan kehadiran setiap kata kunci itu sebagai istilah yang dapat menerangkan kata fokus “didikan” sebagai paksi penumpuan maknanya.

Sementara itu, kata kunci yang mengelilingi kata fokus “didikan” ialah “budi” dan “pekerti” dalam K2, “taat” dan “bakti” dalam K4, “pemimpin” dan “adil” dalam K5, “bangsa”, “bahasa” dan “adat” dalam K6, dan “kebajikan” dalam K8.

Justifikasi pemilihan kesemua kata kunci tersebut berdasarkan kewajaran bahawa melalui proses “didikan”, maka ini akan menghasilkan pelakuan yang baik, iaitu pembentukan “budi” dan “pekerti” yang luhur. Melaluinya akan membentuk suatu sifat “taat” kepada mereka yang patut dimuliakan seperti ibu bapa dan ketua. Seterusnya, sifat “taat” tersebut juga akan mendorong seseorang itu agar “berbakti” kepada ibu bapa dan “pemimpinnya”. Pemimpin yang “adil” akan membentuk sebuah “bangsa” yang utuh apabila anggota masyarakatnya disemai dengan amalan berbudi “bahasa” yang santun dalam peraturan dan nilai kehidupan.

Seterusnya, pembentukan sifat serta peranan anggota masyarakat melalui penerimaan proses didikan tersebut, maka ini akan melahirkan pola pelakuan secara berterusan yang membuakkannya dalam bentuk “adat”. Peranan “adat” dalam kehidupan masyarakat Melayu itu akhirnya dapat menjaga keharmonian dan “kebajikan” dalam seluruh kehidupan individu dan bermasyarakat. Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa proses didikan yang tercerna dalam diri masyarakat Melayu ialah segala proses bagi pembentukan sifat keperibadian dan sahsiah yang tinggi demi menghasilkan sebuah intuisi kemasyarakatan yang utuh.

Untuk mewakili perbincangan bagi keseluruhan kata kunci di bawah kata fokus “didikan”, maka kata kunci “budi dan pekerti”, “taat dan bakti” dan “pemimpin dan adil” dipilih. Penghuraian kata-kata kunci yang lain adalah sama dari segi prinsip dan kaedahnya.

Kata Kunci “Budi” dan “Pekerti”

Penjelasan berkaitan istilah “budi” dan “pekerti” dalam komponen teras HBM yang terbentuk melalui kata fokus “didikan” dapat dilihat dalam pepatah yang menunjangi pembentukan K2, iaitu seperti di bawah:

Apalah isi tunjuk ajar Melayu,
Syara` dan sunnah ilmu yang benar,
Yang disebut tunjuk ajar Melayu:
Mencelikkan mata,
Menyaringkan telinga,
Membersihkan hati,
Menyempurnakan budi,
Mombaikkan pekerti.

(Hashim Hj Musa, 2008:7)

Istilah “budi” boleh disamakan dengan istilah akal, intelek dan kebijaksanaan yang boleh didefinisikan sebagai kuasa dan kebolehan untuk mengerti dan mengetahui yang dibezakan daripada kebolehan untuk merasa dan mengingini, iaitu kapasiti untuk memperoleh ilmu (Hashim Hj Musa, 2008:5). Oleh demikian, istilah “budi” ialah perangai yang baik, akhlak yang terpuji, tingkah laku yang sopan dan watak yang sempurna dengan akal dan kebijaksanaan. Selain itu, “budi” merupakan

akal dan kebijaksanaan yang bertujuan membentuk manusia berkeperibadian luhur, iaitu merujuk perlakuan yang baik dan mempunyai akhlak yang mulia (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005: 212).

Istilah “budi” juga dapat dikaitkan dengan “pekerti”. Daripada “budi” luhur juga, ia akan membentuk suatu “pekerti”, iaitu melambangkan sifat manusia yang baik, perbuatan yang berakhlak dengan melakukan kebajikan kepada manusia lain. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005: 1161-1162), istilah “pekerti” ialah perangai, kelakuan atau tabiat dalam diri seseorang yang menyentuh pembentukan sifat keperibadian diri yang bersopan dan mulia. Sebagai contoh, mengekalkan sifat yang mulia seperti mengekalkan keimanan yang sempurna dalam diri serta menjauhi perbuatan yang kurang baik, iaitu sesuatu kelakuan atau tindakan yang dianggap tidak menyempurnakan akal serta kebijaksanaan dan akhirnya mewujudkan keperibadian yang tidak sopan.

Maka, istilah “budi” dan “pekerti” mencantumkan pengertian bahawa akan lahirilah bicara, daya upaya dan tingkah laku yang sempurna dalam kehidupan seharian.

Kata Kunci “Taat dan Bakti”

Pengertian “taat” menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005: 1561) pula ialah sentiasa menurut perintah yang ditentukan oleh Allah SWT kepada setiap hamba-Nya. Namun “ketaatan” tersebut juga merangkumi ketaatan sesama manusia selagi ia tidak bercanggah dan bertentangan dengan perintah Allah SWT.

Pepatah yang digunakan untuk menunjangi K4 teras HBM seperti yang diperturunkan di bawah, menerangkan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh seorang anak kepada kedua ibu bapanya, iaitu “mentaati” dan memuliakan kedua-duanya dengan cara “berbakti”:

Apa tanda Melayu jati,
Mentaati ibu bapa sepenuh hati;
Apa tanda Melayu jati,
Kepada ibu bapa ia berbakti.

(Hashim Hj Musa, 2008:8)

Istilah “berbakti” menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005:113) ialah berbuat bakti kepada setiap individu yang berjasa, sama ada dalam membentuk diri ataupun mengajar ianya menjadi seseorang yang dianggap berjaya dalam kehidupan. Oleh itu, dalam konteks “berbakti” kepada kedua-dua ibu bapa, peranan seorang anak tidak hanya terhad “mentaati” kedua-dua ibu bapanya, tetapi juga wajib memuliakan keduanya dengan menyediakan keperluan demi keselesaan ibu bapanya.

Kata Kunci “Pemimpin dan Adil”

“Pemimpin” merujuk orang yang memimpin (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005:1208). Manakala, sikap “adil” seseorang “pemimpin” dalam menjalankan pemerintahan dan pentadbirannya akan dapat mengikat hati rakyatnya. Menurut Mohd Nakhaie Hj Ahmad (2008:115) bernaung di bawah kerajaan yang “adil” ialah impian setiap rakyat. “Adil” dalam konteks kajian ini ialah merujuk “pemimpin” yang seharusnya mendapat sepenuh kesetiaan daripada rakyatnya, apabila “pemimpin” itu

memperlihatkan ciri seorang ketua yang “adil” dalam pemerintahannya. Istilah “adil” menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005:9) ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya yang betul. Keadaan tersebut merujuk kepada tindakan, keputusan undang-undang dan juga menentukan hak seseorang dan ianya dilakukan dengan tidak ada mana-mana pihak yang teraniaya. Peranan dan tanggungjawab seorang “pemimpin” yang “adil” akan menimbulkan perasaan hormat dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi dalam kalangan rakyat kepada ketuanya. Dalam hal ini, “pemimpin” juga berhak untuk mendapat ketaatan kerana “adil” dalam pemerintahannya.

Sikap “pemimpin” yang wajib dihormati dan disanjung ialah merujuk “pemimpin” yang “adil” dalam pemerintahannya dan keadaan itu turut digambarkan dalam pepatah yang digunakan untuk menunjangi K5 teras HBM, iaitu:

Elok kampung ada tuanya, elok negeri ada rajanya,
Adat hidup orang terhormat, kepada pemimpinnya ia taat.
Raja adil raja disembah,
Raja zalim raja disanggah.

(Hashim Hj Musa, 2008:8)

Kesimpulan

Komponen HBM ini dilihat sebagai satu elemen yang dapat mengekalkan citra dan identiti kemelayuan dalam memajukan kehidupan yang lebih terarah. Malah, berdasarkan hati budi yang sudah tertanam dalam diri masyarakat Melayu dapat dilihat pembentukan pemikiran dan emosi yang mantap dalam kalangan masyarakat Melayu. Selain membentuk pandangan hidup dan mencipta nilainya, hati budi dapat membezakan ciri-ciri tamadun Melayu dengan tamadun bangsa lain di dunia. Teras hati budi itu dimiliki bersama oleh majoriti orang Melayu yang dengan itu manusia akan kenal kelompok Melayu itu ditandai oleh sifat-sifat itu secara umum. Contohnya, Melayu itu lemah lembut dalam budi bahasa dan budi pekerti, sangat menghormati tetamu, berkhidmat kepada ibu bapa, suka bertindak secara bersama melalui rundingan dan persetujuan bersama, merendah diri dan tidak suka menonjolkan diri, dan tentu sekali beragama Islam dan berbahasa Melayu.

Hasil daripada didikan dan tunjuk ajar, mereka yang memiliki 26 komponen keperibadian arus perdana ini dianggap sebagai peribadi yang “cukup ajar”, iaitu telah melalui proses sosialisasi dan pembudayaan yang sempurna yang layak dinamakan sebagai seorang ‘budiman’; iaitu peribadi contoh dan idaman. Manakala, mereka yang bertindak bertentangan dengan keperibadian yang teras dan arus perdana itu dianggap sebagai mereka yang ‘kurang ajar’ atau ‘kurang adab’ dan yang terburuk sekali ialah yang ‘biadab, bacul dan khianat’. Berdasarkan penelitian yang telah dilakukan dengan memfokuskan aspek didikan dan tunjuk ajar, jelas menunjukkan bahawa pelbagai cara telah digunakan oleh masyarakat Melayu dalam melestarikan hati budi yang menjadi asas ketamadunan bangsa Melayu. Hal ini termasuklah melalui penelitian terhadap komponen HBM sebagai simbol peradaban masyarakatnya.

Rujukan

- Abbas Mohd Shariff. (2004). *Adab Orang Melayu*. Singapura: Alfa Media.
- Al-Attas, S. Hussein. (1977). *The Myth of Lazy Native*. London: Frank Cass.
- Al-Attas, S. M. Naquib. (1970). *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Fromm, Erich. (1942). *Character and the Social Process*. London: Routledge.
- Hashim Hj Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit UPM.
- Hassan Ahmad. (2006). *Ke Arah Kelahiran Melayu Global*. Shah Alam: Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Ismail Hamid. (1991). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Izutsu, T. (1964). *God and Man in the Koran: Semantics of the Koranic Weltanschauung*. Tokyo: Keio Institute of Cultural and Linguistic Studies, Keio University.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mead, Margaret. (1953). "National Character", dalam A. L. Kroeber (ed.) 1953. *Anthropology Today*, Chicago: University of Chicago Press, (642).
- Mohd Nasir Omar. (2005). *Akhlag dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Muhyidin. (2008). *Berani Hidup Siap Mati: Prinsip Menjalani dan Menikmati Hidup Sehari-hari dengan Spirit Ilahi*. Bandung: PT Mizan Pustaka.
- Rozita Che Rodi. (2013). Bahasa sebagai Cerminan Nilai Hati Budi Melayu dari sudut Medan Semantik. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Tenas Effendy. (2004). *Ethos Kerja*. Pekanbaru: Unri Press.
- Tenas Effendy. (2006). *Tunjuk Ajar Melayu*. Jogjakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu dengan kerjasama Penerbit AdiCita.
- Za`ba. (1982). *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<http://dictionary.reference.com/browse/gestalt+psychology?s=t> (akses pada 19 April, 2022).

Variasi Kata Pinjaman Bahasa Arab Dalam Dialek Melayu Perlis : Analisis Geolinguistik

Variations of Arabic Loanwords in the Perlis Malay Dialect: Geolinguistic Analysis

Ainur Syakirah binti Muhd Hissam¹, Zuliana binti Zubir²

ABSTRAK

Perlis ialah sebuah negeri yang unik kerana bersempadan dengan sebuah negara asing di utaranya iaitu Thailand dan bersebelahan negeri Kedah. Kedudukannya yang unik ini turut memberikan impak kepada dialek Melayu yang dituturkan oleh penutur natif di Perlis. Manakala kata pinjaman dalam bahasa Arab ini dilihat dalam bahasa Melayu mempunyai kaitan rapat dengan Islam yang menjadi pegangan majoriti masyarakat Melayu. Bangsa Melayu dilihat amat sinonim dengan Islam termasuk dalam aspek bahasa. Manakala Islam amat sinonim dengan bahasa Arab yang merupakan bahasa pilihan bagi menyampaikan isi kandungan al-Quran. Kajian ini akan menganalisis beberapa kata pinjaman bahasa Arab yang digunakan dalam dialek Melayu Perlis. Justeru kajian ini akan cuba mengkaji taburan dialek di Perlis. Kajian ini merupakan salah satu usaha awal untuk mengkaji dialek Melayu Perlis dari sudut dialektologi yang bertumpu kepada kata pinjaman dalam bahasa Arab yang digunakan oleh penutur asli Perlis. Secara umumnya, tumpuan kawasan kajian meliputi beberapa buah kampung yang terpilih di negeri Perlis. Beberapa leksikal kata pinjaman bahasa Arab yang dilihat mempunyai variasi yang banyak akan menjadi leksikal pilihan dalam kajian ini. Oleh itu, dengan menggunakan rumus transformasi generatif untuk melihat perubahan yang berlaku dalam varian leksikal yang melibatkan fonologi leksikal "kafir", "takdir" dan "sahur". Kajian ini juga merupakan kesinambungan kepada kajian-kajian lepas yang mengkaji dialek dan juga tumpuan kepada kerencaman sebutan pinjaman bahasa Arab yang digunakan penduduk di negeri Perlis.

Kata kunci: Dialek Perlis, Pinjaman Bahasa Arab, Rumus Transformasi Generatif

ABSTRACT

Perlis is a unique state because it borders a foreign country in the north which is Thailand and next to the state of Kedah. This unique position also has an impact on the Malay dialect spoken by native speakers in Perlis. While this loan word in Arabic is seen in the Malay language as having a close connection with Islam which is held by the majority of the Malay community. The Malay race is seen as synonymous with Islam, including in the aspect of language. While Islam is synonymous with Arabic, which is the language of choice for conveying the content of the Quran. This study will analyze some Arabic loanwords used in the Perlis Malay dialect. Therefore this study will try to study the distribution of dialects in Perlis. This study is one of the initial efforts to study the Malay dialect of Perlis from a dialectological point of view that focuses on loanwords in Arabic used by native speakers of Perlis. In general, the focus of the study area covers several selected villages in the state of Perlis. Some lexical Arabic loanwords that are seen to have a lot of variation will be the lexical choice in this study. Therefore, by using the generative transformation formula to see the changes that occur in lexical variants involving the lexical phonology of "kafir", "takdir" and "sahur". This study is also a continuation of previous studies that studied dialects and also focused on the pronunciation of Arabic loanwords used by residents in the state of Perlis.

Keywords: Perlis Dialect, Arabic Borrowing, Generative Transformation Formula

¹ Ainur Syakirah binti Muhd Hissam, Sarjana Muda, Pusat Bahasa & Pengajian Umum, Kolej Universiti Islam Perlis, ainursyakirah@kuiips.edu.my

² Zuliana binti Zubir, Sarjana, Pusat Bahasa & Pengajian Umum, Kolej Universiti Islam Perlis, zuliana@kuiips.edu.my


Pengenalan

Dialek merupakan variasi bahasa yang dituturkan oleh sekelompok penutur tertentu di kawasan tertentu yang melampaui sempadan politik. Walaupun wujudnya perbezaan dialek di kawasan kawasan tersebut, tetapi kadar kesalingfahaman terhadap semua dialek adalah tinggi. Malah penyebaran semua dialek masih menunjukkan kesinambungan yang ketara walaupun sebutannya berbeza (Meillet 1967). Dialek sebagai satu sub-bahasa yang mewakili bahasa tuturan sesebuah penduduk di satu-satu kawasan (Asmah, 1985). Collins (1986) mentakrifkan dialek sebagai satu ragam bahasa yang dibezakan secara tegas daripada ragam-ragam lain berdasarkan ciri-ciri penyebutan, kosa kata dan tatabahasa. Tambahnya lagi, ragam bahasa ini terdapat dalam daerah geografi tertentu dan dalam suasana sosial tertentu. Keterwakilan dialek yang dibentuk bagi sesebuah kawasan adalah berbeza dari suatu komuniti dengan komuniti yang lain. Buktinya, di Malaysia terdapat pelbagai dialek mengikut daerah seperti yang dikemukakan oleh Asmah (1985). Hal ini turut sama diujahkan oleh Mario & Frank Gaynor (1960) dan Abdul Hamid Mahmood (1993) yang menyatakan bahawa dialek merupakan bentuk khusus sesuatu bahasa yang dituturkan oleh sekumpulan penutur di daerah tertentu atau di kawasan geografi tertentu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa dialek dan kawasan geografi merupakan perkara yang saling berkaitan antara satu sama lain. Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengankhazanah dialeknya. Salah satunya adalah dialek negeri Perlis. Dialek negeri Perlis berasal daripada dialek Kedah. Menurut Asmah (1993), dialek Kedah adalah bahasa Melayu yang mempunyai ciri-ciri tersendiri yang dituturkan dari Perlis sampai ke Perak Utara. Menurut Fazal Mohamed, Junaini, Zaharani & Nor Hashimah, (2010) dan Sakinah & Fazal Mohamed (2016) bagi rakyat negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, dan Perak Utara pada umumnya bahasa pertuturan harian hampir sama dan boleh difahami antara satu dengan lain. Jika terdapat perbezaan, mungkin pada perkataan-perkataan tertentu sahaja. Namun kajian Fazal Mohamed & Noriati (2017) membahaskan bahawa dialek Perlis mempunyai urutan ayat yang unik untuk diselidiki.

Kedatangan agama Islam ke alam Melayu sekitar abad ke-13 dan ke-14 telah membawa pengaruh yang cukup besar dalam semua aspek kehidupan masyarakat Melayu. Pengaruh Islam bukan sahaja telah mengubah kepercayaan dan agama asal masyarakat, tetapi memberikan kesan terhadap bahasa, budaya dan sastera. Walau bagaimanapun, pengaruh Islam terhadap bahasa mendominasi aspek lain, khususnya yang berkaitan dengan kosa kata. Malahan perkataan yang dipinjam ini juga telah berfungsi untuk melambangkan warisan budaya masyarakat Melayu kerana di dalamnya terdapat hal yang berkaitan dengan agama, adat, perayaan, undang-undang, dan sebagainya. Keadaan ini telah menggambarkan tahap hubungan dan kerjasama antara bangsa Arab dengan Melayu, bahkan mendekatkan bangsa Melayu dengan umat Islam yang lain dari segi budaya yang menggunakan perkataan Arab yang sama. (Awang Sariyan, 2000) Tidak dinafikan kosa kata bahasa Arab telah banyak mempengaruhi perkembangan kosa kata bahasa Melayu dari dulu sehingga kini. Dengan kedatangan pedagang Arab dan ulama' Islam ke tanah Melayu seawal kurun ke-14 Masihi, bahasa Melayu dikatakan telah mula menerima pengaruh bahasa Arab (Abdel Raziq, 1996). Apatah lagi bagi masyarakat Melayu yang beragama Islam, bahasa Arab sememangnya menjadi bahasa ibadat dan bahasa keagamaan mereka. Jika dilihat kepada penggunaan bahasa Melayu pada masa ini, terdapat banyak perkataan Arab yang telah dipinjamkan ke dalam bahasa Melayu sama ada dalam bentuk pertuturan ataupun penulisan. Hakikat ini turut diakui oleh para penyelidik yang berminat mengkaji pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa Melayu. Sebagai contoh, Abdul Hamid Ahmad dalam kamusnya, iaitu Kamus al-Hamidi telah menyenaraikan 2000 patah perkataan bahasa Arab yang telah dibawa masuk ke dalam bahasa Melayu (Mustafa Daud, 1996). Kemasukan perkataan Arab ini telah mengayakan bahasa Melayu dari segi kosa kata dan penggunaannya dalam masyarakat Melayu, khususnya dalam bidang agama. Hal ini kerana, hubungan bahasa Arab dengan agama Islam tidak dapat dipisahkan, malahan bahasa Arab adalah sumber asas kepada syariat Islam.

Latar Belakang Negeri Perlis

Negeri Perlis Indera Kayangan atau Perlis Darul Sunnah merupakan negeri yang terkecil di Malaysia. Negeri ini terletak di utara Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan Provinsi Satun dan Songkhla, Thailand di sebelah utara, dan Kedah di sebelah selatan. Menurut perangkaan Malaysia, pada tahun 2010, jumlah penduduknya dianggarkan seramai 198,335 orang. Pembahagian etnik pula iaitu Melayu sebanyak (166,200 orang), Cina sebanyak (24,000 orang), India sebanyak (3,700 orang), dan lainlain sebanyak (5,400 orang), serta bumiputera lain (600 orang). Selain itu, terdapat 26 buah mukim dan 16 buah pekan.




Objektif Kajian

Penulis telah menetapkan satu objektif kajian dalam penyelidikan ini bertujuan untuk mendapatkan kajian yang lebih berfokus dan hasil dapatan kajian menepati kehendak kajian yang dijalankan. Objektif yang ditetapkan menerusi kajian ini, iaitu mengenal pasti tiga variasi leksikal kata pinjaman bahasa Arab pilihan di negeri Perlis.


Metodologi Kajian

Sesebuah kajian atau penyelidikan ilmiah dan saintifik memerlukan metodologi kajian yang teancang dan juga sistematik. Menurut Nor Hashimah (2006), penyelidikan bukan sahaja dapat memperlihatkan satu fenomena bahasa dengan lebih jelas malah akan menjadikan ilmu itu lebih sahih kesaintifikannya. Beliau turut menjelaskan bahawa linguistik adalah ilmu yang bersifat saintifik iaitu ciri saintifik ini harus mampu memenuhi kriteria pengamatan (*observatory*), penghuraian (*descriptive*) dan penjelasan (*explanatory*). Berikut merupakan Carta Alir bagi kaedah penyelidikan lapangan.



Skop Dan Batasan Kajian

Batasan Kawasan



Pemilihan Lokasi Kajian

Bil.	Daerah	Kampung
1.	Daerah Kangar	Kampung Paya Tengah
		Kampung Padang Lati
		Kampung Padang Melangit
		Kampung Beseri Dalam
		Kampung Paya

Perbincangan

Bahagian penganalisan data ini lazimnya melibatkan pemaparan data dan pentafsiran data. Data yang diperolehi di kajian lapangan memperlihatkan terdapatnya pelbagai varian bunyi atau sebutan dan leksikal bagi ketiga-tiga eksikal yang dikaji dalam kajian ini iaitu leksikal 'takdir', 'kafir' dan 'sahur'. Seterusnya, dalam bahagian penganalisan data kedua pula, melibatkan penafsiran data. Dalam bahagian ini, penulis akan menerangkan serba sedikit tentang perilaku fonologi yang berlaku pada ketiga-tiga leksikal yang dikaji.

Pemaparan Data

Pemaparan data dalam bahagian ini akan menunjukkan hasil kajian setelah penulis melakukan kajian lapangan di kampung yang terpilih dalam daerah Kangar Perlis. Penulis mendapati terdapat pelbagai varian bunyi dan sebutan bagi leksikal yang dikaji. Jadual di bawah memaparkan setiap varian bunyi dan leksikal yang ditemui dalam kalangan penutur dialek di kampung dalam daerah Kangar Perlis.

Jadual 1: Senarai Varian Sebutan Bagi Leksikal “Takdir” Di Semua Kampung Kajian

BIL	KAMPUNG	VARIASI	L1	L2
		LEKSIKAL	[takdɛ]	[taxdɛ]
1.	Kampung Paya Tengah	Takdir	5	
2.	Kampung Padang Lati			5
3.	Kampung Padang Melangit		5	
4.	Kampung Beseri Dalam		2	3
5.	Kampung Paya		5	
JUMLAH			17	8
JUMLAH KESELURUHAN			25	

Jadual di atas menunjukkan jumlah penggunaan varian bunyi dan leksikal ‘takdir’ yang ditemui dalam lima buah kampung di daerah Kangar Perlis. Terdapat dua varian ditemui yang digunakan di daerah Kangar bagi leksikal takdir iaitu L1 [takdɛ] dan L2 [taxdɛ]. Penggunaan varian L1 [takdɛ] menunjukkan penggunaan paling tinggi iaitu sebanyak 17 orang responden di kampung yang terlibat seperti kampung Paya Tengah, Kampung Padang Melangit, Kampung Beseri Dalam dan Kampung Paya. Manakala bagi varian L2 [taxdɛ] pula sebanyak 8 reponden yang menggunakan varian tersebut di Kampung Padang Lati dan juga kampung Berseri Dalam.

Jadual 2: Senarai Varian Sebutan Bagi Leksikal ‘Kafir’ di Semua Kampung Kajian

BIL	KAMPUNG	VARIASI	L1	L3
		LEKSIKAL	[kapiɑç]	[kafɛ]
1.	Kampung Paya Tengah	Kafir	5	
2.	Kampung Padang Lati		1	4
3.	Kampung Padang Melangit		5	
4.	Kampung Beseri Dalam		3	2
5.	Kampung Paya		5	
JUMLAH			19	6
JUMLAH KESELURUHAN			25	

Berdasarkan jadual di atas pula, terdapat dua varian bagi leksikal “takdir ” yang digunakan di kampung-kampung tersebut yang tersenarai dalam daerah Kangar. Dua varian yang ditemui di kesemua kampung yang dikaji ialah L1 [kafɛ] dan L2 [kapiɑç] Varian LA [Kapiɑç] menunjukkan jumlah varian yang tertinggi penggunaannya iaitu sebanyak 19 responden di kampung kajian iaitu Kampung Paya Tengah, Kampung Padang Lati, Kampung Padang Melangit, Kampung Beseri Dalam dan juga Kampung Paya. Manakala bagi L2 [kafɛ] ditemui di Kampung Padang Lati dan Kampung Beseri Dalam sebanyak 6 orang responden yang menggunakannya.

Jadual 3 : Senarai Varian Sebutan Bagi Leksikal “Sahur” Di Semua Kampung Kajian

BIL	KAMPUNG	VARIASI	L1	L2	L3
		LEKSIKAL	[soç]	[sahuç]	[sahoç]
1.	Kampung Paya Tengah	Sahur	3	2	
2.	Kampung Padang Lati		4		1
3.	Kampung Padang Melangit		3		2
4.	Kampung Beseri Dalam		3		2
5.	Kampung Paya		5		
JUMLAH			20	2	5
JUMLAH KESELURUHAN			25		

Berdasarkan jadual di atas, terdapat tempat varian bagi leksikal “sahur” yang digunakan di kampung kajian. Varian tersebut ialah L1 [soç], L2 [sahuç] dan L3 [sahoç]. Varian yang tertinggi penggunaannya ialah L1-Soç iaitu sebanyak 20 responden di Kampung Paya Tengah, Kampung Padang Lati, Kampung Padang Melangit, Kampung Beseri Dalam dan Kampung Paya. Varian kedua tertinggi ialah L3 [sahoç] iaitu sebanyak 7 orang reponden di Kampung Padang Lati, Kampung Padang melangit dan Kampung Beseri Dalam. Seterusnya varian L2 [sahuç] menunjukkan penggunaan yang sama iaitu sebanyak 2 responden di Kampung Paya Tengah bagi L2 [sahuç].

Analisis Fonologi

Analisis fonologi merupakan satu penelitian yang melibatkan penghuraian tentang varian bunyi yang menunjukkan wujudnya perbezaan bagi penyebaran di antara dialek Perlis dengan dialek–dialek Melayu yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Hal ini bagi menjawab objektif pertama pengkaji untuk menunjukkan penyebaran dialek Perlis di beberapa kampung yang terlibat. Pengkaji juga telah melihat aspek fonologi dari sudut bunyi vokal dan konsonan secara ringkas dalam leksikal-leksikal dialek Perlis. Beberapa varian leksikal telah dikaji dalam dialek Perlis ini. Pengkaji juga mendapati bahawa leksikal yang dikaji kebanyakannya berlaku banyak perubahan dalam bentuk fonologi yang melibatkan lima buah kampung yang

mengalami perubahan fonologi. Misalnya untuk varian leksikal “takdir”, “kafir” dan “sahur” dapat dilihat dalam rajah di bawah. Bahagian ini akan membincangkan secara umum tentang perubahan yang melibatkan tiga varian leksikal tersebut.

Input Data	Output Data
1. /takdir/	[takdɛ] [taxdɛ]
2. /kafir	[kafɛ] [kapiɑç]
3. /sahur/	[sahuç] [sahoç] [soç]

i) Varian leksikal “takdir”

Bil	Varian	Leksikal
1.	(V1)	[takdɛ]
2.	(V2)	[taxdɛ]

Leksikal [takdɛ] dan [taxdɛ] merupakan leksikal bagi sebutan dialek Perlis iaitu yang bermaksud “takdir” . Namun yang membezakan kedua-dua sebutan itu ialah terdapatnya dialek bagi beberapa kampung yang menggunakan V1 dan V2 dalam pertuturan seharian mereka. Pengkaji mendapati bahawa leksikal [takdɛ] merupakan varian yang dituturkan oleh penduduk Kampung Paya Tengah, Kampung Padang Melangit, Kampung Beseri Dalam dan Kampung Paya. Manakala leksikal [taxdɛ] ialah varian yang dituturkan oleh penduduk Kampung Padang Lati dan Kampung Beseri Dalam sahaja. Dalam fonologi dialek Perlis pengkaji mendapati bahawa terdapatnya rumus peleburan VK /ir/ dan rumus penggantian /ir/ kepada /ɛ/ pada akhir kata. Rumus yang berlaku bagi leksikal [takdɛ] adalah seperti berikut :

1. Rumus peleburan VK : ir # -> Ø / _ #
2. Rumus Penggantian VK : ir # -> ɛ / - #

Berikut pula ditunjukkan derivasi bagaimana rumus di atas beroperasi :

Input : /Takdir/
 Rumus peleburan VK : /takd/
 Rumus Penggantian VK : /takdε/
 Output : [takdε]

Manakala bagi V2 pula dilihat telah berlaku perubahan dari segi fonologi iaitu penggantian kosonan / k / dan konsonan pinjaman / x /. Kemudian berlakunya peleburan VK / ir / kepada vokal depan separuh rendah / ε / di akhir kata. Rumus yang berlaku adalah seperti berikut :

1. Rumus penggantian konsonan pinjaman : k # -> x / _ #
2. Rumus peleburan VK : ir # -> Ø / - #
3. Rumus Penggantian VK : ir # -> ε / - #

Berikut pula ditunjukkan derivasi bagaimana rumus di atas beroperasi :

Input : /Takdir/
 Rumus Penggantian konsonan pinjaman: / taxdε /
 Rumus Peleburan VK : / taxd /
 Rumus penggantian VK : / taxdε /
 Output : [taxdε]

ii) Varian leksikal “kafir”

Bil	Varian	Leksikal
1.	(V1)	[kafε]
2.	(V2)	[kapias]

Varian seterusnya ialah [kafε] dan [kapias]. Bagi V1 berlaku terdapat perubahan dari segi fonologi iaitu rumus peleburan VK /ir/ dan rumus penggantianVK kepada vokal depan separuh sempit /ε/. Rumus yang berlaku pada leksikal [kafε] adalah seperti berikut :

1. Rumus peleburan VK : ir # -> Ø / - #
2. Rumus Penggantian VK : ir # -> ε / - #

Berikut pula ditunjukkan derivasi bagaimana rumus di atas beroperasi :

Input : / kafir/
 Rumus peleburan VK : / kaf /
 Rumus Penggantian VK: /kafε/
 Output :[kafε]

Bagi V2 berlaku perubahan perubahan daripada bahasa standard kepada dialek Perlis berlakunya rumus peleburan KV / fi / kepada rumus penggantian KV / pi / dan rumus penggantian faringealisasi /r/ kepada /ç/ di akhir kata. Rumus yang berlaku pada leksikal [kapiaç] adalah seperti berikut :

1. Rumus peleburan KV : fi # -> Ø / _ #
2. Rumus penggantian KV : fi # -> pi / - #
3. Rumus Penggantian Faringealisasi : r # -> ç / - #

Berikut pula ditunjukkan derivasi bagaimana rumus di atas beroperasi :

Input: /Kafir/
 Rumus Peleburan KV : / Kaar /
 Rumus penggantian KV : / kapiar /
 Rumus Penggantian faringealisasi : / kapiaç /
 Output: [kapiaç]

iii) Varian leksikal “sahur”

Bil	Varian	Leksikal
1.	(V1)	[sahuç]
2.	(V2)	[sahoç]
3.	(V3)	[suwo?]

4.	(v4)	[soç]
----	------	-------

Leksikal [sahuç], [sahoç], [suwo?] dan [soç] merupakan leksikal bagi sebutan dialek Perlis iaitu yang bermaksud “sahur” . Namun yang membezakan keempat-empat sebutan itu ialah terdapatnya dialek bagi beberapa kampung yang menggunakan V1, V2, V3 dan V4 dalam pertuturan seharian mereka. Pengkaji mendapati bahawa leksikal [sahuç] merupakan varian yang dituturkan oleh segelintir penduduk Kampung Paya Tengah, manakala varian leksikal [sahoç] dituturkan oleh segelintir penduduk Padang Lati, Kampung Padang Melangit dan Kampung Beseri Dalam. Bagi V3 hanya melibatkan penduduk kampung padang Lati yang menggunakan varian ini. Manakala leksikal [soç] ia dituturkan oleh kebanyakan penduduk kampung yang dikaji.

V1 [sahuç] iaitu jelas menunjukkan bahawa terdapat rumus yang terlibat kerana terdapat perubahan bunyi pada konsonan /r/ di akhir kata. Rumus yang berlaku adalah seperti berikut:

1. Rumus penggantian K : r # -> ç / _ #

Berikut pula ditunjukkan derivasi bagaimana rumus di atas beroperasi :

Input: /sahur/ Rumus penggantian K : /sahuç/ Output : [sahuç]

V2 [sahoç] berlaku perubahan perubahan daripada bahasa standard kepada dialek Perlis berlakunya rumus penggantian V / o / di tengah kata. Selain itu, terdapat juga rumus / ç / diakhir kata. Rumus yang berlaku adalah seperti berikut :

1. Rumus penggantian V: u # -> o / _ #
2. Rumus penggantian faringealisasi : r # -> ç / - #

Berikut pula ditunjukkan derivasi bagaimana rumus di atas beroperasi :

Input: /sahur/ Rumus Penggantian V :/sahor/ Rumus Penggantian Faringealisasi : /sahoç/ Output : [sahoç]
--

Bagi V3 [soʔ] berlaku perubahan-perubahan daripada bahasa standard kepada dialek Perlis. Berlakunya rumus penggantian V / o / di akhir kata serta rumus peleburan KV / hu / padasuku kata kedua varian / sahur /. Namun, terdapat juga dan rumus penggantian faringealisasi / ʧ / di akhir kata. Rumus yang berlaku adalah seperti berikut:

1. Rumus penggantian V : a # -> o / - #
2. Rumus peleburan KV : hu # -> Ø / - #
3. Rumus penggantian faringealisasi : r # -> ʧ / - #

Berikut pula ditunjukkan derivasi bagaimana rumus di atas beroperasi :

Input : /sahur/ Rumus penggantian V : /sohur/ Rumus peleburan KV : /sor/ Rumus penggantian faringealisasi : /soʔ/ Output: [soʔ]

Kesimpulan

Kajian ini merupakan salah satu usaha awal untuk mengkaji dialek Melayu Perlis dari sudut dialektologi yang bertumpu kepada kata pinjaman dalam bahasa Arab yang digunakan oleh penutur asli Perlis. Secara umumnya, tumpuan kawasan kajian meliputi beberapa buah kampung yang terpilih di negeri Perlis. Beberapa leksikal kata pinjaman bahasa Arab yang dilihat mempunyai variasi yang banyak akan menjadi leksikal pilihan dalam kajian ini. Oleh itu, dengan menggunakan rumus transformasi generatif untuk melihat perubahan yang berlaku dalam varian leksikal yang melibatkan fonologi leksikal “ kafir”, “takdir” dan “ sahur”.Kajian ini juga merupakan kesinambungan kepada kajian-kajian lepas yang mengkaji dialek dan juga tumpuan kepada kerencaman sebutan pinjaman bahasa Arab yang digunakan penduduk di negeri Perlis.

Rujukan

- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1997. *The Phonological diversity of the Malay Dialect*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2001. *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2002. *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Pengembaraan ke Kedah, Perlis dan Kelantan Za'ba*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Collins, J.T. 1983. *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. 1986. *Antologi kajian dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2006. *Budaya penyelidikan dan penerbitan bertamadun: Satu Sinergi*. GEMA Online Journal of Language Studies 6(2): 49-64.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. *Penyebaran dialek Patani di Perak: Analisis geolinguistik*. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 8 (2): 310-330.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi, Norlisafina Sanit. 2016. *Variasi kata ganti nama dialek di pesisir Perak: Analisis geographical information system (GIS)*. GEMA Online Journal of Language Studies 16(1): 109-123.
- Norlisafina Sanit. 2014. *Variasi leksikal kata ganti nama dialek di pesisir sungai Perak: aplikasi geographical information system (GIS)*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Onishi, T. 2010. *Analyzing dialectological distributions of Japanese*. *Dialectologia Journal* 1(2010): 123-135.
- Osaki. 2003. *Levels and trends of international migration*. Department of Economic and Social Affairs Population Division. United Kingdom: New York.

Sejarah Perkembangan Morfologi Arab

History of Arabic Morphological Development

Muhammad Hatta Shafri¹, Fudzla Suraiyya Abdul Raup² & Nasirah Ismail³

ABSTRAK

Morfologi adalah salah satu cabang ilmu linguistik am dan merupakan antara disiplin ilmu utama yang terlibat dalam proses menganalisis bahasa. Proses tersebut menyebabkan semua bahasa di dunia; termasuklah bahasa Arab, tidak dapat lari daripada terkait secara terus dengan perbincangan ilmu morfologi. Walaupun kajian bidang morfologi bahasa Arab telah banyak dilakukan oleh penyelidik, namun ia lebih tertumpu kepada aplikasi ilmu morfologi bahasa Arab dan kurang menekankan perkara berkaitan latar belakang dan sejarah perkembangannya. Kajian ini bertujuan untuk memahami sejarah perkembangan ilmu morfologi dunia Arab di samping mengenal pasti batasan ilmu ini. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan bagi mengumpulkan data sebelum ia dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan mengikut tema-tema tertentu. Hasil kajian menunjukkan bahawa ilmu morfologi dan sintaksis bahasa Arab telah dibahas dan dikaji sebagai satu disiplin ilmu yang dikenali sebagai tatabahasa Arab. Namun, ilmu morfologi bahasa Arab kurang diberi penekanan oleh para ilmuwan dunia Arab pada peringkat awal perkembangan ilmu tatabahasa Arab. Kajian ini juga telah mengenal pasti pelbagai pendapat dalam kalangan ilmuwan Arab dalam menentukan ruang lingkup ilmu morfologi bahasa Arab. Pendapat-pendapat tersebut dikelaskan berdasarkan ciri-ciri persamaan dan perbezaan.

Kata kunci: *Morfologi, Sarf, Bahasa Arab, Linguistik, Historiografi*

ABSTRACT

Morphology is a branch of general linguistics and one of the primary disciplines involved in the process of analyzing language. The process causes all the languages in the world; including the Arabic language, to be directly related to the discussion of morphology. Numerous studies related to Arabic morphology have been conducted, but most of them are more focused on the application of morphology, and with less emphasis on the background and history of its development. This paper aims to understand the history of the development of Arabic morphology and identify the limitations of this field. This qualitative study was conducted using

¹ Muhammad Hatta Shafri, Akademi Pengajian Bahasa (APB), Universiti Teknologi Mara (UiTM), muhammadhatta@uitm.edu.my

² Fudzla Suraiyya Abdul Raup, Akademi Pengajian Bahasa (APB), Universiti Teknologi Mara (UiTM), fudzlasuraiyya@uitm.edu.my

³ Nasirah Ismail, Akademi Pengajian Bahasa (APB), Universiti Teknologi Mara (UiTM), nasirah@uitm.edu.my

secondary research to collect data before analyzing it using the thematic analysis approach. The results revealed that Arabic morphology and syntax have been discussed as a discipline known as Arabic grammar. However, Arabic morphology is less emphasized by scholars of the Arab world in the early stages of the development of Arabic grammar. This study also identified various opinions among Arab scholars in determining the scope of Arabic morphology. The opinions are classified based on similarities and differences in characteristics.

Keywords: Morphology, Sarf, Arabic Language, Linguistics, Historiography

Pengenalan

Morfologi ialah salah satu peringkat yang penting dalam analisis bahasa. Ilmuwan linguistik Arab antaranya Shāhīn (1980), al-Shāyib (1999) dan al-Khūlī (2006) menggariskan empat peringkat utama yang terlibat dalam proses analisis bahasa. Empat peringkat tersebut termasuklah fonetik dan fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Ilmu morfologi pada awalnya dikenali sebagai *al-ṣarf* atau *al-taṣrīf* dalam kalangan ilmuwan Arab. Ilmu *ṣarf* mula dibincangkan dalam dunia Arab sejak lebih daripada sepuluh abad yang lalu. Ia bermula dari zaman sarjana agung bahasa Arab; Abū Bishr ‘Amr ibn Uthmān ibn Qanbar Al-Baṣrī yang lebih dikenali sebagai Sibawayh (M 185H) di dalam bukunya Al-kitāb. Kajian bidang ini kemudiannya diteruskan oleh para sarjana yang muncul selepas zamannya sehingga hari ini.

Al-Makārim (2012) menyebutkan dua kepentingan kajian ilmu *ṣarf* yang ditekankan oleh ilmuwan bahasa Arab, iaitu:

1. **Keagamaan:** Islam menuntut agar umatnya mempelajari tatabahasa Arab dan ia dianggap sebagai fardu kifayah iaitu perlu ada seseorang dalam kalangan masyarakat yang mahir dalam bidang tersebut. Kepakaran individu tersebut diperlukan untuk memahami bahasa kitab suci al-Quran iaitu bahasa Arab. Islam menegah pengabaian terhadap ilmu ini kerana ia boleh membawa kepada salah faham dalam memahami al-Quran.
2. **Bahasa:** Kewujudan ilmu kajian berkaitan perkataan dalam menganalisis bahasa merupakan salah satu keperluan yang mendesak. Tanpa ilmu ini, ia akan membawa kepada kelompongan dan kesilapan dalam proses menganalisis bahasa. Ibn Jinnī (M 392H) menyatakan bahawa semua ilmuwan bahasa Arab amat memerlukan ilmu ini sebagai panduan bagi mengenali asal usul perkataan bahasa Arab serta proses derivasi yang berlaku.

Al-Shāyib (1999) membahagikan kajian *ṣarf* kepada dua bahagian berdasarkan kumpulan ilmuwan iaitu ilmuwan klasik dan ilmuwan kontemporari. Ilmuwan klasik Arab mentakrifkan ilmu *ṣarf* yang juga dikenali sebagai morfologi sebagai satu disiplin ilmu yang membahaskan pembentukan perkataan daripada sudut kata dasar dan imbuhan, jenis hurufnya sama ada *ṣaḥīḥ* atau *i’lāl* dan sebagainya. Ia juga ditakrifkan sebagai suatu ilmu usul untuk mengetahui keadaan pembentukan perkataan. Keadaan tersebut bukan dilihat dari sudut perubahan keadaan akhirnya (*i’rāb*). Manakala ilmuwan kontemporari pula mentakrifkan morfologi sebagai suatu kajian berkaitan morfem dan rangkaiannya dalam pembentukan

perkataan. Maka jelas di sini bahawa ilmuwan klasik Arab menjadikan perkataan sebagai perkara utama dalam kajian mereka, manakala ilmuwan kontemporari pula menjadikan morfem atau setiap binaan yang mempunyai makna sebagai topik utama dalam kajian saintifik mereka.

Kajian ini akan memfokuskan perkara berkaitan perkembangan kajian ilmu morfologi bahasa Arab yang telah dilakukan oleh ilmuwan klasik Arab dan menelusuri pendapat-pendapat mereka berkaitan ruang lingkup bidang morfologi bahasa Arab.

Permasalahan kajian

Kajian bidang morfologi bukanlah sesuatu yang baru dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia bahkan ia telah lama mendapat tempat dalam kalangan penyelidik untuk mendalami serta memahami bidang pengkajian ini (Afiq & Hakim, 2018). Walaubagaimanapun, ia tertumpu kepada aplikasi ilmu morfologi bahasa Arab dan kurang menitikberatkan latar belakang dan sejarah perkembangannya. Menurut Kamarulzaman (2010), bahasa Arab sudah lama bertapak di Malaysia, namun sering kali pencapaian pelajar dalam subjek ini dilihat masih pada tahap kurang memuaskan. Kebanyakan kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia masih belum mampu mencapai matlamat dan objektif yang sebenar. Kajian Arina, Samsul & Lisma (2022) pula menyimpulkan bahawa ketidakfahaman seseorang terhadap sistem bahasa dan kekeliruan dalam menerapkan kaedah bahasa yang dipelajari menyumbang kepada faktor kesalahan berbahasa seseorang. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk memenuhi keperluan bidang morfologi bahasa Arab dari sudut pengetahuan sejarahnya serta menentukan batasan perbahasan ilmu ini sebagai rujukan pengkaji-pengkaji pada masa akan datang. Selain itu, ia dapat membantu pihak berkaitan dalam merangka silibus pembelajaran morfologi bahasa Arab dengan lebih baik; sama ada pada peringkat rendah, menengah atau pengajian tinggi.

Objektif kajian

1. Memahami perkembangan ilmu morfologi bahasa Arab.
2. Mengenal pasti ruang lingkup ilmu morfologi bahasa Arab.

Metodologi kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan. Data kajian diperolehi daripada buku, jurnal, artikel persidangan, kertas kerja, dan sebagainya. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis dapatan kajian.

Perbincangan

Perkembangan Morfologi Dunia Arab

Bangsa Arab sebelum atau selepas kemunculan Islam tidak memerlukan ilmu tatabahasa Arab kerana mereka bertutur dengan sebutan yang betul secara fitrah (Fākhir, 2017). Apabila perluasan empayar Islam berlaku, ia mendorong para ilmuwan bahasa Arab untuk mewujudkan satu disiplin ilmu berkaitan tatabahasa Arab. Ia bertujuan untuk memelihara kesucian dan

keaslian al-Quran daripada berlaku penyelewengan dan kesilapan. Rentetan daripada percampuran bangsa Arab dan ajam telah menyebabkan berlakunya asimilasi pelbagai sudut yang melibatkan kehidupan seharian masyarakat antaranya budaya dan bahasa. Natiujahnya, banyak kesilapan bacaan al-Quran terjadi dalam kalangan ajam mahupun anak-anak bangsa Arab itu sendiri (al-Sāmīrā'ī, 1966). Menurut al-'Afhāniy (1987) melalui pembukaan kota Islam yang baru, berlaku percampuran bangsa Arab dengan bangsa-bangsa lain yang sebelumnya berada di bawah taklukan Parsi, Bazentin dan Etopia. Mereka telah memeluk agama Islam beramai-ramai dan perlu sedaya upaya mempelajari bahasa Arab. Pergaulan dalam kehidupan seharian telah memberi kesan buruk terhadap keaslian bahasa Arab dalam kalangan penutur jati Arab. Kebejatan bahasa Arab pada awalnya tidak ketara, namun ia semakin merebak dalam kalangan masyarakat sehingga pembesar-pembesar dan ilmuwan-ilmuwan ketika itu mula memandangnya sebagai satu 'wabak' yang amat membimbangkan. Oleh itu, para ilmuwan bahasa Arab terdahulu mengambil inisiatif untuk memelihara kesucian bahasa al-Quran dengan menggariskan ilmu tatabahasa Arab. Menurut al-'Afhāniy (1987) juga, *lahn* yang merujuk kepada kesalahan tatabahasa merupakan pendorong utama bagi gerakan penulisan, pembukuan dan pengumpulan ilmu tatabahasa Arab. Tambahan pula rentetan peristiwa-peristiwa *lahn* yang sudah mula berlaku sebelum itu mengukuhkan lagi sebab gerakan tersebut harus dilakukan.

Antara peristiwa *lahn* yang terkenal dalam lipatan sejarah Arab adalah kisah kesalahan tatabahasa oleh anak perempuan kepada seorang ilmuwan terkenal iaitu Abū Aswad al-Du'āliy (M 69H). Beberapa riwayat telah menyebutkan antaranya riwayat bahawa Abū Aswad al-Du'āliy bertemu anaknya pada suatu hari ketika cuaca sedang panas terik di Basrah. Lalu anak perempuannya berkata, "يا أبت ما أشدُّ الحرَّ" (*Wahai bapaku, apakah – iaitu pada waktu bila – yang paling panas?*) dengan menyebut perkataan (أشدُّ) dengan baris ḍammah pada akhirnya. Maka bapanya menjawab, "شهر ناجر" (*bulan Nājir iaitu nama bulan kedua pada zaman Jahiliyah dan nama lain bagi bulan safar*) kerana menyangka bahawa anaknya hendak bertanya cuaca paling panas pada waktu bila. Kemudian anaknya membalas, "يا أبت إنما أخبرتُك ولم أسألك" (*Bapaku, sesungguhnya aku memberitahumu dan bukan bertanya kepadamu!*) (Kamarul Shukri, 2017) dan (al-Ṭantāwiy, 1995). Terdapat satu gaya bahasa bahasa Arab dikenali sebagai *uslūb ta'ajjub* yang digunakan untuk menunjukkan rasa kagum. Ada beberapa pola yang boleh digunakan untuk menyampaikan maksud tersebut, antaranya (ما أفعل) dengan meletakkan baris fathah pada akhir perkataan (أفعل). Apabila baris fathah ditukarkan kepada ḍammah, konteks frasa tersebut akan bertukar menjadi pertanyaan; seperti yang digunakan oleh anak perempuan Abū Aswad al-Du'āliy.

Abū al-Barakāt al-Anbāri (M 577H) menyatakan beberapa riwayat bahawa Abū Aswad al-Du'āliy telah bertemu Sayyidina Ali r.a. dan mendapati di tangannya terdapat sehelai lembaran lalu beliau bertanya: "Apakah perkara ini wahai amirulmukminin?" Kemudian sayyidina Ali r.a. menjawab: "Sesungguhnya aku memerhatikan bahawa percakapan orang ramai dan aku mendapati (percakapan) mereka telah bercampur dengan bahasa bangsa asing. Maka aku ingin membuat sesuatu yang mereka boleh jadikan sebagai rujukan." Kemudian beliau memberikannya lembaran tersebut yang terkandung tulisan '... الكَلَامُ كُلُّهُ إِسْمٌ وَفِعْلٌ وَحَرْفٌ ...' (kata-kata itu semuanya terdiri daripada kata nama, kata kerja dan preposisi) dan beliau menugaskan agar Abū Aswad al-Du'āliy melengkapkan tatabahasa Arab tersebut. Riwayat lain menyebutkan bahawa Abū Aswad al-Du'āliy telah berjumpa Ziyād iaitu pemerintah Basrah

ketika itu dan meminta dengan tegas agar beliau memberikan kebenaran kepadanya untuk menulis berkenaan tatabahasa Arab. Para pengkaji berbeza pendapat berkenaan pengasas utama bagi ilmu tatabahasa Arab ini. Berdasarkan kisah-kisah yang disebutkan, sebahagian pengkaji berpendapat bahawa Abū Aswad al-Du'āliy merupakan ilmuwan pertama yang menjadi pelopor kepada gerakan penulisan, pembukuan dan pengumpulan ilmu tatabahasa Arab. Manakala sebahagian yang lain berpendapat bahawa pelopor pertama merupakan sayyidina Ali r.a. (al-Ṭantāwiy, 1995).

Kajian turut mendapati bahawa ilmu morfologi dan ilmu sintaksis bahasa Arab pada peringkat awal kemunculannya dikaji dalam satu disiplin ilmu sebelum kedua-dua ilmu tersebut dibahaskan secara berasingan (Al-Rājihiy, 2016). Gabungan kedua-dua bidang ilmu ini dikenali sebagai '*grammatical structure*' atau struktur tatabahasa dalam kalangan ilmuwan (Pei, 1998). Walaupun kedua-dua cabang ilmu tersebut dikaji sebagai satu disiplin ilmu namun para ilmuwan terdahulu kurang menitikberatkan ilmu morfologi bahasa Arab seperti penekanan mereka terhadap ilmu sintaksis bahasa Arab. Hal ini dibuktikan dengan kewujudannya yang lewat berbanding sintaksis bahasa Arab. Di samping itu, perbincangan perkara berkaitan ilmu morfologi bahasa Arab sering diletakkan pada akhir karya tatabahasa Arab dan ia hanya dibincangkan secara ringkas berbanding ilmu sintaksis. Perkara tersebut seakan-akan menunjukkan bahawa morfologi hanyalah pelengkap bagi ilmu sintaksis bahasa Arab (al-Shāyib, 1999). Ia dikuatkan lagi dengan kata-kata Al-Raḍiy (M 688H) di dalam kitabnya; Sharḥ al-Shāfiyah yang menyatakan bahawa *taṣrīf* adalah sebahagian daripada ilmu *naḥw* (sintaksis) tanpa sebarang perselisihan (pendapat) dalam kalangan ilmuwan bahasa Arab. Ibn Jinniy (M 392H) pula sebaliknya berpendapat bahawa sesiapa yang ingin mempelajari ilmu *naḥw* wajib bermula dengan mempelajari *taṣrīf*. Hal ini kerana *taṣrīf* merupakan pengetahuan mengenai perkataan dalam keadaan tetap (individual) manakala *naḥw* pula pengetahuan berkenaan perkataan dalam keadaan berpindah-pindah (berada dalam ayat). Kendatipun begitu, perbincangan ilmu morfologi seringkali diletakkan pada akhir kebanyakan karya kerana kesukaran ilmu tersebut.

Namun begitu, kedua-dua bidang ilmu ini saling melengkap di mana ilmu *ṣarf* merupakan ilmu menganalisis binaan perkataan manakala ilmu *naḥw* pula menganalisis struktur ayat. Kedua-dua bidang ilmu tersebut menjadikan perkataan sebagai topik utama kajian melainkan ilmu *ṣarf* atau *taṣrīf* hanya tertumpu kepada kajian terhadap binaan perkataan sahaja, manakala ilmu *naḥw* pula memfokuskan kajian terhadap hubungan antara satu perkataan dengan perkataan yang lain dalam struktur ayat tertentu. Oleh itu, ilmu *ṣarf* merupakan mukadimah atau permulaan bagi ilmu *naḥw* kerana ia merupakan kajian berkaitan perkataan berbentuk mikro dan diikuti kajian *naḥw* secara makro iaitu kajian perkataan di dalam struktur ayat (al-Sāmīrā'ī, 1966). Pemisahan kedua-dua cabang ilmu ini berlaku pada kurun ketiga hijrah apabila al-Māziniy (M249 H) menulis sebuah kitab yang dinamakan al-Taṣrīf iaitu sebuah kitab yang membahaskan secara khusus berkaitan ilmu *ṣarf* (Fākhīr, 2017). Kecenderungan Mu'āz al-Harrā' (M 187H) terhadap binaan perkataan menyebabkan beliau dianggap sebagai pelopor bagi bidang morfologi bahasa Arab oleh sebahagian sejarawan (al-Ṭantāwiy, 1995), namun Mubārak (2000) menyangkal perkara tersebut. Ia berikutan sejarah tidak mencatatkan sebarang karya berkaitan morfologi bahasa Arab yang dikarang oleh Mu'āz al-Harrā'. Selain itu, menurut beliau lagi, ilmuwan terdahulu sejak Sibawayh telah menukulkan hal berkaitan morfologi bahasa Arab dalam karya agungnya; al-Kitāb diikuti ilmuwan

selepasnya. Tambah Mubārak (2000), Ibn Jinniy (M 392H) boleh dianggap sebagai ilmuwan yang paling mahir dalam bidang morfologi bahasa Arab dan kitab ‘daqā’iq al-taṣrīf’ oleh al-Mu’addib (M 228H) merupakan karya yang mempunyai gaya penulisan yang unik sama ada dari segi kaedah, contoh mahupun pemilihan istilah.

Ruang Lingkup Morfologi Bahasa Arab

Ibn ‘Usfūr (M 669H) dalam kitabnya al-Mumtī‘ mentakrifkan *ṣarf* sebagai satu ilmu untuk mengetahui perihal perkataan secara individual tanpa terikat dengan struktur ayat. Hal ini bersesuaian dengan takrifan terkini bagi ilmu *ṣarf* dalam kalangan ilmuwan bahasa Arab; iaitu mengkaji perkataan secara mikro tanpa melihat perkaitannya dengan perkataan lain dalam struktur ayat. Beliau telah mengelaskan ilmu *ṣarf* kepada dua jenis, iaitu:

1. Perubahan binaan perkataan dalam pelbagai pola untuk membentuk makna-makna tertentu. Contohnya, perkataan (ضَرَبَ), (ضَرْبٌ), (تَضَرَّبَ), dan (تَضَارَبَ); kesemuanya mengandungi huruf dād, rā’, dan bā’ yang terbentuk daripada pelbagai pola dan mengandungi makna-makna tersendiri.
2. Perubahan binaan perkataan tanpa mengubah sebarang maknanya. Contohnya, perkataan (قَوْلٌ) yang berubah menjadi (قَالَ). Sekiranya perkataan (قَوْلٌ) masih digunakan, ia tidak mempunyai sebarang perbezaan makna dengan (قَالَ). Perubahan tersebut berlaku disebabkan faktor-faktor lain seperti pengaruh bunyi dan undang-undang suku kata bahasa Arab.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa Ibn ‘Usfūr mengelaskan ilmu *ṣarf* kepada dua jenis, iaitu perubahan pola perkataan yang melibatkan perubahan makna dan perubahan pola perkataan yang tidak melibatkan perubahan makna disebabkan faktor-faktor lain seperti pengaruh bunyi dan undang-undang suku kata bahasa Arab.




Diagram 1: Pembahagian ilmu ṣarf oleh Ibn ‘Usfūr

Al-Ḥājjib (M 646H) pula mentakrifkan ilmu *ṣarf* sebagai satu ilmu usul atau asas untuk mengetahui keadaan-keadaan binaan perkataan yang bukan berkaitan dengan i‘rāb. Ilmu ini mengandungi sekumpulan kaedah umum yang mengkaji perkataan dari segi binaannya dan bukan dari segi hubung kait dengan perkataan lain. al-Raḍiy (M 688H) telah menerangkan takrifan yang diberikan oleh Ibn al-Ḥājjib dengan menyatakan bahawa perkataan ‘usul’ atau ‘asas’ merujuk kepada undang-undang induktif iaitu terdapat satu teori tertentu yang dipraktikkan terhadap elemen di dalam kajian. Contohnya seperti “*setiap huruf wāw dan yā*’

yang berbaris dan sebelumnya huruf berbaris fathah, maka ia akan bertukar menjadi huruf alif.”

Al-Raḍiy turut menjelaskan maksud ‘binaan perkataan’ dalam takrifan oleh Ibn al-Ḥāḥib sebagai *wazan* (pola), *sīghah* (bentuk) dan *hay’ah* (keadaan) bagi perkataan-perkataan dari sudut bilangan huruf dan jenis *harakah* (baris) serta mengambil kira huruf dasar dan huruf tambahan. Al-Raḍiy juga berpendapat bahawa baris pada huruf terakhir pada perkataan tidak termasuk dalam binaan perkataan yang dikaji dalam ilmu *ṣarf*. Contohnya, perkataan (رَجُلٌ), (رَجُلًا), dan (رَجُلِ) merupakan perkataan-perkataan yang mempunyai binaan yang sama iaitu (فَعْلٌ). Hal ini kerana baris akhir pada tiga-tiga perkataan tersebut tidak dikira sebahagian daripada binaan perkataan, bahkan ia merupakan perubahan yang berlaku kesan daripada hubung kait antara perkataan dengan perkataan yang lain di dalam struktur ayat.

Oleh itu, Al-Raḍiy berpendapat bahawa tiada keperluan untuk menambah “...yang bukan berkaitan dengan *i’rāb*” pada takrifan yang diberikan oleh Ibn al-Ḥāḥib kerana binaan perkataan tidak mengambil kira keadaan akhir perkataan. Di samping itu, *i’rāb* merupakan perkara yang melibatkan huruf terakhir pada perkataan. Maka ia tidak termasuk dalam keadaan binaan bagi perkataan yang dikaji dalam ilmu *ṣarf*. Al-Raḍiy telah mengakhiri syarahnya dengan menambah dua takrifan lain bagi ilmu *ṣarf*, iaitu:

1. Ilmu *ṣarf* merupakan ilmu yang menekankan sudut amali atau praktikal yang berkaitan dengan konjugasi perkataan bagi memenuhi keperluan semasa bagi bahasa dengan mencipta perkataan yang tidak didengari penggunaannya oleh bangsa Arab sebelum itu dengan menggunakan pola sedia ada.
2. Ilmu *ṣarf* merupakan ilmu berkaitan binaan perkataan yang mengkaji huruf dasar dan tambahan bagi perkataan. Selain itu, ia juga mengkaji keadaan *ḥazaf* iaitu pengguguran huruf atau baris, huruf *ṣaḥīḥ* dan *‘illah* yang terdapat pada perkataan, *idghām*, *imālah*, dan perkara-perkara yang berkaitan keadaan akhir bagi perkataan selain daripada *i’rāb* dan *binā’*. Keadaan-keadaan tersebut dikenali sebagai *al-i’lāl*, *al-ibdāl* dan *al-qalb al-makāniy*.

Takrifan yang diberikan oleh Al-Raḍiy telah memberi kesan kepada ilmuwan-ilmuwan bahasa Arab selepasnya, antaranya Ibn ‘Aqīl (M 769H) yang menyatakan bahawa *taṣrīf* adalah satu ungkapan yang menerangkan tentang ilmu yang mengkaji hukum berkaitan binaan perkataan bahasa Arab dan hal-hal berkaitan huruf perkataan tersebut dari segi huruf dasar, tambahan, *ṣaḥīḥ*, *i’lāl* dan yang seumpama dengannya.

Al-Suyūṭī (M 911H) pula membincangkan pembahagian *taṣrīf* dari segi bahasa dan istilah. *Taṣrīf* dari segi bahasa ialah perubahan daripada satu keadaan kepada keadaan yang lain. Ia merupakan kata nama derivasi daripada kata kerja (صَرَّفَ) yang membawa maksud perubahan kepada pelbagai sudut yang berbeza. Kemudian al-Suyūṭī menyatakan dalam kitabnya al-Tashīl bahawa *taṣrīf* dari segi istilah ilmuwan Arab membawa maksud satu ilmu yang berkaitan binaan perkataan dan hal-hal berkaitan huruf perkataan tersebut dari segi huruf asal, tambahan, *ṣaḥīḥ*, *i’lāl* dan yang seumpama dengannya; seumpama takrifan yang diberikan oleh Ibn ‘aqīl sebelumnya. Takrifan tersebut turut diikuti oleh Al-Ashmūniy (M 929H) yang datang selepasnya.

Berdasarkan takrifan yang diberikan oleh ilmuwan-ilmuwan bahasa Arab terdahulu, dapat dirumuskan bahawa bidang kajian ilmu *ṣarf* adalah berbeza dengan bidang kajian ilmu *naḥw*. Ilmu *ṣarf* menumpukan kajian berkenaan perkataan secara individual manakala ilmu *naḥw* pula memfokuskan hubung kait perkataan dengan perkataan yang lain dalam struktur ayat tertentu. Namun, terdapat dua aliran pendapat yang berbeza terhadap penetapan hubungan ilmu *ṣarf* dan ilmu *naḥw* dalam kalangan ilmuwan bahasa Arab terdahulu:

a) **Aliran pendapat pertama:** *ṣarf* sebahagian daripada *naḥw*. Hal ini jelas disebutkan oleh Al-Raḍiy dalam takrifannya bagi *taṣrīf* iaitu “*Taṣrīf sebahagian daripada ilmu naḥw (sintaksis) tanpa sebarang perselisihan (pendapat) dalam kalangan ilmuwan bahasa Arab.*” Abū Ḥayyan (M 1023H) pula menyebut: “Ilmu *naḥw* mengandungi hukum-hukum berkaitan perkataan. Hukum-hukum tersebut dibahagikan kepada dua bahagian:

1. Hukum berkaitan perkataan dalam struktur ayat. Ia dikenali sebagai bahagian yang melibatkan *i‘rāb (i‘rābiy)*.
2. Hukum berkaitan perkataan secara individual. Ia dikenali sebagai bahagian yang tidak melibatkan *i‘rāb (ghayr i‘rābiy)*.

Kedua-dua ilmu ini dikenali sebagai ilmu *al-i‘rāb*; menunjukkan dominasi ilmu *naḥw* terhadap ilmu *ṣarf*. Bahagian kedua tersebut pula (*ghayr i‘rābiy*) dibahagikan kepada dua bahagian:

1. Perubahan bentuk yang membawa kepada perubahan makna seperti (ضَرَبَ), (ضَارَبَ), (تَضَارَبَ) dan (اضْطَرَبَ).
2. Perubahan bentuk yang tidak membawa kepada perubahan makna seperti *al-i‘lāl*, *al-ibdāl* dan *al-qalb al-makāniy*.




Diagram 2: Pembahagian hukum-hukum berkaitan perkataan oleh Abū Ḥayyan

b) **Aliran pendapat kedua:** *ṣarf* merupakan ilmu berasingan dan bukan sebahagian daripada *naḥw*. Hal ini jelas disebutkan oleh Ibn ‘Uṣfūr ketika mentakrifkan *ṣarf* sebagai satu ilmu untuk mengetahui perihal perkataan secara individual tanpa terikat dengan struktur ayat. Manakala ilmu *naḥw* pula bertujuan untuk mengkaji perihal berkaitan perkataan dalam struktur ayat iaitu hubung kait antara perkataan dengan perkataan yang lain.



Diagram 3: Aliran pendapat ilmuwan bahasa Arab terdahulu berkaitan hubungan ilmu ṣarf dan ilmu naḥw

Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa ilmu morfologi dan sintaksis bahasa Arab telah dibahas dan dikaji sebagai satu disiplin ilmu yang dikenali sebagai tatabahasa Arab. Namun, ilmu morfologi bahasa Arab kurang diberi penekanan oleh para ilmuwan dunia Arab pada peringkat awal perkembangan ilmu tatabahasa Arab. Pemisahan kedua-dua cabang ilmu ini berlaku pada kurun ketiga hijrah apabila al-Māziniy (M249 H) menulis sebuah kitab yang dinamakan al-Taṣrīf iaitu sebuah kitab yang membahaskan secara khusus berkaitan ilmu ṣarf.

Kajian turut mengenal pasti pelbagai pendapat dalam kalangan ilmuwan Arab dalam menentukan ruang lingkup ilmu morfologi bahasa Arab. Pendapat-pendapat tersebut dikelaskan berdasarkan ciri-ciri persamaan dan perbezaan. Secara amnya, morfologi bahasa Arab merupakan satu ilmu usul atau asas perihal perkataan secara individual tanpa terikat dengan struktur ayat (bukan berkaitan dengan *i'rāb*) untuk mengetahui keadaan-keadaan binaan perkataan tersebut dari segi huruf dasar, tambahan, *ṣaḥīḥ*, *i'lāl* dan lain-lain.

Pengkaji mencadangkan agar kajian berkaitan sejarah perkembangan ilmu sintaksis bahasa Arab turut dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain pada masa akan datang agar ia tidak luput ditelan zaman serta dapat dijadikan panduan pada masa akan datang.

Rujukan

- ‘Aqīl, I. (2015). *Sharḥ Ibn ‘Aqīl ‘lā alfiyyah ibn Mālik*. Damsyiq: Muassasah al-risālah nāshirūn.
- ‘Uṣfūr, I. (1987). *al-mumti ‘fi al-taṣrīf*. Beirut: Dār al-ma‘rifah.
- Al-‘afghāniy, S. (1987). *Fī usūl al-naḥw*. Damsyiq: al-maktab al-islāmiy.
- Al-Ḥājiy, I. (2014). *Al-shāfiyah fī ‘ilmay taṣrīf wa al-khaṭ*. Mekah: Maktabah al-Makkiyyah.
- Al-Khūlī, M. A. (2006). *An Introduction to Linguistics*. Swaileh: Dār al-falah.
- Al-Makārim, A. A. (2012). *al-Ta‘rīf bi al-taṣrīf*. Kaherah: muassasah al-mukhtār li al-nashr wa al-tawzī‘.
- Al-Raḍiy, M. b.-Ḥ.-I. (1966). *Sharah al-raḍiy li kāfiyah ibn ḥājiy*.
- Al-Rājiḥiy, Ḥ. A. (2016). *lamaḥāt ‘n al-dars al-ṣarfiy fī al-turāth al-‘arabiy : lamaḥāt wa ‘ilm lughah al-mu‘āṣir*. Al-Majallah al-‘ilmiyyah bi kulliyyat al-‘ādāb.
- Al-Sāmīrā‘ī, I. (1966). *al-fī ‘l zamānuhu wa abniyatuhu*. Baghdad: maṭba‘h al-‘ānī.
- Al-Shāyib, F. Ḥ. (1999). *Muḥāḍarāt fī al-lisāniyyāt*. Amman: wizārah al-ṭaqāfah.
- Al-Suyūṭī, J. (1998). *Al-Muzhir fī ‘ulūm al-lughah wa anwā’uha*. Amman: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ṭanṭāwiyy, M. (1995). *Nash‘ah al-naḥw wa tārikh ashar al-nuḥāh*. Kaherah: dār al-ma‘ārif.
- Baharum, A. S., & Abdul Rahman, M. (2020). *Pengajaran Kemahiran Bertulis Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia Berteraskan Analisis Pelbagai Kesalahan Bahasa dalam Sintaksis Bahasa Arab*. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*.
- Fākhīr, A. M. (2017). *Tārikh al-naḥw al-‘arabiy mundhu nash‘atihi ḥattā al-‘ān*. Kaherah: Maktabah al-‘ādāb.
- Jinniy, I. (1999). *Al-Munṣif*. Beirut: Dār al-kutub al-‘ilmiyyah.
- Kamarulzaman Abdul Ghani. (2010). *Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tesis PhD. Universiti Malaya: Kuala Lumpur
- Mahazi, M. A., & Zainal, H. (2018). *Asas Pembentukan Kata dalam Morfologi Arab*. ‘ulūm islāmiyyah.
- Mubārak, M. (2000). *fī tārikh ‘ilm ṣarf wa muṣṭalahātihi*. Majallah kulliyyah al-dirāsāt al-islamiyyah wa al-‘arabiyyah.
- Pei, M. (1998). *lughah, Usus ‘ilm*. (A. M. ‘Umar, Penterjemah) Kaherah: ‘ālam al-kutub.

Shāhīn, ‘. a.-Ṣ. (1980). *ft’ilm al-lughah al-‘ām*. Beirut: Muassasah al-risālah.

Gaya Pembelajaran Pelajar Bagi Subjek Bahasa Melayu Semasa Pandemik

Learning Style Of Students For The Malay Language Subject During The Pandemic

Nor Syafika Mohd Zamri¹, Abdullah Yusof², Anida Sarudin³, Mohd Sufian Ismail⁴

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dan masalah yang dihadapi oleh mereka sepanjang mengikuti pembelajaran bahasa Melayu semasa pandemik. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan data yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS). Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik dengan skala likert empat mata bagi mengukur lima kategori gaya pembelajaran berdasarkan Model Dunn dan Dunn (1978). Hasil daripada kajian ini mendapati gaya pembelajaran yang paling dominan diamalkan oleh para pelajar ialah gaya pembelajaran psikologi manakala gaya pembelajaran yang paling rendah diamalkan pula ialah gaya pembelajaran emosional. Gangguan-gangguan persekitaran turut diperincikan bagi melihat kesediaan pelajar ketika mengikuti pembelajaran bahasa Melayu semasa pandemik. Pelajar didapati mengalami masalah daripada aspek sosioekonomi keluarga, mudah terpengaruh dengan media massa dan turut mengalami masalah capaian internet yang lemah. Hal ini menunjukkan bahawa tahap kesediaan pelajar berada pada tahap memuaskan sahaja. Umumnya, kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kualiti amalan pengajaran seseorang guru berdasarkan gaya pembelajaran pelajar dan para pelajar pula akan dapat menyesuaikan diri dengan norma baharu pengajaran dan pembelajaran yang berlaku pada masa kini.

Kata kunci: *Gaya Pembelajaran, Bahasa Melayu, Pandemik, Gangguan Persekitaran, Dalam Talian*

ABSTRACT

This study aims to identify the learning styles practised by students and the problems faced by them while following the learning of the Malay language during the pandemic. This study uses quantitative methods and the data obtained were analysed descriptively using Statistical Package for Social Science (SPSS) software. The instrument used in this study was a questionnaire with a

¹ Nor Syafika Mohd Zamri, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan, Tanjong Malim, Perak, norsyafika981@gmail.com

² Abdullah Yusof, PhD, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan, Tanjong Malim, Perak, abdullah@fbk.upsi.edu.my

³ Anida binti Sarudin, PhD, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan, Tanjong Malim, Perak, anida@fbk.edu.my

⁴ Mohd Sufian bin Ismail, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Ipoh, Perak, sufian@ipgmipoh.edu.my

four-point Likert scale to measure five categories of learning styles based on the Dunn and Dunn (1978) Model. The results of this study found that the most dominant learning style practised by students is the psychological learning style while the lowest learning style practised is the emotional learning style. Environmental disturbances are also detailed to see the readiness of students when learning Malay during the pandemic. Students were found to have problems from the socio-economic aspect of the family, be easily influenced by the mass media and they also had problems with poor internet access. This indicates that the level of readiness of students is at a satisfactory level only. In general, this study is expected to improve the quality of a teachers' teaching practice based on students' learning styles and students will be able to adapt to the new norms of teaching and learning that occur today.

Keywords: *Learning Style, Malay, Pandemic, Environmental Disturbances, Online*

Pengenalan

Pandemik Coronavirus (COVID-19) yang sedang melanda dunia kini telah mengubah situasi semasa, terutamanya dalam sektor pendidikan, iaitu daripada peringkat rendah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi. Pihak kerajaan telah mengarahkan penutupan sekolah dan pusat pengajian tinggi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan demi mengelakkan penularan wabak COVID-19. Pembelajaran secara fizikal terpaksa bertukar kepada pembelajaran secara dalam talian di mana pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) telah menggantikan pembelajaran secara bersemuka.

Pelaksanaan PdPr secara dalam talian merupakan suatu pengalaman baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) kepada guru dan juga pelajar. Terdapat perkembangan positif yang dapat dilihat daripada situasi ini kerana ramai guru mampu menyediakan bahan pembelajaran digital mereka sendiri untuk digunakan oleh pelajar. Tambahan lagi, kebanyakan pelajar juga sudah terdedah dengan pelbagai aplikasi dalam talian yang lebih interaktif. Tidak sukar bagi mereka untuk menggunakan pelatir pembelajaran dalam talian, namun ia memberi satu cabaran kepada guru-guru khususnya kepada guru lama yang kurang mahir dalam menggunakan aplikasi secara dalam talian. Walau bagaimanapun, terdapat juga pelajar yang kurang bernasib baik kerana mereka sukar untuk mengikuti kelas dalam talian semasa pandemik terutamanya pelajar-pelajar daripada golongan keluarga yang berpendapatan rendah (B40).

Dalam menghadapi situasi pandemik ini, semua pelajar telah mengamalkan gaya pembelajaran yang berbeza antara satu sama lain. Dengan adanya amalan gaya pembelajaran yang bersesuaian, maka para pelajar dapat mengenal pasti situasi pembelajaran yang sedang berlaku ketika itu dan seterusnya mendorong mereka untuk mempertingkatkan prestasi dalam pembelajaran. Oleh yang demikian, pelajar yang tahu menggunakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan diri mereka akan dapat menjalani proses pembelajaran dengan baik serta dapat meningkatkan prestasi mereka dalam pembelajaran.

Dua unsur yang diberi keutamaan dalam kajian ini adalah meliputi tentang aspek gaya pembelajaran dan juga aspek gangguan persekitaran yang dihadapi oleh pelajar semasa pandemik. Aspek gaya pembelajaran dalam kajian ini ditunjukkan melalui pengaplikasian serta penggunaan

gaya pembelajaran yang dapat dilihat dalam konteks pembelajaran seseorang pelajar. Sebagai contohnya, rangsangan persekitaran, emosional, sosiologi, fizikal dan psikologi. Kemudian, aspek gangguan ini pula akan dilihat daripada beberapa perspektif misalnya seperti kemudahan gajet, capaian internet, sosioekonomi, pengaruh rakan sebaya dan sebagainya.

Pernyataan Masalah

Bahasa merupakan salah satu alat perhubungan yang penting khususnya ketika menyampaikan sesuatu ilmu pengetahuan dan bahasa ini perlu dipelajari mengikut konteks yang betul. Proses pembelajaran bagi sesuatu bahasa akan berkesan sekiranya pengamal bahasa itu mempunyai sikap dan persepsi yang positif terhadap bahasa tersebut (Nor Hashimah et al., 2010).

Nor Hashimah et al. (2010) dalam kajiannya turut memberi gambaran kepada khalayak pembaca di mana bahasa Melayu sudah pun diberi penekanan dalam sistem pendidikan, tetapi masih ramai lagi pelajar yang gagal mendalami bahasa ini dengan baik. Tambahan lagi, mereka turut berpandangan bahawa pelajar semakin hilang minat untuk menguasai dan mempelajari bahasa Melayu ekoran daripada aktiviti pengajaran yang tidak kreatif. Selain itu, Rahman (2005) juga ada menyatakan bahawa terdapat segelintir pelajar yang menganggap bahasa Melayu sebagai salah satu mata pelajaran yang membosankan dan mereka tidak berminat untuk mendalami bahasa tersebut. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa masalah yang melibatkan pembelajaran bahasa Melayu sudah lama bertapak di negara kita, yakni Malaysia. Secara dasarnya, keadaan ini terjadi akibat daripada sikap yang ditunjukkan oleh pelajar itu sendiri yang tidak mementingkan pembelajaran mereka dan menganggap pembelajaran bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang remeh.

Apabila proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu tidak lagi dititikberatkan oleh pelajar, maka keistimewaan mata pelajaran ini sebagai bahasa perpaduan dan bahasa ilmu akan hilang ditelan dek zaman. Oleh itu, kajian tentang gaya pembelajaran amat wajar untuk dilaksanakan supaya pihak yang berkenaan dapat mengambil tindakan segera khususnya menyemak kurikulum dan memperbaiki PdP bahasa Melayu di peringkat sekolah (Nor Hashimah et al., 2010).

Tujuan dan Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar menengah rendah semasa pandemik.

Kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengetahui gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu semasa pandemik.
- ii. Menganalisis jenis gangguan persekitaran yang dialami oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu semasa pandemik.

Persoalan Kajian


Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menjelaskan dua persoalan utama yang berikut:

- i. Apakah aspek gaya pembelajaran yang diamalkan oleh para pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu semasa pandemik?
- ii. Apakah jenis gangguan persekitaran yang dialami oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu semasa pandemik?

Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori ini menjelaskan secara grafik tentang perjalanan proses kajian yang dijalankan. Kerangka ini juga merupakan kunci kepada hubungan kait antara faktor yang mempengaruhi kajian dan bentuk kajian yang dijalankan. Rajah 1 menunjukkan kerangka teori kajian bagi mendapatkan data untuk dianalisis. Dalam rajah tersebut, terdapat lima jenis gaya pembelajaran yang akan dikaji iaitu rangsangan persekitaran, emosional, sosiologi, fizikal serta rangsangan psikologi. Kemudian, terdapat juga elemen-elemen gangguan persekitaran yang akan dikaji dalam kajian ini.

Rajah 1 : Kerangka Teori Kajian



Konsep Gaya Pembelajaran

Secara umumnya, gaya pembelajaran merupakan salah satu cara atau stail dalam mempelajari sesuatu mengikut kecenderungan setiap individu. Dalam konteks psikologi pendidikan, gaya

pembelajaran adalah bagaimana seseorang pelajar itu memberi tumpuan dan bertindak untuk memproses maklumat, ilmu atau pengalaman yang baru. Sementara itu, gaya pembelajaran juga adalah melibatkan suatu perancangan dalam sistem belajar iaitu cara membuat nota, cara menyusun bahan pembelajaran, cara menyiapkan tugas secara sistematik, cara mengulang kaji dan lain-lain lagi (Farah Wazera et al., 2021). Dalam kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan Model Pembelajaran Dunn dan Dunn untuk mengukur gaya pembelajaran para responden.

Model Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978)

Model Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978) menjelaskan bahawa gaya pembelajaran merupakan salah satu cara seseorang menumpu, memproses, menyerap dan mengingat maklumat atau kemahiran yang baru dan sukar. Selain itu, model ini juga berprinsipkan kepada empat perkara utama iaitu menekankan kebanyakan individu mampu dan boleh belajar. Di samping itu, setiap individu juga mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Kemudian, gaya pembelajaran individu turut bergantung kepada sumber, iklim serta pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Akhir sekali, semua faktor-faktor tersebut dapat disesuaikan mengikut gaya pembelajaran seseorang pelajar dan seterusnya dapat mengoptimalkan proses pembelajaran mereka. Dunn dan Dunn (1978) telah mengklasifikasikan gaya pembelajarannya kepada lima kategori iaitu gaya pembelajaran bagi rangsangan persekitaran, rangsangan emosional, rangsangan sosiologi, rangsangan fizikal dan gaya bagi rangsangan psikologi. Oleh itu, kelima-lima gaya pembelajaran ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci seperti yang ditunjukkan di bawah.

Gaya Pembelajaran bagi Rangsangan Persekitaran

Unsur-unsur dalam rangsangan persekitaran ialah bunyi, cahaya, suhu dan reka bentuk.

(a) Bunyi

Setiap individu mempunyai gaya pembelajarannya yang tersendiri. Bagi elemen ini, terdapat sesetengah individu yang selesa apabila mendengar bunyi ketika belajar atau mengulang kaji pelajaran. Sebagai contoh, mereka akan membuka radio atau muzik ketika belajar supaya dapat memberi tumpuan terhadap sesuatu pelajaran itu. Namun, bagi pelajar yang gemar mengulang kaji dalam suasana yang tenang atau senyap pula, mereka lebih cenderung untuk belajar secara sendiri berbanding ditemani oleh individu lain atau berkumpul. Mereka tidak suka belajar dengan keadaan yang bising kerana persekitaran itu boleh menyebabkan mereka hilang fokus ketika belajar.

(b) Cahaya

Faktor cahaya boleh memberikan kesan yang pelbagai terhadap seseorang pelajar. Hal ini demikian kerana, penerimaan seseorang terhadap cahaya adalah berbeza mengikut keperluan masing-masing. Terdapat segelintir pelajar gemar pada cahaya yang terang semasa belajar dan ada juga sebaliknya, yang sensitif terhadap cahaya. Pelajar yang suka dengan cahaya yang terang akan mudah menerima pelajaran kerana bagi mereka cahaya samar boleh menyebabkan mata cepat mengantuk. Walaupun begitu, ada juga sesetengah

pelajar yang kurang gemar pada cahaya yang terlalu terang kerana beranggapan bahawa cahaya tersebut boleh mengganggu fokus seseorang ketika belajar.

(c) Suhu

Dalam konteks ini, setiap individu mempunyai tindak balas yang berbeza terhadap suhu persekitaran. Bagi kebanyakan pelajar, proses pembelajaran akan menjadi lebih berkesan sekiranya dilaksanakan dalam keadaan suhu normal dan nyaman. Hal ini demikian kerana, belajar dalam keadaan suhu yang panas boleh menghilangkan fokus semasa belajar. Selain itu, suhu panas juga boleh menjadikan seseorang itu cepat mengantuk di samping dapat mengganggu fikiran dan emosi seseorang. Walaupun begitu, terdapat juga segelintir pelajar yang gemar dengan suhu yang panas ketika belajar kerana bagi mereka suasana yang sejuk boleh mengganggu tumpuan ketika menelaah pelajaran. Oleh itu, penerimaan seseorang terhadap suhu adalah berbeza mengikut keperluan masing-masing.

(d) Reka Bentuk

Elemen reka bentuk turut mempengaruhi gaya pembelajaran seseorang individu. Pelajar yang mempunyai personaliti introvert adalah golongan yang gemar akan keadaan formal dan berstruktur. Mereka lebih memilih untuk belajar dalam keadaan formal yang menggunakan meja dan kerusi untuk aktiviti pembelajaran. Hal ini berbeza dengan pelajar yang mempunyai personaliti ekstrovert, iaitu mereka lebih cenderung untuk belajar di tempat yang tidak formal misalnya seperti di sebuah kerusi berkusyen, katil atau lantai.

Gaya Pembelajaran bagi Rangsangan Emosional

Kategori bagi rangsangan emosional ini adalah berkait rapat dengan motivasi, kecekalan, tanggungjawab dan struktur.

(a) Motivasi

Motivasi merupakan daya penggerak utama yang dapat menjamin kejayaan seseorang khususnya bagi seseorang pelajar. Motivasi ini dikategorikan kepada dua jenis, iaitu motivasi ekstrinsik dan motivasi intrinsik. Motivasi ekstrinsik adalah motivasi yang dipaksa atau didesak untuk mendapatkan ganjaran apabila melakukan sesuatu manakala motivasi intrinsik pula adalah motivasi yang lebih kepada dorongan dalaman seseorang individu misalnya seperti keperluan, sikap dan emosi semula jadi yang menyebabkan mereka turut serta dalam proses pembelajaran. Dalam konteks pembelajaran, motivasi ekstrinsik telah didorong oleh insentif ganjaran yang diberikan dalam bentuk gred, markah, hadiah dan kedudukan di dalam kelas. Oleh yang demikian, motivasi ini dapat memberi semangat kepada para pelajar dalam meneruskan pembelajaran mereka.

(b) Kecekalan

Kecekalan yang tinggi dalam kalangan pelajar boleh membantu mereka untuk menumpukan perhatian terhadap sesuatu pelajaran dalam jangka masa yang panjang.

Setiap individu mempunyai tahap kecekalan yang berbeza antara satu sama lain. Terdapat segelintir pelajar yang dapat fokus dalam jangka masa pendek sahaja sekiranya mereka hilang minat serta bosan terhadap sesuatu mata pelajaran. Kemudian, terdapat juga pelajar yang gemar menanggung suatu tugas yang diberi oleh guru jika kerja tersebut sukar dan memerlukan masa yang lama untuk diselesaikan.

(c) Tanggungjawab

Tanggungjawab adalah penting khususnya bagi seseorang yang bergelar pelajar. Bagi pelajar yang ingin mencapai kejayaan, mereka perlu tekun dan bertanggungjawab dalam menuntut ilmu. Oleh itu, pelajar yang mempunyai sikap bertanggungjawab terhadap pelajarannya akan mempunyai inisiatif sendiri dalam melaksanakan sebarang tugas yang diberikan. Namun, terdapat juga sebilangan pelajar yang tidak bertanggungjawab dalam proses pembelajaran. Mereka bertindak untuk mengabaikan pelajaran serta tidak mahu menyiapkan tugas yang diberi.

(d) Struktur

Struktur adalah suatu peraturan spesifik yang digunakan untuk melaksanakan tugas atau kerja. Arahan guru yang jelas dan berstruktur amat penting kepada pelajar dalam proses pembelajaran namun ada sesetengah pelajar lebih memilih dan suka akan gaya pembelajaran bebas.

Gaya Pembelajaran bagi Rangsangan Sosiologi

Gaya pembelajaran bagi rangsangan ini terdiri daripada unsur-unsur seperti diri sendiri, berpasangan, berkumpul atau rakan sebaya dan orang dewasa. Berdasarkan rangsangan ini, Dunn dan Dunn (1978) menjelaskan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan secara terus daripada guru kepada pelajar.

(a) Diri Sendiri

Terdapat segelintir pelajar yang gemar belajar secara sendiri tanpa ditemani oleh orang lain kerana mereka beranggapan belajar secara beramai-ramai boleh mengganggu fokus tumpuan mereka untuk memahami sesuatu mata pelajaran. Kemudian, mereka juga suka belajar secara bersendirian kerana waktu belajar itu lebih terjamin daripada perkara-perkara yang melalaikan seperti berbual bersama rakan jika belajar secara berpasangan atau berkumpul.

(b) Berpasangan

Bagi elemen berpasangan, terdapat sebilangan pelajar lebih memilih dan suka belajar secara berpasangan kerana beranggapan masing-masing dapat berinteraksi secara dua hala apabila mengulang kaji pelajaran bersama. Pada kebiasaannya, pasangan belajar ini adalah tergolong daripada kategori rakan sekolah atau teman rapat yang boleh dijadikan sumber rujukan ketika mengulang kaji pelajaran.

(c) Berkumpulan atau Rakan Sebaya

Belajar secara berkumpulan merupakan salah satu gaya pembelajaran yang paling diminati ramai. Hal ini demikian kerana, gaya pembelajaran ini dapat merangsang pelajar untuk memberi pendapat dan berkongsi idea masing-masing tentang sesuatu perkara yang dibincangkan

(d) Orang Dewasa

Bagi elemen orang dewasa, gaya pembelajaran ini sering kali dipraktikkan di sekolah atau di rumah. Pelajar biasanya akan bertanya soalan kepada orang dewasa tentang sesuatu perkara yang tidak difahami oleh mereka. Dalam keadaan ini, pelajar menjadikan orang dewasa sebagai sandaran untuk mereka bertanya soalan apabila mengalami kekeliruan dalam pembelajaran.

Gaya Pembelajaran bagi Rangsangan Fizikal

Gaya pembelajaran bagi fizikal pula tergolong dalam unsur seperti persepsi pancaindera, makanan dan minuman, waktu belajar serta pergerakan.

(a) Persepsi Pancaindera

Unsur pertama ini adalah merujuk kepada penggunaan variasi pancaindera dalam proses mengingat maklumat iaitu visual, taktual, auditif dan kinestetik. Melalui pembelajaran secara visual, pelajar akan mudah mengingat apabila mereka belajar menggunakan buku-buku yang dipenuhi ilustrasi atau gambar manakala pembelajaran secara taktual pula merujuk kepada proses pembelajaran yang berlaku secara sentuhan. Selain itu, pembelajaran auditif pula melibatkan pembelajaran yang berlaku apabila murid mendengar dan mengingat manakala kaedah kinestetik melibatkan pembelajaran melalui hasil kerja atau pergerakan.

(b) Makanan dan Minuman

Terdapat sesetengah pelajar gemar makan dan minum semasa mengikuti pembelajaran kerana ianya dapat mengurangkan tekanan semasa belajar. Namun begitu, ada juga sebilangan pelajar yang kurang gemar makan semasa mengikuti pembelajaran kerana bagi mereka makan dan minum ketika itu boleh mengganggu daya tumpuannya ketika belajar.

(c) Waktu Belajar

Waktu belajar bagi setiap individu adalah berbeza mengikut kemampuan masing-masing. Terdapat segelintir pelajar yang boleh belajar pada waktu pagi sahaja dan ada juga pelajar yang dapat memberi perhatian pada waktu perdananya sendiri. Waktu perdana merupakan waktu khusus di mana pada waktu ini, seseorang itu dapat melaksanakan sesuatu tugas dengan amat baik sekali. Oleh itu, waktu perdana adalah sangat penting kerana ketika itulah

pelajar akan dapat belajar secara berkesan (Dunn dan Dunn, 1978). Oleh itu, setiap pelajar seharusnya dapat mengenal pasti waktu perdana masing-masing.

(d) Pergerakan

Ketika mengikuti pembelajaran, terdapat segelintir pelajar yang gemar bergerak atau beralih tempat duduk sekiranya mereka belajar untuk jangka masa yang lama. Dalam keadaan ini, mereka perlu melakukan sedikit pergerakan. Misalnya, bergerak untuk mendapatkan makanan dan minuman atau berpindah tempat lain bagi meneruskan pembelajaran. Bagi setiap proses pembelajaran, waktu rehat merupakan merupakan suatu kemestian bagi semua pelajar.

Gaya Pembelajaran bagi Rangsangan Psikologi

Gaya pembelajaran bagi rangsangan psikologi yang difokuskan dalam model Dunn dan Dunn (1982) ini adalah merujuk kepada reflektif atau impulsif, analitik atau global dan dominan otak kiri atau dominan otak kanan.

(a) Reflektif atau Impulsif

Individu yang bersifat reflektif ini ialah mereka yang sangat prihatin dan berfikiran jauh. Mereka akan berfikir sedalam-dalamnya sebelum melibatkan diri dalam proses pembelajaran kerana mereka selalu berhati-hati semasa membuat sesuatu. Seterusnya, pelajar yang gemar mengamalkan gaya impulsif pula ialah mereka yang suka belajar tetapi tidak suka membuat sebarang persediaan awal. Mereka juga cenderung untuk mengambil sesuatu keputusan dengan tergesa-gesa dan tidak mahu berfikir panjang.

(b) Analitik atau Global

Pelajar yang bersifat analitik gemar melakukan sesuatu tugas secara terperinci dan golongan ini hanya melakukan satu perkara sahaja dalam satu masa. Keadaan ini berbeza dengan pelajar global kerana pelajar global lebih cenderung untuk melihat sesuatu gambaran dengan lebih luas dan terbuka. Pelajar ini juga akan lebih cenderung untuk bekerjasama dalam bentuk kumpulan berbanding secara individu.

(c) Dominan Otak Kiri atau Dominan Otak Kanan

Otak manusia terdiri daripada dua pecahan yakni otak kiri dan otak kanan. Dua bahagian ini membawa fungsi yang berbeza dan semestinya akan mempengaruhi gaya pembelajaran bagi setiap individu. Dalam otak kiri, setiap tindakan akan berfokuskan kepada bahasa, analisis, linear atau logik manakala dalam otak kanan manusia pula akan mengawal tindakan daripada aspek lukisan, bentuk, ruang, rentak atau irama. Jelasnya, kedua-dua bahagian otak ini mempunyai keistimewaan yang dapat mendatangkan faedah terhadap pembelajaran seseorang.

Kepentingan Kajian

Semenjak negara kita yakni Malaysia mendapat status kemerdekaan lebih 50 tahun yang lalu, salah satu usaha dalam membangunkan ekonomi dan sosial negara adalah melalui bidang pendidikan. Dalam bidang pendidikan, mata pelajaran bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras yang perlu dipelajari sama ada di Sekolah Kebangsaan mahupun di Sekolah Jenis Kebangsaan. Sesuai dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mewajibkan pelajar untuk lulus dalam mata pelajaran bahasa Melayu telah dilihat sebagai salah satu langkah penting dalam memartabatkan bahasa Melayu di negara kita. Menurut Asmah Haji Omar (2008), bahasa Melayu merupakan bahasa pendidikan. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini boleh mendatangkan banyak manfaat atau kepentingannya yang tersendiri sama ada kepada pelajar, guru, ibu bapa mahupun kepada pengkaji-pengkaji bahasa.

Antara kepentingan kajian yang dijalankan ini termasuklah dapat membantu pelajar untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang digunakan semasa mengikuti pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, cara belajar bagi setiap murid adalah berbeza antara satu sama lain. Oleh sebab itu, kajian ini boleh menjadi panduan kepada mereka untuk belajar mata pelajaran bahasa Melayu khususnya semasa pandemik melanda negara ini. Di samping itu, gaya pembelajaran yang terancang dan berkesan juga dapat membantu pelajar berjaya dalam pelajaran mereka. Oleh itu, kajian ini sangat penting untuk dikaji demi kejayaan pelajar-pelajar dalam pembelajaran mereka.

Selain itu, kajian ini juga dapat memberi panduan kepada guru untuk merancang strategi pengajaran yang lebih berkesan dan sesuai dengan cara belajar murid-murid. Dengan adanya data-data daripada pelajar dalam kajian ini, guru dapat mengemukakan langkah penyelesaian untuk membantu mengatasi masalah mereka. Tambahan lagi, guru-guru juga boleh bertindak sebagai pembimbing kepada pelajar dalam memilih gaya pembelajaran yang sesuai dengan keperluan seorang pelajar. Hal ini demikian kerana, guru adalah individu yang terdekat dengan pelajar dan menjadi pemangkin mereka untuk berjaya dalam pelajaran.

Seterusnya, kepentingan kajian yang dapat dilihat adalah menyediakan pengetahuan yang mendalam kepada ibu bapa atau penjaga supaya mereka dapat membantu pembelajaran anak-anak di rumah khususnya semasa pandemik melanda di negara kita. Umum mengetahui bahawa negara kita sekarang sedang mengalami penularan wabak Coronavirus (COVID-19) yang sudah merebak ke seluruh dunia. Oleh itu, sebagai langkah berjaga-jaga, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif bagi mengehadkan penularan wabak tersebut dengan menjalankan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian. Oleh yang demikian, kajian ini mampu memberi sedikit pengetahuan kepada ibu bapa dalam menguruskan anak-anak ketika mereka mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

Akhir sekali, kajian ini juga boleh menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain yang berminat untuk menjalankan kajian sama ada dalam bidang yang sama atau dalam bidang yang berbeza. Kajian tentang pembelajaran bahasa Melayu atau kajian bahasa Melayu itu sendiri amat sinonim di Malaysia. Hal ini demikian kerana, bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar, bahasa rasmi, bahasa perpaduan, bahasa komunikasi atau bahasa ilmu di Malaysia. Oleh sebab itu,

kajian ini sedikit sebanyak boleh menjadi panduan kepada pengkaji lain yang ingin memulakan kajian mereka mengenai bahasa Melayu.

Batasan Kajian

Terdapat beberapa perkara yang dibataskan dalam kajian ini dengan tujuan untuk mendapatkan data yang kukuh dan lengkap di samping melancarkan proses analisis yang dijalankan. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Belara. Kajian ini hanya terbatas kepada 40 orang pelajar sahaja daripada tingkatan tiga sekolah tersebut. Seterusnya, kajian ini dijalankan mengikut keadaan semasa dan tidak mengambil kira sebarang perubahan polisi setelah kajian dijalankan. Kemudian, kajian ini hanya menggunakan kaedah kuantitatif iaitu menggunakan reka bentuk tinjauan bagi menganalisis data-data yang diperoleh.

Definisi Operasional

Definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

Pembelajaran

Pembelajaran ialah proses interaksi antara pendidik dan juga pelajar. Tambahan lagi, pembelajaran juga dianggap sebagai perolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Menurut Robert M Gagne (1985), pembelajaran adalah perubahan atau kemampuan seseorang yang dapat dikekalkan tetapi bukan disebabkan oleh pertumbuhan. Perubahan yang dipanggil pembelajaran diperlihatkan melalui perubahan tingkah laku dengan membandingkan tingkah laku seseorang individu sebelum didedahkan kepada situasi pembelajaran dengan tingkah lakunya selepas didedahkan kepada situasi pembelajaran. Selain itu, Anita E. Woolfolk (2004) pula berpendapat, pembelajaran merupakan suatu proses di mana pengalaman yang dialami oleh seseorang boleh membawa perubahan dalam pengetahuan serta boleh menyebabkan perubahan terhadap tingkah laku yang kekal.

Bahasa Melayu

Menurut Harun (1996) dalam kajian Indhumathy Munusamy (2013), bahasa Melayu merupakan bahasa Austronesia dan mempunyai kaitan yang rapat dengan bahasa-bahasa etnik lain yang dituturkan di Nusantara. Terdapat ahli bahasa yang berpendapat bahawa bahasa Melayu tergolong dalam rumpun bahasa Melayu-Polinesia. Di samping itu, bahasa Melayu juga turut menjadi bahasa *lingua-franca* pada kemuncak Kesultanan Melayu Melaka. Antara fungsi bahasa Melayu selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 ialah bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Pendidikan Menengah

Pendidikan ini terdiri daripada dua kategori iaitu menengah rendah dan menengah atas. Hal ini demikian kerana, pendidikan menengah ini terletak di antara sekolah rendah yang mewakili pendidikan rendah dan universiti mewakili pendidikan tinggi. Bagi pelajar-pelajar yang mengikuti

pendidikan menengah, jangka usia mereka adalah dalam lingkungan 13 tahun hingga 18 atau 19 tahun. Oleh kerana pendidikan menengah ini terarah kepada pendidikan tinggi, maka skop pembelajarannya adalah lebih berat berbanding skop pembelajaran di peringkat rendah. Secara umumnya, pendidikan menengah yang terdapat di Malaysia adalah dijalankan di sekolah akademik biasa, sekolah menengah teknik dan vokasional, sekolah berasrama penuh dan sekolah menengah kebangsaan agama.

Pandemik

Pandemik merupakan penularan sesebuah wabak penyakit yang menyerang dalam skala yang besar. Penularan ini tidak terhad kepada sesuatu daerah atau komuniti semata-mata malah dapat merebak tanpa batasan antara individu di seluruh dunia. Deklarasi pandemik yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) adalah merujuk kepada penularan luas wabak penyakit dan bukan betapa teruknya penyakit tersebut.

Menurut Nor Fauziana Mohd Salleh (2020) dalam jurnalnya yang bertajuk *Pandemik Coronavirus (COVID-19): Pembelajaran dan Pengajaran secara atas talian suatu keperluan di Malaysia* ada menyatakan bahawa WHO mengklasifikasikan situasi penularan COVID-19 ini sebagai pandemik kerana keadaan yang berlaku di negara ini menunjukkan situasi penyakit berjangkit yang merebak melalui populasi manusia. Tambahan lagi, penularan ini juga berlaku dengan begitu meluas sehingga merentasi sempadan wilayah, benua atau ke seluruh dunia.

Gaya Pembelajaran

Gaya pembelajaran merupakan suatu cara yang diguna pakai oleh seseorang pelajar untuk memahami sesuatu subjek dalam proses pembelajaran mereka. Oleh yang demikian, setiap orang mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri dan berbeza mengikut keperluan diri masing-masing. Menurut Dunn dan Dunn (1978) dalam Meor Ibrahim (2011), gaya pembelajaran merupakan kaedah seseorang menumpu, memproses, menyerap dan mengingat maklumat yang baru dan sukar. Menurut Shahabuddin dan Rohizani (2004) pula, gaya pembelajaran adalah merujuk kepada seseorang itu belajar atau menyimpan maklumat. Oleh itu, gaya pembelajaran merupakan salah satu elemen penting dalam proses pembelajaran supaya para pelajar dapat belajar dengan berkesan dan efektif.

Gangguan Persekitaran

Gangguan persekitaran merupakan salah satu punca yang menyebabkan pelajar kurang menguasai bahasa Melayu. Terdapat banyak faktor gangguan persekitaran yang berlaku, antaranya ialah pengaruh rakan sebaya, pengaruh daripada masyarakat itu sendiri, keadaan persekitaran di rumah, media massa dan lain-lain lagi. Menurut kajian daripada Indhumathy Munusamy (2013), pengaruh rakan sebaya yang sama kaum telah menyukarkan penggunaan bahasa Melayu semasa berada di sekolah. Selain itu, penggunaan bahasa Melayu yang tidak memberangsangkan serta keadaan persekitaran rumah yang tidak kondusif juga antara salah satu punca kelemahan dalam mempelajari bahasa Melayu. Di samping itu, pelajar juga mudah terdedah kepada media massa seperti televisyen atau filem yang sememangnya membawa pengaruh yang besar terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian mereka.

Sorotan Literatur

Pembelajaran bahasa Melayu kini semakin kurang dititikberatkan khususnya dalam kalangan pelajar menengah. Tambahan lagi, dengan situasi pandemik yang melanda di negara kita kini, pelajar-pelajar semakin kurang berminat untuk meneruskan pembelajaran secara dalam talian. Oleh sebab itu, kajian tentang gaya pembelajaran dan pembelajaran secara dalam talian telah mendapat perhatian daripada pengkaji-pengkaji lain sama ada pengkaji tempatan mahupun pengkaji daripada barat.

Roshidah Hassan (2017) menjalankan kajian untuk melihat gaya dan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Perancis. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar Perancis lebih memilih untuk menggunakan gaya pembelajaran bersifat reflektif, visual, global dan *field-dependent*. Di samping itu, mereka turut gemar menggunakan strategi afektif, ingatan, sosial dan metakognitif khususnya dalam proses pembelajaran bahasa mereka. Selain itu, hasil daripada kajian itu juga memperlihatkan bahawa pelajar tersebut turut mengaplikasikan strategi pembelajaran berbentuk visual untuk mendalami bahasa Melayu terutamanya berkenaan penguasaan kosa kata. Terdapat sebilangan pelajar bertindak untuk menghafal kosa kata yang dibaca sambil menulis kembali kosa kata itu di dalam buku nota. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa pelajar-pelajar tersebut mempunyai gaya dan strategi pembelajarannya yang tersendiri apabila belajar bahasa Melayu.

Meor Ibrahim dan Assaadah Mohamad (2011) pula telah menjalankan satu kajian mengenai gaya pembelajaran terhadap 66 orang pelajar di Universiti Teknologi Maklumat. Dalam kajian ini, gaya pembelajaran yang difokuskan adalah terdiri daripada empat kategori iaitu, Tersusun dan Global, Visual dan Verbal, Konkrit dan Intuitif serta Aktif dan Reflektif. Data yang diperoleh mendapati pola gaya pembelajaran yang kerap diamalkan oleh pelajar-pelajar Tahun 2, 3 dan 4 tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Hal ini demikian kerana, pelajar-pelajar Tahun 2 lebih gemar mengamalkan gaya pembelajaran Tersusun, Visual, Intuitif dan Aktif manakala bagi pelajar-pelajar Tahun 3 dan 4 pula, mereka cenderung kepada gaya pembelajaran Tersusun, Visual, Konkrit dan Aktif. Oleh itu, perbezaan hanya dilihat pada gaya Konkrit dan Intuitif sahaja.

Seterusnya, kajian daripada Brillianur Dwi, Aisyah Amelia, Uswatun Hasanah, Abdy Mahesha Putra dan Hidayatur Rahman (2020) pula ada mengatakan bahawa pembelajaran yang dilakukan secara maya terhadap para pelajar adalah kurang berkesan ekoran daripada faktor sosioekonomi pelajar. Hal ini demikian kerana, pelajar sasaran didapati menghadapi masalah khususnya dari segi persiapan sarana dan prasarana untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Hal ini bertepatan dengan data kajian yang dikemukakan oleh Rohaida Mazlan, Norziah Amin, Mohd Zaki Abd. Rahman dan Zamri Mahamod (2020) yang membuktikan bahawa kebanyakan pelajar mengalami masalah untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian khususnya bagi pelajar yang tergolong dalam kumpulan B40. Keadaan ini mungkin didorong oleh kemungkinan di mana murid tersebut tidak mempunyai sebarang alat komunikasi yang boleh digunakan bagi mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Oleh itu, kajian yang bakal dijalankan

ini mampu memberi pengetahuan kepada orang ramai tentang keseriusan masalah persekitaran yang dihadapi oleh pelajar ketika mengikuti pembelajaran semasa pandemik.

Justeru, kajian secara rinci yang mengkaji tentang gaya pembelajaran dan jenis gangguan persekitaran yang dialami oleh pelajar semasa pandemik, amat wajar untuk dilaksanakan dan merupakan suatu keperluan dalam bidang pendidikan khususnya dalam pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini turut bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya mereka dapat membuat penambahbaikan terhadap amalan pembelajaran bahasa Melayu semasa pandemik melanda negara kita.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai alat untuk mendapatkan maklumat mengenai gaya pembelajaran pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu semasa pandemik. Dengan menggunakan borang soal selidik ini juga, pengkaji turut menganalisis jenis gangguan persekitaran yang dialami oleh pelajar semasa pandemik berlaku. Oleh itu, reka bentuk kajian ini mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang merujuk kepada ketekalan maklumat yang diperoleh daripada responden.

Sampel Kajian

Dalam kajian ini, seramai 40 orang pelajar tingkatan tiga daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Belara, Kuala Terengganu telah dipilih sebagai responden untuk kajian ini. Responden tersebut dipilih secara rawak daripada semua kelas tingkatan tiga. Persampelan kajian ini merupakan persampelan jenis rawak mudah. Responden yang dipilih oleh pengkaji adalah berdasarkan ciri-ciri yang terdapat dalam populasi kajian. Sebahagian besar pelajar yang dipilih sebagai responden kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar kategori luar bandar.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik dengan skala likert empat mata bagi mengukur lima kategori gaya pembelajaran berdasarkan Model Dunn dan Dunn (1978). Ahmad Mahdzan (2007) menyatakan bahawa soal selidik merupakan satu instrumen yang berbentuk borang yang direka khusus untuk mengisi maklumat yang diberikan oleh setiap responden. Borang soal selidik ini digunakan bertujuan untuk mendapatkan data secara kuantitatif. Pengkaji mengedarkan borang soal selidik ini secara dalam talian melalui pautan yang disediakan dalam bentuk *Google Form* ekoran daripada pandemik COVID-19 yang melanda negara.

Prosedur Pengumpulan Data

Berdasarkan kajian "*Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Semasa Pandemik*" ini, pengkaji telah mengumpul data melalui kaedah kepustakaan untuk mendapatkan rujukan dan panduan bagi menghasilkan kajian yang berkualiti. Melalui kaedah kepustakaan ini, pengkaji

menggunakan sumber-sumber seperti jurnal, tesis dan buku-buku akademik sebagai bahan rujukan untuk mendapatkan maklumat bagi menyempurnakan kajian.

Selain itu, pengkaji turut mengedarkan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat yang ingin dicapai. Borang soal selidik ini diedarkan kepada semua responden yang terlibat dalam kajian ini iaitu pelajar-pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Belara. Semua responden akan diterangkan secara ringkas melalui aplikasi Whatsapp sebelum mereka dibenarkan menjawab soal selidik tersebut. Tujuan penerangan tersebut dibuat adalah untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam lagi kepada para responden ketika menjawab semua item itu. Kaedah ini memudahkan proses pengumpulan data kerana setiap responden akan diberikan set soalan dan jawapan berdasarkan item yang ditetapkan. Proses pengumpulan data ini dimulakan oleh pengkaji dengan mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu semasa pandemik. Kemudian, pengkaji juga mendapatkan maklum balas mengenai jenis gangguan persekitaran yang dialami oleh pelajar ketika mengikuti pembelajaran bahasa Melayu semasa pandemik. Akhir sekali, pengkaji akan merumuskan keseluruhan data yang diperolehi dengan sistematik.

Prosedur Penganalisan Data

Prosedur penganalisan data akan dijalankan setelah hasil daripada soal selidik diperolehi. Analisis data ini dibuat menggunakan kaedah kuantitatif. Menurut Chua Yan Piaw (2012), penyelidikan kuantitatif boleh dijalankan melalui kajian deskriptif atau kajian inferensi. Analisis statistik deskriptif merupakan statistik yang digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi dengan cara mendeskripsikan atau menggambarkan data yang telah terkumpul. Dalam penyelidikan deskriptif, data dikumpul daripada seluruh populasi dan statistik asas seperti kekerapan, peratusan, taburan skor, min dan sisihan piawai. Dalam kajian inferensi, satu sampel subjek dipilih secara rawak daripada populasi kajian dan data numerika dikumpul berdasarkan daripada sampel tersebut untuk diuji dengan menggunakan ujian statistik. Dalam kajian ini, semua maklumat yang diperolehi akan diproses dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)*.

Bahagian A soal selidik yang digunakan untuk mengumpul maklumat responden iaitu jantina, bangsa, pekerjaan penjaga dan pendapatan keluarga dianalisis menggunakan kekerapan dan peratusan. Kemudian, data tersebut dipersembahkan ke dalam bentuk jadual dan juga carta pai. Untuk Bahagian B, sebanyak 33 item dibina bagi mengetahui gaya pembelajaran menggunakan Skala Ordinal Empat Mata seperti yang ditunjukkan di bawah.

Jadual 1: Skala Ordinal Empat Mata

Skala Ordinal	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Skor	1	2	3	4

Analisis data kemudiannya dibuat menggunakan skor min. Untuk mengukur tahap, respon daripada responden akan dibuat pengkelasan kepada tiga markah skor min dan tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 2: Pengkelasan Tahap Markah Skor Min

Markah Skor	Tahap
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana
3.01 – 4.00	Tinggi

Bahagian C soal selidik iaitu sebanyak sembilan item akan dianalisis menggunakan kekerapan dan peratusan. Kemudian, data tersebut dipersembahkan ke dalam bentuk jadual dan carta pai.

Dapatan dan Perbincangan

Maklumat Responden

Responden bagi kajian ini terdiri daripada 40 orang pelajar Tingkatan Tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Belara, Kuala Terengganu. Seramai 23 orang pelajar perempuan dan 17 orang pelajar lelaki yang berbangsa Melayu telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Tinjauan dari aspek bidang pekerjaan penjaga menunjukkan bahawa lebih separuh daripada penjaga responden iaitu diwakili oleh 22 orang telah bekerja secara sendiri dan hampir 26 orang penjaga responden memperoleh jumlah pendapatan sebulan bawah daripada RM2000.

Objektif 1: Gaya Pembelajaran yang Diamalkan Oleh Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Semasa Pandemik

Jadual 3: Gaya Pembelajaran Pelajar Semasa Pandemik Berdasarkan Model Dunn dan Dunn

Jenis Gaya Pembelajaran	Min	Sisihan Piawai (SP)	Intepretasi Skor Min
Gaya Pembelajaran Rangsangan Persekitaran	2.78	0.70	Sederhana
Gaya Pembelajaran Rangsangan Emosional	2.75	0.71	Sederhana
Gaya Pembelajaran Rangsangan Sosiologi	2.89	0.77	Sederhana
Gaya Pembelajaran Rangsangan Fizikal	3.04	0.68	Tinggi
Gaya Pembelajaran Rangsangan Psikologi	3.10	0.83	Tinggi
Purata	2.91	0.74	

Berdasarkan jadual di atas, terdapat lima gaya pembelajaran yang dikaji berdasarkan Model Dunn dan Dunn pada tahun 1978. Lima gaya tersebut ialah gaya pembelajaran rangsangan persekitaran, gaya pembelajaran emosional, gaya pembelajaran sosiologi, gaya pembelajaran fizikal dan gaya pembelajaran psikologi. Hasil analisis yang diperoleh menunjukkan gaya pembelajaran yang paling tinggi ialah gaya pembelajaran rangsangan psikologi dengan skor min yang diperoleh ialah 3.10 manakala gaya pembelajaran yang paling rendah ialah gaya pembelajaran emosional dengan skor min iaitu 2.75. Purata skor min untuk kesemua gaya pembelajaran adalah berada pada tahap sederhana iaitu 2.91. Kesimpulannya, majoriti pelajar-pelajar Tingkatan Tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Belara telah mengamalkan gaya pembelajaran psikologi dalam pembelajaran bahasa Melayu semasa pandemik.

Rumusan daripada objektif 1 menunjukkan gaya pembelajaran psikologi merupakan gaya pembelajaran yang kerap diamalkan oleh pelajar-pelajar tingkatan tiga SMK Belara dengan purata

skor min yang diperoleh ialah 3.10 dan sisihan piawai 0.83. Berdasarkan gaya pembelajaran ini, pelajar lebih cenderung untuk bersifat reflektif, iaitu mereka mesti mengetahui terlebih dahulu keseluruhan tugas yang akan dilakukan. Hal ini demikian kerana batasan pandemik yang melanda negara ini telah menyukarkan pelajar untuk berkomunikasi secara bersemuka dengan guru-guru mereka. Keadaan ini sudah pasti akan menyukarkan proses kefahaman pelajar tentang sesuatu topik atau tugas yang ingin dilaksanakan. Oleh itu, amat penting bagi pelajar-pelajar ini untuk mengetahui terlebih dahulu tentang tugas yang diberi supaya tidak timbul kesalahfahaman dalam mentafsir tugas tersebut. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar ini merupakan seseorang yang teliti dan berhati-hati semasa membuat sesuatu tugas. Di samping itu, mereka juga cenderung untuk memilih soalan ujian berbentuk objektif kerana ujian yang disertai pilihan jawapan menunjukkan pelajar itu tidak suka untuk berfikir secara mendalam. Mereka hanya perlu menanda jawapan berdasarkan pilihan yang telah diberi.

Selain itu, gaya pembelajaran fizikal telah menduduki tempat kedua. Purata skor min yang diperoleh ialah 3.04 dan sisihan piawai 0.68. Bagi kategori ini, pelajar dapat mengingat bahasa Melayu dengan menulis nota. Hal ini demikian kerana, kaedah menulis nota dapat memudahkan seseorang untuk membuat rujukan pada masa akan datang dan nota ini juga boleh disimpan untuk suatu jangka masa yang lama. Pelajar juga lebih gemar untuk belajar pada waktu malam kerana suasana yang sunyi dan tenang memudahkan mereka untuk lebih faham tentang topik yang diulang-kaji. Namun begitu, pelajar juga merasakan waktu pagi merupakan waktu efektif dan sesuai untuk memulakan sesuatu pembelajaran kerana persekitarannya yang sesuai.

Sementara itu, gaya pembelajaran yang menduduki tempat ketiga ialah gaya pembelajaran sosiologi dengan purata skor min ialah 2.89 dan sisihan piawai menunjukkan angka 0.77. Dalam gaya pembelajaran ini, kebanyakan pelajar lebih gemar untuk belajar secara berpasangan atau secara berkumpulan. Hal ini demikian kerana, waktu pandemik ini telah membataskan mereka untuk berjumpa dengan guru-guru secara bersemuka dan agak sukar juga bagi mereka untuk berjumpa dengan lebih kerap secara dalam talian dengan guru-guru yang mengajar. Oleh itu, mereka mengambil inisiatif untuk belajar bersama rakan-rakan sama ada secara dalam talian mahupun berjumpa secara bersemuka dengan rakan-rakan yang tinggal berhampiran. Dengan membuat ulang kaji secara berpasangan atau berkumpulan, mereka dapat melakukan perbincangan dan berkongsi idea terutama dalam menyelesaikan sesuatu tugas yang diberi.


Di samping itu, gaya pembelajaran persekitaran telah menduduki tempat keempat. Purata skor min ialah 2.78 dan sisihan piawai ialah 0.70. Dalam kategori ini, aspek bunyi, pencahayaan, suhu dan reka bentuk mempengaruhi gaya pembelajaran seseorang pelajar. Hal ini demikian kerana, terdapat segelintir pelajar yang boleh belajar dalam keadaan yang sunyi, cahaya yang terang, suasana yang sejuk serta memerlukan kerusi dan meja untuk belajar. Bagi pelajar-pelajar ini, mereka kurang sesuai untuk belajar secara berpasangan atau berkumpulan khususnya ketika mengulang kaji untuk menghadapi peperiksaan. Namun, jika melibatkan kerja-kerja tugas individu atau berkumpulan, mereka lebih memilih untuk belajar secara berkumpulan kerana mereka dapat berkongsi idea untuk menyiapkan tugas tersebut.

Akhir sekali, gaya pembelajaran yang paling kurang diamalkan pula ialah gaya pembelajaran emosional. Skor min yang diperoleh ialah paling rendah antara kelima-lima gaya pembelajaran yang dikaji. Skor min bagi gaya pembelajaran ini ialah 2.75 dengan sisihan piawai

0.71. Hasil dapatan menunjukkan walaupun pelajar-pelajar yang disasarkan ini ingin mendapatkan gred yang baik dalam mata pelajaran bahasa Melayu tetapi sikap mereka telah menunjukkan sebaliknya. Hal ini demikian kerana, terdapat segelintir pelajar yang selalu menangguhkan kerja yang diberikan oleh guru dan mereka juga tidak mahu menyelesaikan kerja yang diberi. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa walaupun seseorang itu mempunyai motivasi yang tinggi, tetapi jika tidak disertai dengan usaha maka sesuatu pembelajaran itu akan menjadi tidak berkesan.

Objektif 2: Jenis Gangguan Persekitaran yang Dialami Oleh Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Semasa Pandemik.

Rajah 2: Jenis Gangguan Persekitaran



Berdasarkan Rajah 2 di atas, terdapat enam jenis gangguan persekitaran yang difokuskan dalam kajian ini iaitu kemudahan gajet, masalah capaian internet, pengaruh rakan sebaya, motivasi daripada keluarga, pengaruh media massa dan faktor sosioekonomi keluarga.

Peratus tertinggi yang menunjukkan pelajar mengalami masalah gangguan persekitaran adalah daripada aspek sosioekonomi keluarga, iaitu sebanyak 65% yang mewakili 26 orang pelajar telah terjejas dari segi kewangan kerana perlu membeli data internet sepanjang mengikuti pembelajaran bahasa Melayu dalam talian semasa pandemik. Keadaan ini juga mungkin didorong oleh faktor pekerjaan dan jumlah pendapatan penjaga di mana hampir 60% penjaga telah bekerja secara sendiri dan jumlah pendapatan pula menunjukkan hampir 70% tergolong dalam angka kurang daripada RM2000. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan telah bertungkus lumus dalam berusaha menangani masalah ini. Oleh itu, inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan adalah dengan membekalkan internet percuma harian kepada para pelajar untuk membantu mereka menyertai pembelajaran secara dalam talian. Tambahan lagi, tablet dan telefon pintar juga turut disediakan secara percuma kepada golongan pelajar yang kurang berkemampuan.

Selain itu, pengaruh media massa turut menjadi salah satu penyebab yang mengganggu pembelajaran pelajar semasa pandemik. Berdasarkan data yang diperolehi, hampir 60% pelajar terganggu dengan media massa untuk memulakan pembelajaran bahasa Melayu semasa pandemik. Oleh kerana batasan pandemik yang melanda negara kita, semua orang tidak digalakkan untuk keluar jika tidak mempunyai urusan yang penting. Oleh itu, media massa lazimnya akan menjadi peneman pada waktu yang kritikal ini.

Sementara itu, pelajar juga didapati tinggal di kawasan yang mempunyai liputan internet dan mempunyai sambungan internet masing-masing sama ada wifi atau pakej data untuk mengikuti pembelajaran bahasa Melayu dalam talian. Namun begitu, lebih separuh daripada responden kajian telah mengalami masalah capaian internet yang lemah atau kurang memuaskan. Keadaan ini seharusnya dititikberatkan oleh pihak-pihak yang berkenaan kerana masalah ini sememangnya dapat mengganggu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara dalam talian.

Di samping itu, pelajar juga dilihat kurang terpengaruh dengan rakan sebaya yang meminta mereka untuk tidak mengikuti kelas bahasa Melayu secara dalam talian. Hal ini demikian kerana, data daripada soal selidik telah menunjukkan bahawa lebih separuh daripada responden kajian tidak mudah terpengaruh dengan pujuk rayu rakan-rakan mereka yang meminta mereka untuk tidak mengikuti kelas bahasa Melayu secara dalam talian. Salah satu faktor mereka kurang terpengaruh adalah disebabkan oleh situasi pandemik yang berlaku di negara ini. Mereka tidak dapat berjumpa dengan lebih kerap antara satu sama lain. Oleh itu, pengaruh rakan sebaya tidak membawa impak yang begitu besar terhadap pembelajaran seseorang pelajar.

Kemudian peratus terendah iaitu 22.5% terdapat pada item kemudahan gajet dan item motivasi keluarga. Hasil dapatan menunjukkan bahawa 9 orang pelajar tiada kemudahan gajet sendiri dan hanya bergantung kepada gajet ibu bapa bagi mengikuti pembelajaran bahasa Melayu dalam talian semasa pandemik. Walau bagaimanapun, keadaan ini turut menunjukkan bahawa hampir 80% responden kajian memiliki kemudahan gajet elektronik sendiri. Oleh itu, pelajar didapati mempunyai kelengkapan utama untuk menyertai pembelajaran bahasa Melayu secara dalam talian. Tambahan lagi, 9 orang pelajar juga tidak mendapat sokongan motivasi daripada keluarga untuk meneruskan pembelajaran bahasa Melayu semasa pandemik. Hal ini mungkin berlaku disebabkan oleh faktor ibu bapa yang terlalu sibuk dengan pekerjaan masing-masing sehingga terlupa tentang pembelajaran anak-anak mereka. Namun begitu, hampir 80% daripada responden kajian telah mendapat perhatian yang sewajarnya daripada ahli keluarga.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, setiap orang pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri mengikut kecenderungan belajar masing-masing. Dengan mengenal pasti gaya pembelajaran dominan yang diamalkan oleh para pelajar, guru boleh menyediakan kaedah pengajaran yang bersesuaian mengikut gaya pembelajaran yang diamalkan oleh mereka. Dengan menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai dengan diri para pelajar, maka prestasi akademik seseorang pelajar itu akan dapat ditingkatkan.

Di samping itu, elemen-elemen yang mengganggu pembelajaran pelajar juga perlulah diambil cakna supaya proses pengajaran dan pembelajaran semasa pandemik dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Kajian ini juga boleh memberi pengetahuan kepada ibu bapa tentang gaya pembelajaran yang diamalkan oleh anak-anak. Dengan mengenal pasti gaya pembelajaran yang sesuai dengan diri anak-anak mereka, ibu bapa boleh memainkan peranan dengan membantu mereka misalnya memberi motivasi atau kata-kata semangat, menjadi peneman ketika mereka membuat kerja dan sebagainya.

Tambahan lagi, melalui maklumat yang didapati daripada jenis gangguan persekitaran pula, ibu bapa boleh mengambil tindakan sewajarnya bagi membantu anak-anak mereka supaya dapat mengikuti pembelajaran bahasa Melayu secara dalam talian dengan lebih selesa. Bagi keluarga yang kurang berkemampuan, mereka boleh membuat permohonan untuk memohon telefon pintar percuma bagi memudahkan urusan pembelajaran yang berlaku secara dalam talian. Di samping itu, ibu bapa juga boleh memantau anak-anak daripada aspek penggunaan media massa supaya penggunaan itu tidak disalahgunakan untuk perkara-perkara yang tidak berfaedah.

Rujukan

- Ahmad Mahdzan, A. (2007). *Kaedah Pengkajian Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anita Woolfolk. (2004). *Educational Psychology*. 9th Edition. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Azizi Yahaya & Syazwani Abdul Razak. (2008). *Hubungan antara Gaya Pembelajaran dan Kaedah Pengajaran dengan Pencapaian Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik di Negeri Sembilan*. Tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Baharin Abu, Othman Md. Johan, Syed Mohd Syafeq & Haliza Jaafar. (2007). *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan, UTM Johor*. Jabatan Asas Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Brilliannur Dwi, Aisyah Amelia, Uswatun Hasanah, Abdy Mahesha Putra & Hidayatur Rahman. (2020). Analisis Keefektifan Pembelajaran Online di Masa Pandemi Covid-19. Mahaguru: *Jurnal Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 28-37.
- Chua Yan Piaw (2012). *Asas Statistik Penyelidikan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Crasswell, J. W., (2008). *Educational Research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (Edisi ke-3). Upper Saddle River: Pearson.
- Crosthwaite, P. R., Bailey, D. R., & Meeker, A. (2015). *Assessing in-class participation for EFL: Considerations of effectiveness and fairness for different learning styles*. *Language Testing in Asia*, 5(1), 1-19.
- D. Surani & H. Hamidah. (2020). *Students Perceptions in Online Class Learning During the Covid-19 Pandemic*. *IJoASER*, Vol 3, No 3, pp. 83-95.
- Dunn, R. dan Dunn, K. (1978). *Teaching Students Through Their Individual Learning Styles: A Practical Approach*. Reston, Virginia: Reston Publishing.
- Farah Wazera Mohamed Jaafer Sadiq & Mohammad Majaheed Hassan. (2021). Konsep Kendiri dan Gaya Pembelajaran terhadap Motivasi Akademik dalam kalangan Mahasiswa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 75-105, DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i2.683>
- Faysley Joca. (2016). Gaya Pembelajaran Dunn & Dunn. Diakses pada 15 Jun 2021 daripada <https://prezi.com/qjbuazqz03qf/gaya-pembelajaran-dun-amp-dunn/>
- Gagne, R. M. (1985). *The Conditions of Learning and Theory of Instruction*. 4th Edition. New York: Holt, Rinehart & Winston

- Hassan Ahmad. (2006). *Membetulkan Sikap dan Persepsi Manusia terhadap Bahasa Melayu. (Atas talian)*. Telah dimuat turun 8 Julai 2008, dari <http://www.kongresbahasa.org>
- Indhumathy Munusamy. (2013). *Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Peralihan di Tiga Buah Sekolah di Daerah Skudai*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Irma Mahad, Ugartini Magesvaran, Intan Nur Syuhada Hamzah. (2021). *Sikap dan Motivasi Murid Sekolah Rendah Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 11, Bil. 1, 16-28.
- Meor Ibrahim Kamaruddin & Assaadah Mohamad. (2011). *Kajian Gaya Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar UTM*. *Journal of Educational Psychology and Counselling*, 2, 51-77.
- Nor Fauziana Mohd Salleh. (2020). *Pandemik Coronavirus (COVID-19): Pembelajaran dan Pengajaran secara atas talian suatu keperluan di Malaysia*. Kolej Komuniti Bentong.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Zaharani Ahmad. (2010). *Sosiokognitif Pelajar Remaja Terhadap Bahasa Melayu*. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Volume 10(3). 67-87.
- Nurul Farhana Mazian. (2012). *Kecenderungan Gaya Pembelajaran Model Dunn dan Dunn dan Model Honey dan Mumford di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda FPTP di UTHM*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Rohaida Mazlan, Norziah Amin, Mohd Zaki Abd. Rahman & Zamri Mahamod. (2020). *Tahap penguasaan membaca dan menulis murid B40 dari perspektif guru bahasa Melayu*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 54-73.
- Roshidah Hassan. (2017). *Gaya Dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Perancis*. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 17(1), 125-146.
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub. (2004). *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti*. Shah Alam: PTS Publication Sdn Bhd.
- Siti Azura Abu Hassan, Suzana Zainol Abidin dan Zulkarnain Hassan. (2021). *Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (E- Pembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat*. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*. Issue 10: 1-14.
- Srijongjai, A. (2011). *Learning styles of language learners in an EFL writing class*. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 29, 1555-1560.

Makna Kontekstual dalam Terjemahan: Analisis Kata Nama Zat dalam Hadis dari Kitab al-Halal wa al-Haram fi al-Islam

Contextual Meaning in The Translation of The Noun: Analysis in The Hadis of The Book al-Halal wa al-Haram fi al-Islam

Husni bin Abdullah¹

ABSTRAK

Memahami konteks ayat memainkan peranan penting dalam terjemahan bagi mengenal pasti maksud sebenar teks. Kefahaman terhadap konteks ayat dari sudut kontekstual dalam terjemahan hadis perlu dikuasai dengan sempurna agar tidak berlaku kesilapan ketika hadis tersebut diterjemahkan. Hal ini kerana hadis merupakan sumber kedua tertinggi dalam hierarki pengambilan hukum sebarang kesilapan yang berlaku boleh menjejaskan amalan yang dilaksanakan. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti sejauh mana aspek kontekstual terjemahan Kata Nama Zat (KNZ) diberikan penekanan dalam terjemahan. Kajian ini dijalankan melalui penganalisaan terhadap dua buah karya terjemahan cetakan Pustaka Nasional Singapore (PNS) 2014 dan Percetakan Jahabersa (PJ) 2009 menggunakan teori semantik kontekstual yang dipelopori oleh John Robert Firth, analisis kontrastif yang diasaskan oleh Robert Lado dan penilaian terjemahan yang diperkenalkan oleh Nababan, Mokhtar dan Basil. Sejumlah 5 sampel dari hadis-hadis yang mengandungi Kata Nama Zat dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian ini mendapati aspek makna kontekstual dalam terjemahan dengan mengambil kira situasi tertentu dipraktikkan dalam sejumlah sampel dan masih lagi perlu diperbaiki. Sekaligus memberikan gambaran bahawa mesej sebenar yang ingin disampaikan oleh Nabi SAW perlu diteliti terlebih dahulu secara kontekstual sebelum aspek-aspek makna lain diambil kira.

Kata kunci: *Terjemahan, Hadis, Kontekstual, Deskriptif, Semantik-komunikatif*

ABSTRACT

Understanding the context of sentences plays an important role in translation to identify the true meaning of the text. The understanding of the context of a verse from the contextual point of view of hadith translation needs to be fully polished so that there is no mistake when the hadith is translated. This is because the hadith is the second highest source in the hierarchy of establishing rulings, and errors that may affect religious practices. Therefore, this study aims to identify the extent to which the contextual aspects of the translation of the Nouns (KNZ) are emphasised in translation. The study was conducted through the analysis of two translated works from Singapore National Library (PNS) and Percetakan Jahabersa (PJ) 2009 using the contextual semantic theory pioneered by John Robert Firth, a contrastive analysis founded by Robert Lado and the translation

¹ Husni Abdullah, Pensyarah Jabatan Bahasa dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam (FPPI), husni@kuis.edu.my

assessment introduced by the Nababan, Mokhtar and Basil. A total of 5 samples from hadiths containing the nouns were analysed descriptively. The results of this study found that aspects of contextual meaning in translation take into account certain situations that are published in a number of samples and still need to be improved. At the same time, it gives the impression that the actual message that the Prophet (p.b.u.h.) wants to convey must be contextualised before other aspects of meaning are taken into account.

Keywords: Translation, Hadith, Contextual, Descriptive, Semantic-Communicative

Pendahuluan

Penterjemahan menurut Catford (1965) merupakan suatu proses penggantian bahan tekstual dalam bahasa sumber (Bsu) dengan bahan tekstual yang sepadan dalam bahasa sasaran (Bsa). Oleh kerana proses menterjemah suatu bidang kerja yang kompleks dan rumit, penterjemah perlu mengambil kira beberapa aspek sebelum menterjemah sesuatu perkataan atau ayat ke dalam bahasa sasaran. Penterjemah tidak sepatutnya menterjemah sesuatu perkataan atau ayat tanpa membaca keseluruhan teks serta benar-benar memahami akan makna sesuatu perkataan dengan jelas dan tepat sebelum menterjemahkannya ke dalam bahasa sasaran. Justeru itu, salah satu aspek penting dalam melahirkan terjemahan yang berkualiti dan sempurna penguasaan aspek tekstual dan kontekstual dalam memahami terjemahan.

Oleh kerana aspek makna memainkan peranan yang sangat penting dalam teks terjemahan yang mengikat seorang penterjemah untuk berkomunikasi di antara dua bahasa yang berbeza. Kefahaman seorang penterjemah kepada makna sesuatu perkataan di dalam sesuatu bahasa tidak semestinya menggambarkan makna yang diterjemahkan tersebut adalah benar. Perkara ini berkemungkinan berlaku kerana konsep padanan makna dalam terjemahan mempunyai banyak cabangnya. Suatu perkataan tidak hanya merujuk kepada objek semata-mata, tetapi ada ketikanya merujuk kepada konsep tertentu. Contohnya perkataan 'kecewa' tidak merujuk kepada objek tetapi merujuk kepada konsep. Justeru itu perkataan itu hanyalah sebagai lambang dan bukan makna dalam erti kata makna tersebut hanya wujud di luar perkataan.

Umumnya dalam memahami suatu teks khususnya berkait rapat dengan hadis ada dua aspek utama yang perlu diberi perhatian iaitu aspek tekstual dan aspek kontekstual. Tekstual bermaksud penelitian terhadap suatu teks yang menjadikan setiap leksikel yang terkandung dalam teks tersebut sebagai objek penelitian. Aspek ini ini menekankan analisis kebahasaan dalam memahami suatu teks. Aspek kontekstual pula bererti sesuatu yang berkaitan dengan suasana atau keadaan tertentu yang boleh berlaku di luar aspek kebahasaan. Oleh itu, pemahaman kontekstual adalah pemahaman yang bukan sahaja terikat dengan aspek kebahasaan, tetapi juga teks perlu difahami melalui situasi ketika teks itu muncul.

Latar Belakang Kajian

